

Bil. 20

**Selasa
29 April 1997**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENGKAL KETIGA
MESYUARAT PERTAMA**

KANDUNGAN

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA Perlanjutan Mesyuarat Dewan Rakyat	(Ruangan 1)
JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Ruangan 1)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-Undang Jenayah Komputer 1997	(Ruangan 13)

AHLI-AHLIDewan RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)
- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)
- “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)
- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' (Dr.) Haji Abu Hassan bin Haji Omar, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T. P.I.S. (Kuala Selangor)
- “ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)
- “ Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulau)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K. (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Dato' Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Kerk Choo Ting (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., .D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Ong Ka Ting (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tengah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoo Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)

Yang Berhormat	Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
“	Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
“	Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
“	Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
“	Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)
“	Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
“	Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
“	Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
“	Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
“	Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
“	Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria, P.J.K. (Jerantut)
“	Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
“	Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
“	Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
“	Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
“	Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
“	Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
“	Tuan Asmat Nungka (Beluran)
“	Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
“	Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
“	Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
“	Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
“	Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
“	Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
“	Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
“	Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)

- Yang Berhormat Dato' Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- " Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- " Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- " Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- " Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- " Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- " Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- " Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- " Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- " Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- " Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- " Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- " Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu)
- " Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- " Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- " Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- " Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- " Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- " Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- " Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)
- " Dato' Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- " Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- " Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- " Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- " Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)

Yang Berhormat	Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
“	Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
“	Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
“	Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
“	Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
“	Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
“	Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
“	Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
“	Tuan Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
“	Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
“	Dato' Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
“	Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
“	Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
“	Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
“	Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
“	Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
“	Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
“	Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
“	Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
“	Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
“	Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
“	Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
“	Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
“	Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
“	Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)

- Yang Berhormat Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- Tuan Ong Tin Kim (Teluk Intan)
- “ Dato’ Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K.,
P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P.,
S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)

- Yang Berhormat Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat : Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T., A.M.N.,
P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
Ketua Penolong Setiausaha : Said bin Sidik
Penolong Setiausaha Kanan : Zamani bin Haji Sulaiman
Penolong Setiausaha : Haji Mustakin bin Selamat

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan : Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Pelapor Perbahasan Parlimen : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.
Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor
Pembaca Pruf : Abu Bakar bin Hasan

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat : Lt Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 29 April 1997

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat)
mempengerusikan Mesyuarat]**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA**
PERLANJUTAN MESYUARAT DEWAN
RAKYAT

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini bahawa saya telah menerima satu perutusan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Ketua Majlis yang memaklumkan bahawa Mesyuarat Dewan Rakyat akan dilanjutkan dua hari lagi iaitu pada hari Isnin, 12hb. Mei dan hari Selasa, 13hb. Mei, 1997 untuk memberi masa yang lebih lagi bagi Dewan Rakyat membahas rang undang-undang yang dibentangkan oleh kerajaan menurut Peraturan Mesyuarat 11(2) Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat. *[Tepuk]*

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN**KONDOMINIUM MEWAH DAN KOMPLEKS**
PEJABAT - GARIS PANDUAN
PEMBANGUNAN

1. **Dato' Salamon bin Selamat [Shah Alam]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada pembangunan rumah-rumah kondominium harga mewah serta kompleks-kompleks pejabat dan perniagaan di bandar-bandar utama Malaysia terutama di kawasan Lembah Klang mengikut garis panduan dan keperluan pelan induk yang telah diluluskan oleh kerajaan dan benar-benar memenuhi keperluan serta permintaan orang ramai dan masyarakat sekeliling. Adakah kerajaan bercadang untuk mengawal pembinaan rumah-rumah tersebut bagi mengelakkan pembinaan rumah-rumah yang berlebihan yang akan memberi kesan buruk kepada pasaran harta tanah dan ekonomi negara seperti yang dialami oleh Malaysia di zaman kemelesetan pada tahun 1987.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]: Tuan Yang di-Pertua, pembangunan

rumah-rumah kondominium harga mewah serta kompleks pejabat dan perniagaan di bandar-bandar utama di Malaysia terutama di kawasan Lembah Klang sememangnya mengikut garis panduan dan keperluan pelan induk yang telah diluluskan oleh kerajaan. Ini meliputi pematuhan kepada plot ratio, dengan izin, kepadatan, keperluan letak kereta, rangkaian jalan keluar masuk dan had minimum anjak undur bangunan. Mengenai bilangan berlebihan dibina pemaju-pemaju mempunyai panduan tersendiri untuk menilai permintaan, untuk mengelakkan pembinaan yang berlebihan yang akan mengakibatkan rumah-rumah dan bangunan pejabat tidak terjual.

Dato' Salamon bin Selamat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sejauh manakah Indeks Perumahan Negara yang baru diperkenalkan oleh kerajaan dapat membantu kerajaan untuk mengawal harga pasaran rumah di negara ini dan adakah pihak kerajaan menggunakan indeks ini sebagai salah satu daripada garis panduan dalam perancangan dan penggubalan dasar yang melibatkan program-program perumahan?

Dato' Mohd Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kalau kita ambil indeks rumah di Malaysia menggunakan tahun 1990 sebagai indeks asas ataupun dianggap sebagai seratus peratus, indeks harga unit bertingkat tinggi di Malaysia 1988 hingga 1996 adalah seperti berikut:

<u>Tahun</u>	<u>Peratus Harga</u>
1988	78.1
1989	92.6
1990	100.0
1991	107.2
1992	107.3
1993	105.8
1994	112.2
1995	116.9
1996	115.7

Di Kuala Lumpur unit bertingkat tinggi merupakan hampir 70% daripada keseluruhan pasaran. Daripada perangkaan perumahan pemaju swasta di Semenanjung Malaysia, bilangan unit rumah bertingkat tinggi berharga melebihi RM100,000 diluluskan untuk pembinaan adalah seperti berikut:

<u>Tahun</u>	<u>Bilangan Rumah</u>
1984	1,183
1985	1,104
1986	289
1987	336
1988	1,664
1989	751
1990	3,107
1991	9,147
1992	4,990
1993	4,510
1995	6,846
1996	4,081

Daripada angka-angka ini kita dapat melihat bahawa pada tahun 1987, apabila ekonomi berada dalam keadaan recession, maka rumah-rumah bertingkat tinggi yang dibina berkurangan sekali iaitu hanya 289 dan 336. Kita menggunakan indeks ini sebagai panduan bukan sahaja untuk kerajaan tetapi juga untuk pihak swasta dalam kita membina rumah-rumah terutama sekali yang bernilai tinggi ataupun bertingkat tinggi.

Bagi rumah-rumah kos rendah, sama ada keadaan pasaran lembab ataupun pasaran di tahap yang tinggi, rumah-rumah kos rendah ini tetap dibina dan tetap laris dijual.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah dasar dan pandangan kementerian tentang local plan ataupun pelan tempatan sebagai satu instrument untuk mengawal pembinaan rumah kos mewah atau pejabat-pejabat sehingga tahapnya tidak berlebihan? Sekian, terima kasih.

Dato' Mohd Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, apabila kita merancang sesuatu rancangan struktur, maka perkara-perkara yang kita masukkan dalam perancangan struktur berkenaan adalah seperti berikut:

- (i) sosial ekonomi;
- (ii) perancangan fizikal;
- (iii) infrastruktur dan utiliti;
- (iv) kemudahan sosial;
- (v) perumahan;
- (vi) alam sekitar dan pengurusan; dan
- (vii) pelaksanaan.

Dan perkara-perkara yang kita masukkan dalam sesuatu rancangan tempatan adalah seperti berikut:

- (i) pertaburan penduduk dan pekerjaan;
- (ii) perumahan;
- (iii) pertanian;
- (iv) perindustrian dan perdagangan;
- (v) membeli-belah;
- (vi) pengangkutan;
- (vii) pelajaran;
- (viii) perkhidmatan sosial dan kemasyarakatan;
- (ix) rekreasi dan lipur diri;
- (x) alam sekitar termasuk pemuliharaan, pengekalan seni bandar dan seni taman; dan
- (xi) perkhidmatan utiliti dan infrastruktur.

Jadi, apabila sesuatu pelan struktur hendak diluluskan, ianya akan berasas kepada perkara-perkara yang telah saya sebutkan termasuk juga kuasa membeli yang ada kepada penduduk-penduduk dalam satu-satu kawasan.

WARGA TUA - PEMBERIAN PINJAMAN PERUMAHAN

2. **Puan Chua Soon Bui [Tawau]** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) sama ada kementeriannya sedar bahawa kaum warga tua lazimnya dinafikan pemberian pinjaman perumahan oleh bank-bank tempatan; dan
- (b) jika ya, apakah kementerian akan bertindak untuk menghentikan amalan yang berkenaan.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Institusi perbankan tidak menolak permohonan pinjaman semata-mata kerana seseorang itu adalah kaum warga tua. Institusi perbankan harus menilai permohonan pinjaman berdasarkan keupayaan seseorang itu membayar balik pinjaman tersebut. Sekiranya bakal peminjam boleh menyakinkan keupayaan menguruskan pinjaman dengan berhemat dan mengikut perjanjian yang telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak, institusi perbankan akan memberi pinjaman yang dipohon itu. Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, sekiranya kriteria ini tidak dapat dipenuhi, institusi perbankan terpaksa

menolak permohonan pinjaman walaupun pemohon tersebut adalah daripada kumpulan muda.

- (b) Kerajaan tidak dapat memaksa institusi perbankan memberikan pinjaman kepada mana-mana pihak yang tidak memenuhi kriteria pinjaman institusi masing-masing. Institusi perbankan mempunyai tanggungjawab memastikan dana pendeposit dilaburkan dengan berhemat supaya ianya dapat memberi pulangan yang setimpal dengan risiko yang diambil supaya keselamatan dana pendeposit tidak terjejas.

Puan Chua Soon Bui: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kementerian berminat mencadangkan penubuhan satu tabung khas untuk membantu warga tua memiliki perumahan dan adakah arahan dibuat oleh Bank Negara Malaysia baru-baru ini menyebabkan jatuhnya harga saham BSKL? Terima kasih. *[Ketawa][Tepuk]*

Seorang Ahli: Amboi, jawab ya jawab.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, *[Ketawa]* untuk menubuhkan satu tabungan khas bagi warga tua meminjam belumlah ada cadangan daripada pihak kerajaan kerana dana-dana yang ada di dalam sistem kewangan ataupun di dalam pasaran negara adalah mencukupi dan warga tua boleh meminjam dari mana-mana tempat mengikut selernya sendiri.

Untuk soalan yang kedua yang mana ramai Ahli-ahli Yang Berhormat sedang menunggu jawapan *[Ketawa]* ingin saya nyatakan di sini, kejatuhan harga saham di dalam BSKL baru-baru ini disebabkan oleh banyak faktor dan faktor-faktor yang diketahui ialah apa yang didakwa oleh sesetengah pihak ialah announcement, dengan izin, yang dibuat oleh Bank Negara mengenai pengawalan pinjaman untuk membeli hartanah dan saham di kalangan bank dan institusi kewangan.

Ingin saya nyatakan di sini, Yang Berhormat cuba dengar dengan baik ya. *[Ketawa]* Ingin saya nyatakan di sini, walaupun had itu ataupun limitation, dengan izin, dibuat oleh Bank Negara masih ada lagi dana yang boleh dipinjam untuk dua tujuan melabur di dalam dua sektor ini. Mengikut perangkaan awal yang kita terima, masih ada lagi RM60,000 juta sehingga RM70,000 juta di dalam sistem perbankan dan institusi kewangan yang boleh diberi pinjaman untuk membeli rumah dan hartanah serta membeli saham.

Jadi, dana itu masih ada. Oleh sebab itu, jikalau pengisytiharan yang dibuat oleh Bank Negara itu dijadikan sebagai satu faktor yang menyebabkan kejatuhan, maka pada saya pasaran BSKL yang boleh dikatakan, dengan izin, over reacting.

Faktor yang kedua ialah apa-apa komitmen yang sistem perbankan dan institusi kewangan buat sebelum 1hb. April tahun ini, tidak terlibat atau tidak dipengaruhi ataupun tidak mendapat kesan daripada pengisytiharan ini.

Akhir sekali, ingin saya nyatakan bahawa usaha yang dibuat oleh Bank Negara Malaysia adalah semata-mata untuk mengawal spekulasi harta ataupun aset (asset inflation) yang merupakan satu perkara yang cukup merbahaya kepada ekonomi kita.

Jadi, usaha Bank Negara mengawal itu sebenarnya jikalau rakyat umum yang melabur di BSKL tahu mengenai fakta yang saya sebut ini mungkin dia tidak jatuh.

Satu lagi faktor yang jatuh ialah kenaikan tahap kadar faedah (interest rate) oleh Federal reserve tetapi ini hanya merupakan sebagai satu faktor yang transient, dengan izin. Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat jangan bimbanglah, sebenarnya ia tidak seharusnya mempengaruhi saham di BSKL. Oleh itu, mulalah melabur balik di dalam BSKL. *[Ketawa]*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya harap jawapan tersebut dapat melegakan rakan-rakan yang telah kudung tangan hari ini. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, satu persoalan, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan pihak bank memberi pinjaman di atas kesesuaian projek atau viability satu-satu projek itu. Yang saya ingin utarakan, adakah pihak Bank Negara akan mengarahkan bank-bank mengadakan tabung dana untuk pinjaman ke atas projek-projek bagi membangunkan tanah-tanah simpanan Melayu ini, kerana seperti yang kita sedia maklum, kadangkadangkang tanah itu berada bersebelahan tanah bebas tetapi dinilai begitu rendah sehinggakan kadangkadangkang kos pinjaman untuk membina atau membangunkan tanah tersebut tidak mampu. Jadi, adakah pihak Bank Negara, kerana kita katakan tadi atas viabiliti projek, boleh mengarah bank-bank supaya diwujudkan dana ataupun badan untuk memberi pinjaman ke atas tanah-tanah simpanan Melayu untuk dibangunkan dan dimajukan.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, adakah pihak kementerian.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya rasa soalan tambahan Yang Berhormat cukup panjang.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tidak, yang panjang itu mukadimmah, Tuan Yang di-Pertua, soalan itu pendek sahaja. *[Ketawa]*

Cuma saya hendak tahu, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri terangkan, jadi tahukah berapa banyak kerugian yang dihadapi oleh peniaga-peniaga setelah Bank Negara mengeluarkan arahan baru, iaitu daripada sektor harta tanah dan juga sektor pelaburan di BSKL. Kalau tidak ada, secara bertulis bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri beritahu. Terima kasih.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini tidak ada lagi rancangan untuk kita menubuhkan dana untuk membangunkan tanah-tanah simpanan Melayu oleh Bank Negara. Tetapi untuk pengetahuan Yang Berhormat, banyak sumber kewangan lain boleh digunakan, seperti Baitulmal yang sedang dirancang pada masa ini dan juga lain-lain sumber kewangan yang dipunyai oleh orang-orang Melayu. Jadi, masih belum ada lagi kehendak yang meningkat ke arah itu, tetapi jikalau satu hari mungkin akan terdapat, kita kaji.

Mengenai dengan kerugian yang dialami oleh pelabur-pelabur, itu adalah mustahil untuk dikira kerana banyak kerugian adalah kerugian atas kertas (paper loss), tetapi kalau Yang Berhormat main kontra, itu kerugian banyak dan ini tidak disimpan di dalam statistik BSKL ataupun KLSE dan Yang Berhormat jangan bimbang, saya pun rugi juga. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah.

[Soalan No. 3 - Y.B. Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah [Pengkalan Chepa] tidak hadir]

TEKNOLOGI GETAH - KAJIAN

4. Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said [Kuala Nerus] minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sama ada negara kita masih menjadi pengeluar getah terbesar di dunia dan apakah langkah kementerian untuk mempergiatkan lagi pemprosesan getah, teknologi pembangunan produk getah dan idea-idea baru ke arah R&D teknologi

getah yang lebih bermakna. Apakah kementerian bercadang untuk memperbanyakkan lagi industri-industri hiliran getah seperti tayar, rubber holes, rubber automation, rubber glove dan lain-lain bahan pengeluar dari getah yang dapat membantu industri ini.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Cik Siti Zainab binti Abu Bakar]: Tuan Yang di-Pertua, Malaysia tidak lagi pengeluar getah terbesar di dunia tetapi masih menjadi pengeluar utama getah asli dunia selepas negara Thailand dan Indonesia. Pengurangan pengeluaran getah asli negara adalah disebabkan oleh pemindahan sumber-sumber ekonomi kepada aktiviti-aktiviti lain. Walau apapun, pengeluaran getah asli negara dijangka akan stabil pada paras satu juta metrik tan.

Bagi menghadapi cabaran-cabaran yang akan dihadapi oleh industri getah, Kementerian Perusahaan Utama melalui agensi-agensi R&Dnya telah memperluaskan kegiatan R&Dnya terutama di sektor hiliran. Langkah ini bertujuan membantu sektor pembuatan barangan memperluaskan kepelbagaian keluarannya. Hasil penyelidikan ini dapat membantu sektor pembuatan menerokai barangan berteknologi tinggi yang mempunyai pasaran niche, dengan izin, yang memberi keuntungan yang lebih baik.

Bagi menjawab soalan Yang Berhormat mengenai apakah kementerian bercadang memperbanyakkan lagi industri-industri hiliran getah, sukacita dimaklumkan bahawa kementerian sememangnya menggalakkan usaha-usaha tersebut. Pada masa kini perkembangan industri hiliran getah tertumpu kepada pembuatan barangan celupan lateks terutamanya sarung tangan. Untuk mengelakkan industri hiliran getah terlalu bergantung kepada pembuatan barangan celupan lateks, maka kementerian melalui RRIM telah melancarkan beberapa program pembangunan barangan getah. Kerajaan melalui IMP2 memang menggalakkan pertumbuhan pengeluaran barangan getah dalam subsektor barangan getah am dan barangan getah industri.

Sebagai salah satu langkah terbaru kerajaan untuk mempergiatkan lagi kemajuan pembuatan barangan getah ialah dengan mendedahkan usahawan-usahawan kepada produk-produk yang boleh diperbuat dari getah. Sehubungan dengan ini, sebuah Pusat Pameran Barangan Getah Antarabangsa (International Rubber Products Exhibition Centre) telah didirikan di Stesen

Percubaan Penyelidikan Getah, Sungai Buloh. Pusat ini dijangka akan dapat memainkan peranan penting dalam mempromosikan barangan getah dan mendorong minat di kalangan usahawan-usahawan. Di samping itu, pusat ini juga dijangka dapat berfungsi sebagai pusat maklumat mengenai barangan getah dari segi pasaran, teknologi pemrosesan dan lain-lain lagi.

Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said: Tuan Yang di-Pertua, pada hari semalam Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa merasmikan Pusat Pameran Barangan Getah Antarabangsa Malaysia (PPBGAM) di RRIM, Sungai Buloh melahirkan ketidakpuashatian Yang Amat Berhormat dengan kekurangan penggunaan barangan getah tempatan dalam beberapa projek besar yang sedang dijalankan di negara ini. Dan Yang Amat Berhormat juga melahirkan besar kemungkinan keadaan yang berlaku itu kerana ketidakcukupan pakar perunding, arkitek dan jurutera dalam bidang ini.

Saya ingin tahu apakah langkah jangka masa panjang kementerian di dalam menyelesaikan masalah kekurangan para teknokrat-teknokrat ini. Dan apakah pengumuman Rubber City yang diumumkan pada hari kelmarin adalah salah satu langkah bagi menyelesaikan masalah ini?

Cik Siti Zainab binti Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, pada setakat ini RRIM merupakan pusat institut penyelidikan getah Malaysia yang telah ditubuhkan pada tahun 1975 dan sedang giat mengambil pakar-pakar dari segi teknologi getah untuk meningkatkan kepakaran dalam bidang R&D getah dan juga bersama dengan Tun Abdul Razak Research Centre (TARRC) juga sedang giat meningkatkan kepakaran dalam bidang R&D penyelidikan getah.

Berkenaan dengan Rubber City ini, di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, kerajaan memang bercadang untuk membangunkan sebuah Rubber City di kawasan RRIM dan ini dijangka mengandungi Ibu Pejabat LGM serta makmal-makmalnya, Taman Industri Getah, kawasan perumahan dan rekreasi. Ia akan dibangunkan secara penswastaan di mana LGM sebagai pemilik tanah akan menjadi rakan bersama dalam usaha-usaha pembangunan ini. Kemudahan-kemudahan yang sedia ada seperti Pusat Teknologi Getah, Pusat Latihan Getah dan Pusat Pameran Getah akan menjadi sebahagian daripada Rubber City.

Taman Industri Getah dirancang untuk menjadi pelengkap kepada kemudahan yang ada bagi menggalakkan lagi pertumbuhan industri pembuatan

barangan getah. Sebahagian kilang-kilang yang akan didirikan di Taman Industri Getah itu adalah berkonsepkan incubator dan bimbingan. Di samping itu, ia juga akan memuatkan industri berteknologi tinggi, industri kecil dan sederhana dan industri sampingan yang berkaitan dengan industri getah. Taman industri ini akan disokong oleh kemudahan yang sedia ada di pusat teknologi, pusat latihan dan pusat pameran. Dengan tersedianya segala kemudahan ini, adalah dipercayai industri getah umumnya dan sektor pembuatan barangan getah khususnya akan berkembang dan membantu membawa negara kita ke abad 21 dengan lebih berkeyakinan.

Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalau kita mengambil kaedah Net Present Value, saya rasa dalam masa 10 tahun saya menjangkakan bahawa nilai satu ekar tanaman getah dari segi rubberwoodnya akan melebihi nilai pengeluaran latexnya ataupun susu getah. Apabila keadaan itu berlaku, adakah kerajaan akan menukarkan strategi dari segi menanam getah untuk rubberwood ataupun menggalakkan penanaman getah untuk susu getah kepada penanaman getah untuk rubberwood?

Cik Siti Zainab binti Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kalau boleh kita mahu kedua-duanya [*Ketawa*] untuk tanaman latex dan juga untuk kayu hevea. Jadi, pada masa ini nilai pasaran susu getah dan kayu getah hendaklah dilihat dari segi susu dan kayu getah dalam satu jangka masa keseluruhannya. Jadi, pada kebiasaannya, satu pokok getah iaitu siri terbaru RRIM 2000 dalam jangka 20 tahun dari masa ia dibuka untuk torehan sehingga ianya ditebang untuk tanaman semula berupaya menghasilkan 140 kilogram getah dan berasaskan harga RM3 sekilo, ini akan memberi pulangan RM420. Sementara itu, sepokok getah boleh memberi hasil kayu gergaji kering yang bernilai di antara RM100 hingga RM150 dan papan gentian sederhana atau MBF yang bernilai di antara RM200 hingga RM250. Jadi, kalau boleh kedua-duanya kita hendak tingkatkan pengeluarannya.

RESTRICTED TRAVEL DOCUMENT KEPADA PENDUDUK SARAWAK- MEMPERKENALKAN

5. Tuan Tiong Thai King [Lanang] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada kementeriannya mempunyai rancangan memperkenalkan satu dokumen sah iaitu "Restricted Travel Document" dengan bayaran

berpatutan khasnya bagi penduduk negeri Sarawak untuk melawat negara Brunei Darussalam tanpa menggunakan Pasport Malaysia, seperti penduduk Semenanjung Malaysia yang menggunakan dokumen yang sama untuk melawat negara Singapura memandangkan kos bayaran Pasport Malaysia adalah lebih tinggi daripada Restricted Travel Document.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang bercadang untuk memperkenalkan dokumen perjalanan terhad seperti, dengan izin, Restricted Passport, Temporary Border Travel Pass ataupun penggunaan kad Imigresen bagi digunakan oleh rakyat Malaysia di Sarawak untuk memasuki Brunei. Walau bagaimanapun, perkara ini memerlukan persetujuan kerajaan Brunei. Sehingga hari ini pihak kerajaan Malaysia masih belum dapat sebarang persetujuan daripada Brunei.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa selepas 1hb. Julai tahun ini, sama ada rakyat Malaysia yang hendak melawat ke Hong Kong yang akan dipulangkan kepada negara China perlu meminta visa seperti apa yang kami hendak melawat ke negara China?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Saya rasa ini agak terkeluar dari soalan asal. [Ketawa]

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan berkenaan dengan travel document ataupun surat perjalanan ini. Mungkin dalam Perlembagaan ada termaktub bahawa kerajaan negeri itu berhak untuk menapis kemasukan seseorang daripada Malaysia, Sabah dan Sarawak. Jadi, untuk mengeratkan integrasi nasional, adakah pihak kerajaan bercadang untuk mengkaji balik peraturan ini supaya perjalanan rakyat Malaysia bebas di dalam negerinya sendiri tanpa membawa pasport, kad pengenalan atau sebagainya kerana saya rasakan bagi mengeratkan silaturahim rakyat Malaysia ini, pasport ini juga kadang-kadang menjadi satu pertanyaan adakah Sabah dan Sarawak itu tidak berada dalam Malaysia?

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, memang menjadi hasrat Kerajaan Malaysia untuk berbuat demikian iaitu rakyat sama ada dari Semenanjung, Sabah dan Sarawak kita boleh pergi ke mana-mana negeri di dalam negara kita tanpa pasport, akan tetapi kita perlu persetujuan daripada

Kerajaan Negeri Sarawak terlebih dahulu, pada hari ini perkara tersebut masih belum ada satu perkembangan yang baru dan kita harap pada satu hari nanti kita boleh mendapat satu keadaan yang begitu.

LEBUHRAYA GENTING HIGHLANDS- CAMERON HIGHLAND DAN BUKIT FRASER - PEMBINAAN

6. Tuan Yeong Chee Wah [Batu Gajah] minta Menteri Kerja Raya menyatakan bilakah lebuhraya 258 km yang menghubungkan Genting Highlands, Cameron Highland dan Bukit Fraser akan dimulakan pembinaannya, apakah masalah untuk menyiapkan laporan kesan alam sekitar (EIA) setakat ini.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan bahawa projek jalanraya Genting Highlands, Fraser Hill, Cameron Highlands akan dimulakan apabila Kajian Alam Sekitar terperinci disempurnakan.

Buat masa ini kerajaan sedang dalam proses melantik juruperunding untuk menjalankan Kajian Alam Sekitar terperinci. Kajian tersebut akan mengambil masa selama satu tahun. Setelah hasil laporan Kajian Alam Sekitar terperinci dikemukakan untuk pertimbangan kerajaan, satu keputusan mengenai pembinaan projek ini akan dibuat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kajian Alam Sekitar awalan iaitu preliminary EIA study, dengan izin bagi projek jalan raya ini telah dijalankan oleh Jabatan Kerja Raya pada bulan Januari, 1994. Daripada hasil kajian awalan ini kerajaan telah memutuskan supaya Kajian Alam Sekitar terperinci dijalankan. Saya ingin memaklumkan tiada masalah dihadapi dalam menyiapkan laporan Kajian Alam Sekitar awalan.

Tuan Yeong Chee Wah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu sejauh manakah kesannya perkembangan ekonomi akan diperolehi oleh ketiga-tiga tempat tersebut selepas lebuhraya yang disiapkan dan adakah caj tol akan dikenakan apabila lebuhraya ini digunakan?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, dengan pembinaan jalan ke bukit-bukit peranginan ini akan menambah lebih banyak pelancongan dan saya percaya ekonomi negara kita akan bertambah.

Yang kedua, pengguna-pengguna jalan lama iaitu dari Tapah ke Cameron Highlands yang sedang

menggunakan jalan lama boleh juga menggunakan jalan baru ini dengan lebih style, lebih selamat dan lebih selesa. *[Ketawa]* Dan juga.....

Seorang Ahli: Lebih full value!

Dato' Seri S. Samy Vellu:projek ini juga akan membawa lebih kemajuan kepada kawasan-kawasan yang berhampiran dengan jalan itu. Kemajuan seperti penubuhan kawasan struktur baru -struktur baru berertinya akan menubuhkan bandar-bandar baru.

Berkenaan dengan kutipan tol - *[Ketawa]* saya suka menjawab kepada Ahli Yang Berhormat - apabila sahaja kita minta pihak swasta untuk membina jalan, macam mana jalan ini boleh dibina tanpa tol? *[Ketawa]* Mesti ada! Tetapi kuantum tol itu belum dapat diselesaikan lagi, oleh kerana pembinaan jalan ini akan mengambil perbelanjaan lebih kurang RM2.5 bilion iaitu RM2,005,000,000. Oleh kerana itu kerajaan mesti merancang dan juga berbincang dengan pihak swasta macam manakah projek ini boleh dilaksanakan, jikalau tidak pada akhirnya menteri akan menjadi susahlah! Banyak soalan dan juga orang marah dalam surat khabar. *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Seorang Ahli: Wah! Tie baru ya!

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, tie baru. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya suka juga mendengar Yang Berhormat menerangkan satu kajian awalan sudah pun dibuat. Kalau itulah yang dibuat apakah penemuan-penemuan daripada kajian tersebut dan bolehkah Yang Berhormat menjamin bahawa dengan adanya kajian yang lebih terperinci masalah alam sekitar di ketiga-tiga tanah tinggi ini dapat diselesaikan. Misalnya, masalah di Bukit Fraser ataupun di Cameron Highlands suhunya naik.

Pada masa yang lampau kita tahu di kawasan-kawasan ini suhunya sejuk juga, tetapi sekarang kadangkala suhunya itu tidak begitu sejuk, ini bermakna ada masalah termasuk pembinaan dan projek-projek yang

Seorang Ahli: Soalan!

Dr. Tan Seng Giaw:soalan itu sudah ditanya, ini cuma....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, tidak payah.....

Seorang Ahli: Masalah ter'kepong'.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:Yang Berhormat huraikan soalan.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Melatah]* *[Ketawa]* Jadi, saya hendak

Seorang Ahli: Sudah latah!

Dr. Tan Seng Giaw: Saya hendak terangkan lagilah masalah

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Apa Yang Berhormat.....

Dr. Tan Seng Giaw:dan soalan yang berikutnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, masalahnya ialah suhu itu naik. Suhu di kedua-dua kawasan itu naik dan kalau tidak silap saya di Genting Highlands pun tidak lama lagi akan naik suhunya kerana pencemaran alam sekitar. Adakah Yang Berhormat akan memastikan kerosakan ke atas alam sekitar tidak akan berlaku dengan adanya jalan-jalan bertol ini, tol dengan baiklah kalau hendak adakan tol?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, kajian awal seperti apa yang saya jelaskan tadi iaitu kajian untuk mendapat aliran dan juga mengatasi masalah yang kita hadapi dan lain-lain.

Selain daripada itu, kajian penuh oleh EIA, kita telah melantik seorang juruperunding, sebuah syarikat juruperunding iaitu Min Konsultan Sdn. Bhd. untuk menjalankan kajian EIA terperinci masih dalam pertimbangan Kementerian Kewangan. Saya percaya dalam tempoh dua atau tiga minggu kita akan mendapat keputusan daripada Kementerian Kewangan.

Anggaran kos kajian EIA terperinci ialah, permintaan iaitu RM4 juta daripada Kementerian Kewangan, tetapi kita mendapat kelulusan untuk RM3.5 juta. Ini bererti kita boleh memulakan kerja dengan seberapa cepat yang kita boleh.

SAMPAH DIBUANG SECARA HARAM - TINDAKAN DIAMBIL

7. **Tuan R. Karpal Singh [Jelutong]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan tindakan yang telah diambil bagi mengatasi pembuangan sampah secara haram yang mana telah mengakibatkan kebersihan negara terjejas.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah meminta semua Pihak Berkuasa Tempatan meningkatkan

penguatkuasaan pada kawasan yang kerap dijadikan tempat pembuangan sampah secara haram. Dalam pada itu program kesedaran dan pendidikan awam berhubung kebersihan hendaklah terus dipergiatkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

Kementerian bercadang untuk mengadakan hukuman berbentuk kerja-kerja kemasyarakatan terhadap mereka yang disahkan membuang sampah secara haram. Hukuman ini sedang dipertimbangkan sebelum dikuatkuasakan secara undang-undang.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. antara satu sebab di mana orang-orang suka membuang sampah secara haram di merata-rata adalah kerana pusat pemungut sampah yang dikuasai oleh Kerajaan Tempatan memerlukan permit atau bayaran/fee kepada mereka yang hendak membuang sampah dengan lori - itu maksud saya.

Pada hari kelepasan atau pada Hari Raya, Pihak Berkuasa Tempatan tidak berfungsi atau tidak bekerja, sebab itulah lori-lori yang memungut sampah-sarap tidak ada tempat untuk pergi membuang sampah-sampah itu.

Sehubungan dengan ini, adakah kementerian akan mengarahkan Pihak Berkuasa Tempatan supaya mengenakan kutipan di hadapan pusat membuang sampah itu pada bila-bila masa sama ada waktu malam, pada hari kelepasan atau pada Hari Raya. Sesiapa yang hendak membuang sampah hendaklah dikenakan kutipan di hadapan sana.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang sedar perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, itulah sebabnya kerajaan bercadang supaya pelupusan dan pungutan sampah ini dibuat secara swasta. Pihak Berkuasa Tempatan di tiap-tiap kawasan akan dijadikan sebagai regulator kepada pihak swasta yang menjalankan kutipan dan pelupusan sampah. Kita berharap dengan cara ini Pihak Berkuasa Tempatan yang pada hari ini merupakan pihak yang bertanggungjawab untuk mengutip dan melupuskan sampah akan hanya menjadi regulator pada pihak yang bertanggungjawab untuk mengutip dan melupuskan sampah. Saya yakin dengan cara ini kemungkinan besar sekiranya mendapat kerjasama daripada orang ramai dan pemimpin-pemimpin negara ini, termasuk pemimpin Pembangkang, maka usaha kita untuk mengatasi masalah ini akan dapat kita capai.

Sebagaimana cadangan Yang Berhormat tadi berkenaan dengan cara kita melupuskan sampah supaya kita wujudkan tempat kutipan itu di mana tempat kita melupuskan sampah, kalau ini sesuai ianya akan dipertimbangkan.

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Salah satu daripada punca sampah yang banyak adalah penggunaan beg-beg plastik yang berbagai-bagai warna, yang kita lihat sentiasa bertaburan di tepi-tepi jalan dan juga di kawasan-kawasan perumahan. Apakah kerajaan bercadang untuk mengharamkan penggunaan beg plastik ini, kerana beg plastik ini tidak 'biodegradable', dengan izin, apakah kerajaan tidak mencari satu teknologi baru supaya barang-barang daripada bahan-bahan bungkusan ini diperbuat daripada bahan-bahan yang jenis 'biodegradable' dan satu jenis warna seperti warna semula jadi alam supaya tidak nampak sebagai satu bahan kotor dan apabila dibuang ia boleh hancur sendiri dan menjadi bahan baja kepada tumbuhan.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, memang ada sebuah Pihak Berkuasa Tempatan yang telah pun mencadangkan untuk mengharamkan penggunaan beg plastik, tetapi ia mendapat bantahan yang begitu hebat bukan sahaja daripada kawasan yang berkenaan, malahan boleh dikatakan daripada seluruh negara. Maka itulah sebabnya pihak kerajaan tidak bersetuju untuk mengharamkan penggunaan beg plastik. Bagaimanapun saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat tadi, yang mengatakan supaya kita menggunakan plastik yang 'biodegradable', kalau ini dapat kita wujudkan saya yakin kita boleh menggunakan beg plastik yang akhirnya apabila dibuang ia akan menjadi baja.

Berkenaan cadangan Yang Berhormat supaya kita menggunakan satu warna, ini juga akan dipertimbangkan dan jika sesuai boleh kita praktikkan.

PINJAMAN UNTUK MEMBINA RUMAH DI ATAS TANAH YANG DIBELI - KAJIAN PERATURAN

8. Tuan Hashim bin Ismail [Ledang] minta menteri Kewangan menyatakan apakah rasional di sebalik tindakan kerajaan yang hanya membenarkan pinjaman untuk membina rumah hanya di atas tanah yang dibeli melalui pinjaman untuk tujuan tersebut. Sedangkan ada kes-kes tertentu, tanah yang dibeli melalui pinjaman perumahan dahulu didapati kini tidak sesuai kerana sebab-sebab tertentu yang tidak

dapat dielakkan ataupun, pemohon berjaya mendapat sekeping tanah yang lebih baik kedudukannya, tetapi tidak dibenarkan mendapat baki pinjaman membina rumah di atas tanah yang kedua ini sekali gus menafikan hak pemohon untuk mendapatkan keseluruhan jumlah pinjaman yang sepatutnya layak beliau perolehi. Adakah kerajaan bercadang untuk mengkaji semula peraturan ini.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, peraturan semasa yang menetapkan bahawa pinjaman selanjutnya untuk membina rumah hanya dibenarkan atas tanah yang dibeli melalui pinjaman kerajaan adalah bertujuan untuk mengelakkan spekulasi harta tanah dan selaras dengan dasar kerajaan bahawa kemudahan pinjaman perumahan Perbendaharaan digunakan untuk membeli satu harta sahaja.

Perbendaharaan bersedia menimbangkan permohonan untuk peminjam menggunakan pinjaman bagi membeli atau membina rumah di atas tapak yang lain sekiranya didapati tanah yang dibeli melalui pinjaman perumahan terdahulu kini tidak sesuai kerana sebab-sebab tertentu yang tidak dapat dielakkan, dengan syarat peminjam hendaklah menjual tanah yang dibeli dengan pinjaman terdahulu dan akaun pinjaman untuk membeli tanah itu ditutup.

Peminjam akan mempunyai satu akaun dan satu harta sahaja yang diperolehi melalui pinjaman perumahan Perbendaharaan. Pertimbangan khas bagi kes-kes tertentu apabila ianya timbul tidaklah memerlukan peraturan dipinda dan kerajaan tidak bercadang untuk mengkaji semula peraturan berkenaan.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, saya bertanya kepada Timbalan Menteri bolehkah memberitahu amaun pinjaman yang layak dipinjam oleh kakitangan-kakitangan kerajaan, dan memandangkan bahawa amaun yang boleh dipinjam oleh ahli Dewan ini adalah terhad kepada RM72,000 sahaja, dan pada masa ini RM72,000 ini tidak cukup untuk membina sebuah rumah. Adakah kerajaan bersetuju bahawa pinjaman ini dapat ditingkatkan lagi kepada semua golongan kakitangan kerajaan dan Ahli-ahli Dewan Rakyat juga?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Saya minta notis untuk memberi keseluruhan ataupun senarai kelayakan-kelayakan pegawai-pegawai kerajaan pada semua peringkat, kerana senarainya panjang. Kalau ada di sini pun, mungkin Tuan Yang di-Pertua tidak membenarkan kerana ia mengambil masa yang banyak untuk membacanya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk soalan yang kedua mengenai dengan amaun RM72,000 yang diberi kepada ahli-ahli Parlimen, rasionalnya ialah boleh dikatakan semua 99.9% ahli Parlimen adalah orang yang telah pun mencapai pendapatan dan kejayaan dalam hidup. Jadi, mereka bukanlah bermula daripada kerja selepas ijazah pertama. Mereka telah pun mempunyai rumah-rumah dan mempunyai dana yang tertentu untuk membina rumah. Jadi, RM72,000 ini bukanlah semata-mata untuk membina rumah nukleus, tetapi untuk menampung....

Seorang Ahli: Untuk repair jamban.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:apa yang tidak cukup setakat ini. [Ketawa] Jadi, itulah rasionalnya. Rumah kedua tidak boleh, [Ketawa] kerana saya jawab tadi hanya satu akaun sahaja.

Seorang Ahli: Untuk repair jamban.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Jadi, ahli-ahli Parlimen yang hendak meminjam sebanyak RM72,000 ini kita tahu bahawa ianya tidak dapat membina ataupun membeli rumah, tetapi bertujuan untuk menambah, mengelok ataupun memanjang ataupun membesarkan rumahnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Datuk S'ng Chee Hua.

[Soalan No. 9 - Y.B. Datuk S'ng Chee Hua (Julau) tidak hadir]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Tuan Asmat Nungka.

[Soalan No. 10 - Y.B. Tuan Asmat Nungka (Beluran) tidak hadir]

ARAK/SAMBU TANPA LESEN - TANGKAPAN KE ATAS PEMBUAT DAN PENJUAL

11. **Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]** minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah tangkapan yang telah dibuat dan jumlah wang hukuman yang telah dikutip dari orang yang membuat arak atau sambu tanpa lesen mengikut negeri sejak 1990. Apakah tindakan penguatkuasaan yang telah dibuat untuk menghapus minuman arak di kalangan orang-orang kampung.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, jumlah tangkapan yang telah dibuat oleh Jabatan Kastam dan Eksais Diraja ke atas pembuat, penjual arak, sambu tanpa lesen dari tahun 1990 hingga 1996 adalah sebanyak 512 kes, dan denda

iaitu jumlah wang hukuman yang telah dikutip bagi tempoh yang sama adalah sebanyak RM350,460.00.

Tindakan penguatkuasaan yang dibuat untuk menghapuskan minuman arak di kalangan orang-orang kampung ialah dengan membuat operasi dan pemeriksaan bagi menyekat penyaluran minuman keras haram dipasarkan terutamanya di rumah-rumah awam. Di samping itu, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja sentiasa memainkan peranan supaya pihak Lembaga Pelesenan seperti lesen rumah awam tidak diwujudkan di dalam kawasan kampung.

Tuan Jimmy Donald: Tuan Yang di-Pertua, dari jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, nampaknya sebahagian besar rakyat Malaysia socialised, dengan izin, dengan alkohol dan minum dengan sederhana dan bertanggungjawab. Jadi, soalan saya, adakah kerajaan mempunyai rancangan untuk mengawal naiknya harga beer dan minuman keras lain?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, kalau ditengok trend arah tuju di dalam Budget, dalam Belanjawan kerajaan dari setahun ke setahun, pengawalan tidak ada. Malah dari setahun ke setahun harga beer dan minuman keras dinaikkan kerana cukai dinaikkan. Jadi, ini satu cara untuk kita tidak menggalakkan penggunaan minuman keras sewenang-wenangnya. Jadi, tidak ada niat kerajaan untuk menurunkan harga setakat ini.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kementerian sedar bahawa ada travel agents ataupun agensi-agensi pelancongan yang telah menyarankan kepada pelanggan-pelanggan mereka yang travel overseas supaya membeli minuman-minuman keras duty free yang dihadkan, iaitu dua botol seorang. Kemudian minuman-minuman tersebut diberi kepada travel agents ini dan mereka jual secara pasaran gelap ataupun jual secara bawah kaunter di karaoke-karaoke, di nightclub-nightclub dan tempat-tempat yang tertentu. Jadi, apakah pihak kementerian mengawasi dan pihak Kastam melihat yang benda ini mungkin berlaku tanpa kesedaran kita?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, nyata sekali ini adalah kelakuan yang melanggar undang-undang negara dan jikalau butir-butir ini dapat disalurkan kepada pihak Jabatan Kastam, mereka tentu sekali akan menangkap dan menghadapkan orang-orang itu ke hadapan mahkamah.

PERTUBUHAN FREEMASON - SIASATAN DAN PENGHARAMAN

12. **Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kubang Kerian]** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) adakah beliau sedar kewujudan gerakan Freemason dan ibu pejabatnya di 213, Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur dan adakah Perdana Menteri sedar bahawa gerakan Freemason telah diharamkan di Brunei dan Indonesia kerana ia bertentangan dengan ajaran Islam dan lain-lain agama; dan
- (b) adakah Perdana Menteri sedar bahawa Freemason juga diharamkan oleh gereja-gereja Katolik di seluruh dunia dan jika sedar, adakah Perdana Menteri bercadang mengarahkan Pusat Islam menjalankan penyiasatan ke atas gerakan Freemason kerana terdapat ramai orang Islam yang menganggotainya dan ini mengancam agama dan umat Islam.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman]: Tuan Yang di-Pertua, jawapan bagi soalan,

- (a) Kerajaan sentiasa mengawasi setiap pertubuhan yang didaftarkan di negara ini, sama ada ia pertubuhan baru didaftarkan mahupun pertubuhan lama. Setiap pertubuhan yang didaftarkan adalah tertakluk kepada undang-undang negara ini, termasuklah pertubuhan Freemason.
- (b) Kerajaan juga peka dan sentiasa berusaha ke arah membina dan memantapkan akidah umat Islam berdasarkan kepada ajaran Islam yang sebenar. Di samping itu, kerajaan sentiasa mengawal sebarang bentuk penyelewengan ajaran Islam, seterusnya berusaha memastikan kesucian agama dan penganut Islam terpelihara daripada sebarang bentuk ancaman dari mana-mana pertubuhan agama lain.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, kebelakangan ini ada terdapat seorang-dua anggota Cawangan Khas di peringkat tinggi Bukit Aman terlibat dalam anggota Freemason, dan kebelakangan ini pula ada seorang Freemason yang cuba keluar daripada pertubuhan Freemason, nyawanya diancam. Mereka ini seolah-olah pertubuhan kongsi gelap. Apakah kerajaan sedar perkara ini yang kalau mereka bertindak sebagai badan kongsi gelap, kenapakah kerajaan tidak

bertindak mengharamkan sahaja, sedangkan Republik China Komunis pun mengharamkan Freemason dan lain-lain negara Islam yang lain. Kenapa kita izinkan sehingga boleh mengancam nyawa yang cuba keluar daripada pertubuhan ini?

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini maklumat ini belum sampai secara rasmi kepada pihak kita di sini.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, Freemason merupakan satu brotherhood antarabangsa yang kukuh dan mempunyai ahli-ahli yang besar di tempat-tempat yang strategik. Jadi, adakah pihak kerajaan mahu sentiasa mengwaspadakan kakitangan kerajaan khususnya supaya tidak ada infiltration ataupun penyusupan elemen-elemen Freemason yang mempunyai niat-niat yang hanya mereka sahaja yang tahu. Tetapi selalunya niat untuk menguntungkan brotherhood dan mungkin boleh kita sifatkan negatif kepada pihak kerajaan dan sebagainya.

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa sedar tentang hal ini. Sejak pertubuhan ini didaftarkan dalam negara kita, sejak tahun 1967, dan sejak dari itu tidak putus-putus pihak kerajaan memerhati dan memberi nasihat kepada pihak-pihak yang berkenaan.

ELEKTRIK DI SABAH - GANGGUAN BEKALAN

13. **Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob [Sipitang]** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan masalah bekalan elektrik di Sabah yang tidak stabil:

- (a) apakah sebab-sebab bahawa bekalan elektrik di seluruh Sabah selalu 'mati' atau 'under power' terutama sekali di luar bandar seperti Beaufort dan Sipitang; dan
- (b) apakah langkah jangka pendek dan jangka panjang untuk menyelesaikan masalah ini terutama di bandar dan pekan-pekan kecil.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Datuk Leo Moggie anak Irok]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan Persekutuan amat bersimpati terhadap kesulitan yang selama ini ditanggung oleh rakyat negeri Sabah akibat daripada masalah bekalan elektrik yang sering terganggu. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, di antara faktor-faktor utama yang menjadi punca kepada gangguan bekalan elektrik di Sabah adalah disebabkan oleh faktor-faktor berikut:

- (i) kebanyakan stesyen janakuasa elektrik Lembaga Letrik Sabah beroperasi secara berasingan dan tidak disambungkan kepada satu sistem grid, kecuali grid pantai barat Sabah;
 - (ii) kebanyakan enjin-enjin janakuasa kepunyaan Lembaga Letrik Sabah telah lama dan sering mengalami kerosakan. Pada lazimnya kos pembaikan adalah tinggi dan mengambil masa yang panjang untuk diperbaiki;
 - (iii) Lembaga Letrik Sabah nampaknya masih belum lagi mempunyai sistem penyelenggaraan yang terancang, dan mereka telah juga diarahkan untuk berbuat demikian.
 - (iv) transcend pole yang berlaku pada sistem talian atas voltan tinggi dan voltan rendah berpunca daripada sistem penyelenggaraan yang kurang memuaskan itu tadi.
- (b) Tindakan-tindakan yang sedang dan akan diambil oleh pihak kerajaan dan Lembaga Letrik Sabah bagi mengatasi kelemahan-kelemahan tersebut adalah seperti berikut:-
- (i) mempertingkatkan kapasiti penjanaan elektrik melalui pembinaan stesen-stesen janakuasa yang baru, termasuk kegunaan IPP ataupun yang dikeluarkan oleh pihak IPP;
 - (ii) pembinaan stesen grid pantai timur yang menghubungkan stesen-stesen kecil dan terasing dari pantai timur Sabah di bawah satu rangkaian penghantaran;
 - (iii) membina stesen-stesen pencawang yang baru dan menaikkan taraf pencawang yang sedia ada;
 - (iv) menyusun suatu program penyelenggaraan yang lebih terancang dan berjadual di semua stesen janakuasa, termasuk di Sipitang dan di Beaufort.

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Banyak aduan yang diterima oleh pelabur-pelabur mengatakan bahawa bekalan elektrik yang kurang ini membuatkan mereka lambat ataupun tidak begitu berminat untuk

melabur, oleh kerana apabila mereka melabur bahawa bekalan elektrik ini tidak ada. Jadi, apakah kerajaan bercadang untuk menggalakkan pelabur-pelabur ini supaya mereka juga dapat menubuhkan IPP mereka sendiri di kawasan-kawasan pelaburan mereka dengan memberi beberapa insentif supaya mereka membuat IPP itu?

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, mengikut perancangan IPP, termasuk perancangan IPP yang telah diluluskan, keupayaan janakuasa elektrik di Sabah difikirkan akan mencukupi selepas projek-projek IPP itu semuanya siap kelak. Walau bagaimanapun, kerajaan sedar bahawa suatu projek industrial state di Kota Kinabalu telah pun membuat permohonan untuk pembinaan suatu penjana kuasa bagi kegunaan mereka sendiri, dan oleh kerana kerajaan peka terhadap keperluan pihak industri sendiri, kita bersedia secara prinsip untuk mempertimbangkan permohonan itu.

Tuan Hashim bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya prestasi TNB bukan sahaja di Sabah, malah di Semenanjung juga tidak begitu memuaskan. Misalannya, baru-baru ini semasa diadakan Festival Silat Antarabangsa, bekalan elektrik telah terputus sejak pukul 9.00 pagi hingga 4.00 petang, dan ini sesungguhnya amat memalukan negara. Oleh itu, saya ingin penjelasan apakah langkah-langkah kerajaan untuk memastikan bahawa TNB akan meningkatkan mutu perkhidmatannya selaras dengan tuntutan negara sekarang ini?

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Lembaga Letrik Sabah tidaklah ada kaitan dengan Tenaga Nasional Berhad sekarang, kedua-duanya ialah sempadan yang berasingan. Walaupun demikian, seperti juga di Sabah, kita sentiasa berharap bahawa prestasi Tenaga Nasional Berhad akan bertambah dan pihak pengurusan Tenaga Nasional Berhad sendiri pun sedar bahawa mereka hendaklah mempertingkatkan keyakinan pengguna-pengguna elektrik untuk kualiti elektrik di negara kita ini bertambah baik.

PRINSIP MS ISO 9000 DALAM PERKHIDMATAN AWAM-PENYELARASAN

14. **Tuan Zainal Abidin bin Osman [Mersing]** minta Perdana Menteri menyatakan bagaimana kerajaan menyelaraskan keadaan di mana dalam melaksanakan MS ISO 9000 di sektor awam sistem kerja tertentu perlu diikuti, manakala kakitangan perkhidmatan awam terikat dengan pelbagai pekiling yang mungkin tidak selari dengan prinsip MS ISO 9000.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, dalam perkhidmatan awam terdapat banyak program dan prosedur-prosedur pentadbiran yang telah diwujudkan dengan

tujuan meningkatkan kualiti perkhidmatan yang diberikan oleh agensi-agensi kerajaan. Ini termasuklah Pekeling-pekiling Perkhidmatan Awam, Program-program Kepastian Kualiti, Arahan-arahan Perbendaharaan dan Perintah-perintah Am.

Apabila dibandingkan keperluan-keperluan ISO 9000 telah pun diambil kira dalam arahan-arahan ini di mana ianya kini telah menjadi sebahagian daripada prosedur sedia ada dan amalan di agensi-agensi kerajaan.

Oleh itu, amalan-amalan ini masih boleh diteruskan tetapi perlu didokumenkan kerana konsep ISO 9000 adalah mendokumenkan apa yang dibuat dan membuat apa yang didokumenkan. Memandangkan keperluan dokumentasi masih tidak mencukupi, agensi-agensi kerajaan perlu menyediakan dokumentasi yang lengkap mengikut keperluan ISO 9000.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, berapakah agensi atau jabatan kerajaan yang telah atau akan memenuhi ISO 9000 iaitu sama ada sekarang atau apakah masa yang paling pendek mereka boleh sampai ke tahap itu?

Pada masa yang sama, berapa banyakkah atau peratusan agensi kerajaan yang telah mencapai tujuan Piagam Pelanggan yang mereka tetapkan kerana saya tak tahu sama ada Yang Berhormat sedar atau tidak, ada sesetengah jabatan apabila orang awam membuat panggilan telefon, telefon itu tidak diangkat langsung, seperti Jabatan Imigresen, saya sendiri pernah, Tuan Yang di-Pertua, membuat panggilan sampai satu jam tidak ada orang mengangkat telefon langsung. Macam mana kita boleh bercakap tentang ISO 9000 kalau telefon pun tidak dijawab. Terima kasih.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, Pekeling Kemajuan Pentadbiran Awam No.2/1996 ini telah dikeluarkan pada bulan Julai tahun 1996, tahun lepas dan setakat ini pengauditan yang pertama akan dibuat pada akhir tahun ini dan pengauditan kedua akan dibuat pada akhir tahun 1999.

Kita mengharapkan iaitu pada tahun 2000 maka semua jabatan kerajaan ini sudah pun menyempurnakan ataupun mencapai tahap ISO 9000. Oleh kerana kita menjalankannya berperingkat-peringkat maka sudah tentulah setengah daripada jabatan yang mungkin Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka menelefon itu mungkin dia belum dilaksanakan lagi, sebab pencapaian kita ialah pada tahun 2000.

Sebenarnya, kalau kita semua tahu bahawa tidak banyak kerajaan-kerajaan negeri ataupun pentadbiran awam kerajaan negara yang melaksanakan ISO 9000, Malaysia adalah di antara beberapa kerat negara dalam dunia ini yang mahukan bahawa ISO 9000 ini dilaksanakan di dalam pentadbiran awam kita. Sebab itu, pencapaian sepenuhnya di dalam semua jabatan kerajaan akan dicapai pada tahun 2000. Insyallah!

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah pun suntuk.

[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No 3, 9, 10 dan 15 hingga 49 dijilid dalam buku berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG JENAYAH KOMPUTER 1997

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguh atas masalah "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." [28hb. April 1997]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ahli Yang Berhormat dari Tanjong diminta sambung.

3.35 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]: Tuan Yang di-Pertua, semalam saya ada mengatakan bahawa Internet adalah digambarkan sebagai mesin salinan yang terbesar di dunia. Undang-undang Hakcipta yang berasaskan kepada sempadan negara tidak lagi relevan dalam dunia Internet yang tidak bersempadan. Satu mesin penyalin raksasa yang mana sebarang benda dari bentuk muzik kepada bentuk perisian dapat dipendukan serta diagihkan pada hujung penekanan tetikus.

Seksyen 12 rang undang-undang ini menyatakan bahawa sesuatu pendakwaan di bawah Akta Jenayah Komputer tidak boleh dilakukan melainkan melalui persetujuan bertulis dari Pendakwa Raya. Bukan sesuatu yang melampau sekiranya saya berkata bahawa Peguam Negara, Dato' Mohtar bin Abdullah, yang juga merupakan Pendakwa Raya, telah kehilangan semua keyakinan orang ramai terhadap dirinya sebagai seorang penjaga keadilan yang adil, saksama dan mengikut undang-undang, setelah berlakunya sebegitu banyak kes di mana keputusan kontroversial kerap dilakukannya semasa menjalankan tanggungjawab yang dibekalkan oleh

Perlembagaan Persekutuan Artikel 145(3) iaitu untuk '*memulakan, menjalankan atau memberhentikan sebarang prosiding ke atas sebarang kesalahan.*'

Kes Ahli Parlimen kawasan Kota Melaka yang menghadapi hukuman kehilangan kelayakan sebagai Ahli Parlimen setelah dikenakan denda RM10,000 untuk kesalahan di bawah Akta Mesin Cetak dan Penerbitan, kononnya kerana menerbitkan berita palsu dan didenda RM5,000 kerana kesalahan hasutan oleh Mahkamah Tinggi Melaka, merupakan satu contoh yang klasik.

Saya tidak bercadang untuk menyentuh keputusan mahkamah yang mendapati beliau bersalah di bawah Akta Mesin Cetak dan Penerbitan serta Akta Hasutan, sungguhpun kenaaan denda maksimum RM5,000 untuk kesalahan hasutan serta RM10,000 untuk kesalahan berita palsu merupakan hukuman yang terlalu berat dalam keadaan ini.

Apa yang saya persoalkan adalah sikap serong dan berniat jahat dalam cara Peguam Negara memilih sesiapa yang hendak didakwa dan dijadikan mangsa atas sebab orang-orang ini mengkritik kerajaan, sama ada mereka ini datang dari DAP seperti Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka mahupun yang datang dari NGO seperti Irene Fernandez dari Tenaganita.

Ini membangkitkan persoalan sama ada Rang Undang-undang Jenayah Komputer ini, apabila menjadi undang-undang kelak dengan wujudnya Seksyen 8 yang menjenayahkan majoriti pengguna komputer di negara ini dan yang memasukkan jenis hukuman yang paling berat di seluruh dunia atas kesalahan yang sama untuk jenayah komputer, sama ada ia akan menjadi peralatan baru Peguam Negara untuk menganiayai dan memangsakan para pemimpin Pembangkang serta pengkritik kerajaan melalui sikap pendakwaan selektif beliau.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka merupakan orang pertama yang didakwa, disabit kesalahan dan dihukum kerana melanggar Seksyen 8A Akta Mesin Cetak dan Penerbitan kononnya menerbitkan berita palsu sehingga kehilangan kelayakan asasnyanya sebagai seorang rakyat untuk menjadi Ahli Parlimen serta kehilangan juga hak perlembagaannya untuk membuang undi selama lima tahun.

Dalam pilihanraya 1995, Perdana Menteri pernah secara terbuka melalui media elektronik dan cetak menerbitkan berita palsu yang mendakwa bahawa saya mencabar pihak Polis menangkap saya dalam kempen pilihanraya DAP di Pulau Pinang dan para pegawai Polis dan kerajaan peringkat tinggi juga mengulangi ugutan Perdana Menteri untuk menangkap saya dalam tempoh pilihanraya umum itu atas alasan saya cuba mencabar pihak Polis.

Tiga orang pemimpin DAP Pulau Pinang telah membuat aduan Polis terhadap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana menerbitkan berita palsu ini yang melanggar Akta Mesin Cetak dan Penerbitan kerana berulang kali membuat dakwaan palsu yang saya pernah mencabar pihak Polis supaya menangkap saya, tetapi Peguam Negara tidak pula nampak keperluan untuk melaksanakan tanggungjawabnya supaya memastikan bahawa pejabatnya tidak kelihatan mengamalkan double-standard dan mengambil tindakan mendakwa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang menerbitkan 'false news' yang sememangnya telah melanggar Printing Presses and Publications Act.

Nampaknya, kesalahan berita palsu di bawah Printing Presses and Publications Act ini adalah digubal khas untuk digunakan secara selektif terhadap pihak Pembangkang dan NGO, kerana saya tidak ragu-ragu bahawa sekiranya Peguam Negara mengelakkan sikap double-standardnya dan sebaliknya menjalankan tugas secara adil, sama ada terhadap Pembangkang ataupun kerajaan, maka kita tidak akan tinggal seorang pun menteri di dalam Jemaah Menteri, kerana setiap orang dalam Jemaah Menteri kita, dari Perdana Menteri sendiri ke bawah akan disabit kesalahan dan dihukum kerana melanggar kesalahan berita palsu dan mereka bukan sahaja akan kehilangan kelayakan sebagai Ahli Parlimen, malah juga akan kehilangan kelayakan sebagai menteri atau Perdana Menteri. Sekiranya hukuman yang dikenakan ke atas Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dilaksanakan dengan saksama ke atas setiap dari mereka. Adakah kita mempunyai satu set undang-undang untuk para pemimpin Barisan Nasional dan satu set lagi undang-undang khas untuk orang-orang lain di Malaysia?

Wujudnya satu katalog yang paling panjang yang membuktikan sikap serta tindakan pesong dan salah guna kuasa Peguam Negara kita semasa beliau melaksanakan tanggungjawab untuk *'memulakan, menjalankan ataupun memberhentikan sebarang prosiding ke atas sebarang kesalahan'*.

Ketua Menteri Sabah, Yang Amat Berhormat Tuan Yong Teck Lee merupakan salah satu contoh yang baik. Beliau telah didakwa mengikut Akta Polis kerana melakukan kesalahan perhimpunan haram pada hari pencalonan dalam pilihan raya 1990 yang akan membawa kepada akibatnya kehilangan kelayakan memegang jawatan rasmi atau 'elective office' kerana Akta Polis mengatakan bahawa *'mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen ini boleh apabila*

disabitkan dikenakan denda tidak kurang daripada dua ribu ringgit tetapi tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit dan penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun'.

Dalam tahun 1990, Yang Amat Berhormat Tuan Yong Teck Lee masih dalam PBS dan merupakan seorang pemimpin Pembangkang di Sabah. Bagaimanapun, selepas beliau melompat ke Barisan Nasional dan sedang menunggu gilirannya untuk menjadi Ketua Menteri Negeri Sabah, mewakili salah satu kumpulan etnik utama negeri berkenaan, Peguam Negara telah menarik balik tuduhan di bawah Akta Polis dan digantikan pula dengan tuduhan di bawah Kanun Keseksaan yang tidak mewajibkan seseorang hilang kelayakan mandatori sebagai wakil rakyat disabit kesalahan sungguhpun kes berkenaan telah berlangsung sekian lama

Datuk Nurnikman bin Abdullah: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat sekejap, Beaufort bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan?

Datuk Nurnikman bin Abdullah: Ya.

Tuan Lim Kit Siang: Nanti sekejap ya! ...berlangsung sekian lama selepas beberapa kali ditangguh. Tanpa persoalan bahawa penarikan balik tuduhan terhadap Yang Amat Berhormat Tuan Yong Teck Lee di bawah Akta Polis ini serta gantian satu tuduhan di bawah Penal Code tidak disokong oleh sebarang fakta baru yang timbul dalam prosiding perbicaraan, tetapi hanya atas pertimbangan untuk mengelakkan Yang Amat Berhormat Tuan Yong Teck Lee dari kehilangan kelayakan sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri dan dirampas peluangnya untuk menjadi Ketua Menteri Sabah.

Sikap double-standard semasa melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang Peguam Negara ini juga jelas kelihatan dalam kes Datuk Jeffrey Kitingan yang pernah didakwa mengamalkan rasuah apabila beliau berada dalam Pembangkang, tetapi dakwaan berkenaan ditarik balik sebaik sahaja beliau melompat ke Barisan Nasional.

Satu lagi contoh adalah dakwaan-dakwaan terhadap para pemimpin Pemuda UMNO yang telah mencemarkan reputasi antarabangsa Malaysia sebagai sebuah masyarakat madani melalui

Datuk Nurnikman bin Abdullah: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Beaufort bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Nanti ya. ...melalui tindakan mereka yang tidak menghiraukan undang-undang serta bersikap gangster yang merosakkan persidangan APCET II di Kuala Lumpur pada bulan November tahun lepas.

Para pemimpin Pemuda UMNO telah dikurniakan hak-hak istimewa yang tidak pernah kedengaran sebelum ini di mana sungguhpun mereka didakwa di bawah Akta Polis yang sepatutnya akan dikenakan denda minimum RM2,000 mandatori setelah disabit kesalahan dan secara automatiknya akan menyebabkan seorang ADUN UMNO dari Perak kehilangan kelayakannya serta berakhirnya riwayat politik kesemua pemimpin Pemuda UMNO yang terlibat, mereka diberi pilihan alternatif untuk didakwa di bawah Kanun Keseksaan yang tidak mempunyai sebarang hukuman mandatori yang melibatkan kehilangan kelayakan memegang jawatan secara automatik.

Dalam insiden di atas kesemua pemimpin Pemuda UMNO telah memilih didakwa di bawah Penal Code dan mengaku salah dilepaskan setelah membayar denda RM1,500. Banyak persoalan yang timbul di sini. Pertama, sama ada penunjuk perasaan yang merosakkan satu persidangan yang dianjurkan oleh parti-parti pemerintah dan membawa kekacauan yang sama seperti apa yang berlaku dalam APCET II itu akan dapat melepaskan diri dengan begitu mudah.

Kedua, adakah kesemua pemimpin dan ahli politik

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, nanti Yang Berhormat. Saya tidak nampak Yang Berhormat, sebarang hubungkaitnya dengan apa Yang Berhormat bangkitkan dengan Akta Jenayah Komputer, adakah apa yang dibangkitkan itu, itu juga dikira disifatkan sebagai jenayah komputer, Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang: Seksyen 12, apabila melaksanakan kuasa Peguam Negara sama ada beliau adalah adil atau ini akan menjadi satu alat untuk meneruskan kempennya selektif prosecution, itulah yang mustahak dan inilah bukti-bukti di mana beliau adalah 'guilty of selective prosecution of melice, of bias of abuse of power'. Itulah sebab saya beri contoh sahaja. Boleh saya teruskan?

Keduanya,

Datuk Nurnikman bin Abdullah: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Beaufort bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Nanti saya akan bagi, nanti ya. Kedua adakah semua pemimpin dan ahli

politik yang didakwa di mahkamah kerana mengadakan perhimpunan haram mengikut Akta Polis di masa depan akan dilayan secara saksama dan diberikan pilihan alternatif supaya hanya didakwa di Penal Code, untuk memilih di antara dakwaan-dakwaan yang ada, sebagaimana yang dinyatakan oleh majistret, Juliana Mohamed di dalam perbincaraan pemimpin Pemuda UMNO itu?

Ketiga, Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Megat Junid pernah berkata di Teluk Intan pada 16hb. November bahawa enam ahli dari Malaysian People's Action Front yang memulakan huru-hara merosakkan persidangan APCET II pada 10hb. November 1996 akan didakwa di mahkamah selepas pihak polis selesai kerja penyiasatan mereka. Mengapakah jumlah perusuh yang terlibat telah berkurang dari enam orang menjadi empat sahaja yang didakwa di mahkamah?

Di sini, kini mesti bertanya sama ada kesalahan-kesalahan yang melanggar Seksyen 17A Akta Polis kerana mengadakan perhimpunan haram, yang melibatkan denda mandatori minimum RM 2,000 setelah disabit kesalahan dan secara automatik kehilangan kelayakan sebagai ahli Parlimen dan ADUN ini, adalah satu lagi undang-undang seperti kesalahan 'berita palsu' dibawah Printing Presses and Publication Act yang digunakan khas untuk menganiayai pihak Pembangkang dan pengkritik kerajaan. Dan adakah Seksyen 8 dalam Computer Crime Act lagi pun lagi akan menjadi satu selective clause terhadap ahli-ahli pembangkang sahaja.

Sepastinya kes *Rahim Tamby Cik* merupakan satu lagi contoh yang paling ketara yang menunjukkan bahawa Peguam Negara begitu pesong sikapnya

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Parit Sulong bangun, atas peraturan mesyuarat.

Tuan Lim Kit Siang: I'm about to line up last para. I'm going to get it anyway.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Dia bangkitkan peraturan mesyuarat ...

Tuan Lim Kit Siang: Boleh, boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang keberapa, Yang Berhormat?

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: 36 (1) dan 36(2). Saya melihat Perkara 36 (2) oleh kerana saya percaya dan saya faham sekiranya saya tidak tersilap, bahawa kes Yang Berhormat daripada Kota Melaka sekarang ini dalam proses rayuan (appeal). Jadi ini mungkin ada mempunyai perkaitan dengan

ucapan Yang Berhormat dari Kota Melaka kalau kita lihat daripada Peraturan Mesyuarat 36 (2) yang mengatakan bahawa tidak boleh disebut apa-apa perkara yang sedang dalam timbangan mahkamah sekiranya pada timbangan Pengerusi harus merosakkan kepentingan pihak yang berbicara itu. Jadi itulah saya minta Tuan Yang di-Pertua untuk mengambil ingatan. Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang: Bukan perbicaraan, bukan judgment, prosecution, itu disoalkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Nanti Yang Berhormat saya akan membuat keputusan. Saya rasa 36 (1) dan (2) yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Parit Sulong itu ada, kena pada tempatnya. Itulah sebabnya tadi saya telah beri teguran-teguran kepada Yang Berhormat dari Tanjong dan beliau sebagai orang lama patutlah faham juga apa yang saya maksudkan. Sebab apa yang dibangkitkan itu saya rasa, walaupun merupakan contoh tapi contoh itu ada had batasnya sebab contoh yang sama juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat kelmarin. Jadi contoh yang samalah diulangi sekali lagi, saya rasa tak ada kena-mengena secara langsung dengan rang undang-undang ini walaupun Yang Berhormat boleh hubungkaitkannya dengan peruntukan yang kedua belas.

Di samping itu, bersabit dengan 36 (2) itu kalaulah kes yang melibatkan Ahli Parlimen dari Kota Melaka itu akan dirayukan dibawa ke mahkamah saya rasa tidak kena juga Yang Berhormat bangkitkan kes yang berkenaan dalam perbahasan Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak

Tuan R. Karpal Singh: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya Jelutong, nanti dulu Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Point of order, Tuan Yang di-Pertua .

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang keberapa Yang Berhormat?

Tuan R. Karpal Singh: Point of order 36 (2) khususnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya.

Tuan R. Karpal Singh: Sebagai peguam kepada Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng kerana sampai sekarang tidak ada apa-apa rayuan, notis rayuan

difailkan, walaupun kami ada 14 hari untuk membuat demikian, perkara ini tidak subjudice kerana tidak ada notis yang difailkan dalam mahkamah.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Baik.

Tuan Lim Kit Siang: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Nanti Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Tapi bukan itu sahajalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Nanti Yang Berhormat, sabar, itu sebab saya kata tadi, kalau ianya telah dibawa ke mahkamah rayuan itu telah dikemukakan maka saya rasa tak kena Yang Berhormat dari Tanjong membangkitkan kes yang berkenaan, kalau tidak maka ianya tak timbul. Tapi saya ingin ingatkan Yang Berhormat dari Jelutong bahawa tidak kena juga kalau Yang Berhormat sebagai lawyer (peguam) yang bertindak bagi pihak Yang Berhormat dari Kota Melaka itu nak beri penjelasan Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: [Bangun] Sekarang tidak ada peguam oleh kerana belum masuk.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya Tanjong, saya rasa cukup jelas Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Tapi kes ini saya tidak mengeluarkan chargemen atau perbicaraan tetapi prosecution tiada lain-lain dengan perkara dengan hukuman ini. Tetapi saya mahu rang undang-undang perkara ini, dan tadi saya ada sebut sepastinya kes *Rahim Tamby Cik* merupakan satu lagi contoh yang paling ketara yang menunjukkan bahawa Peguam Negara begitu pesong sikapnya setelah salah guna kuasanya semasa melaksanakan tanggungjawab di mana 14 orang lain telah didakwa melakukan kesalahan merogol statutory seorang gadis bawah umur, sungguhpun dalam keadaan 'uncollaborated evidence', tetapi *Rahim Tamby Cik* pula diberikan kuasa kekebalan sungguhpun gadis bawah umur berkenaan telah memberikan kenyataan yang serupa kepada pihak polis, dan seterusnya mengulangi dakwaannya itu di mahkamah di bawah keadaan bersumpah, bahawa *Rahim Tamby Cik* ada menjalin hubungan seks dengannya.

Atas konteks yang pesong dan salah guna kuasa Peguam Negara ini yang menjadikan perbicaraan, sabit kesalahan dan hukuman dilihat sebagai

sungguh tidak adil, bukan sahaja oleh rakyat Malaysia sendiri, tetapi juga oleh masyarakat antarabangsa.

Reaksi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri apabila ditanya oleh wartawan apakah implikasi keputusan Mahkamah Tinggi Melaka terhadap Pembangkang selepas keputusan dibuat, adalah saya quote daripada *The Star*:

"The message is that our courts are unfair to the oppositions. That's what the press will lead anyway. The press, what else? Anything against the Government is fair, anything against the opposition is unfair. So what's the good of asking me, you have already made up your mind."

Ini merupakan respons yang sungguh defensif dan gagal menangani masalah utama mengenai mengapakah kes ini, sama ada dalam peringkat kebangsaan, mahupun peringkat antarabangsa, dilihat sebagai satu kes yang berciri penganiayaan politik.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membayangkan bahawa kritikan Yang Berhormat Ahli Parlimen yang mengakibatkannya didakwa di mahkamah adalah bermotif politik. Beliau berkata, "Mengapakah orang lain yang tidak berminat dalam politik tidak membuat komen semacam itu? Itu adalah sebab mereka bukannya ahli politik."

Beliau telah lupa bahawa dalam kes skandal *Rahim Tamby Cik* dan gadir berumur 14 tahun itu, anaknya, Marina Mahathir pernah menulis sebuah artikel di *The Star* pada November, 1994 di bawah tajuk "Whither justice - Making a Mockery of Justice" dan melahirkan perasaan marah beliau terhadap double standards yang dikenakan ke atas gadis berkenaan bila dibandingkan dengan *Rahim Tamby Cik*.

Saya bukan mahu mencadangkan supaya Marina Mahathir didakwa di mahkamah di bawah Akta Hasutan dan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan, tetapi berharap Perdana Menteri akan dapat faham dengan lebih mendalam lagi tentang mengapa orang ramai pada keseluruhannya serta masyarakat antarabangsa pada amnya menganggap perbicaraan Yang Berhormat dari Kota Melaka ini sebagai satu 'political prosecution'.

Tuan Yang di-Pertua, balik kepada computer crime. Semasa memperkenalkan rang undang-undang

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, patut berbuat demikian tadi lagi.

Tuan Lim Kit Siang: Tadi sudah mengenai seksyen 12, kita sekarang bincang mengenai

seksyen yang lain. Kita tidak lari daripada computer crime

Datuk Nurnikman bin Abdullah: [*Bangun*]
Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Beaufort bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Oh! dia mahu peluang, beri peluang, okay.

Datuk Nurnikman bin Abdullah: Tadi janji. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi Yang Berhormat dari Tanjong mengatakan selective prosecution dan Peguam Negara tidak adil dan mahkamah tidak adil, menyebutkan satu-satu kes melibatkan Yang Berhormat Ketua Menteri Sabah dan Yang Berhormat Jeffery Kitingan, tetapi Yang Berhormat lupa menyebut satu kes dahulu yang mana sewaktu kerajaan PBS memerintah, bekas Ketua Menteri Sabah, iaitu Yang Berhormat dari Keningau. Pada ketika itu mengapa pula tidak dijatuhkan hukum supaya beliau hilang kelayakan daripada menjadi ahli Dewan Rakyat dan sebagai Ketua Menteri.

Sebab tidak beri hukuman ataupun fine melebihi daripada RM2,000 dan ini menunjukkan bahawa kerajaan Barisan Nasional dan mahkamah itu adalah adil. Kedua, baru-baru ini juga kes pilihan raya Sarawak, Yang Berhormat Mong anak Dagang dipetisyen berkaitan pilihanraya, pilihan raya tersebut menjadi 'null and void' dan baru-baru ini melibatkan Menteri Sarawak, Datuk Celestine Ujang di mana dipetisyen oleh DAP berkaitan pilihan raya dan kes itu berpihak kepada DAP. Ini menunjukkan bahawa mahkamah itu adalah adil dan Peguam Negara itu adalah adil. Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat daripada Beaufort tidak faham apa yang saya cakap, malangnya. Apa yang saya timbulkan ialah mengenai keputusan, kegunaan budi bicara Peguam Negara. Saya tidak bincang mengenai sama ada mahkamah adil atau tidak adil tetapi apa Yang Berhormat bincang ialah mahkamah adil, tidak adil itu relevan under 36 (1). Kalau mahu main-main politik, balik Sabah mainlah.

Tuan R. Karpal Singh: [*Bangun*]
Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Jelutong bangun, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, okay.

Tuan R. Karpal Singh: Adakah Yang Berhormat dari Tanjong bersetuju dengan saya walaupun budibicara terletak di tangan Peguam Negara mengikut perkara 1453 Perlembagaan Persekutuan. Dan apa yang hendak ditafsirkan bagi perkara itu, saya baca daripada satu kes "Log bin Samad v.s. public prosecutor.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, nanti Yang Berhormat, biasanya kalau nak soal saya rasa tak kena

Tuan R. Karpal Singh: Bukan soal, adakah dia bersetuju dengan saya?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, nanti dulu Yang Berhormat, sabar, takkan orang lama pun tak sabar. Yang Berhormat kalau nak baca kes macam ini, saya rasa ambil masa. Elok Yang Berhormat

Tuan R. Karpal Singh: Bukan. Adakah rakan saya bersetuju dengan saya?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Setuju ya.

Tuan R. Karpal Singh: Itu yang saya nak dapat penjelasan daripada rakan saya.

Seorang Ahli: Tidak setujuilah

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat boleh soal, tapi padatkan soalan Yang Berhormat. Takkan Yang Berhormat nak baca kes secara teliti.

Tuan R. Karpal Singh: No, kerana ada tafsiran di sini dan untuk rekod saya akan membaca tafsiran yang tepat. Bolehkah saya berbuat demikian?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Jangan baca rencana yang panjang-panjang.

Tuan R. Karpal Singh: Bukan panjang, tidak dengar lagi panjangkah ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat nanti dulu Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Dengar dulu Yang Berhormat, saya belum baca lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat saya tahu.

Tuan R. Karpal Singh: Bolehkah saya baca?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Boleh, tapi Yang Berhormat padatkan sebab dulu adalah menjadi kebiasaan Yang Berhormat bila nak baca, bukan seperenggan kadangkala panjang sangat.

Tuan R. Karpal Singh: Dengar Tuan Yang di-Pertua dengan adil. Bolehkah saya baca?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Padatkan.

Tuan R. Karpal Singh: Saya baca.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Faham, padatkan?

Tuan R. Karpal Singh: Saya tahu.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ha padatkan.

Tuan R. Karpal Singh: Saya harap Tuan Yang di-Pertua pun faham apa yang saya bacakan sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat jangan sangka Yang Berhormat

Tuan R. Karpal Singh: Ini bagi peranan Peguam Negara.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Kalau baca, baca serengkas yang boleh, jangan Yang Berhormat

Tuan R. Karpal Singh: Saya baca.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Nanti dulu. Jangan buat sangkaan yang bukan-bukan, semua orang tak faham Yang Berhormat seorang sahaja yang faham itu yang saya rasa sudah kira keterlaluan.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Yang di-Pertua, jangan buang masa, saya baca, jika faham okay, faham, jika tidak faham, boleh baca?

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya minta ahli daripada Jelutong

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Nanti dulu Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Apa ini? Point of order ke, penjelasan ke apa?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Nanti dulu Yang Berhormat.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua suruh buat pendek-pendek, pendekkanlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Saya mahu pendekkan tidak dapat masa untuk buat

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Bagi dia peluang.

Tuan R. Karpal Singh: Bolehkah?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Padatkan.

Tuan R. Karpal Singh: Ya, "*Anyone which dissatisfied with the Attorney General decision not to prosecute not to go on with the prosecution where is the decision to prepare a charge for a less serious offence when there is evidence of the most serious offence, it should be try in the Higher Court should seek this remedies elsewhere but not in the courts*". Bolehkah saya mendapat pandangan Ahli Yang Berhormat daripada Tanjong, jika dalam mahkamah peranan Peguam Negara tidak boleh dipersoalkan, melainkan dalam Dewan yang mulia ini. Bukan kami mahu pancung kepala dia, di sini kami mahu dapat tahu adakah budibicara yang digunakan oleh dia dalam kes Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng yang tidak subjudice di peringkat sekarang kerana apa yang saya nyatakan tadi tidak ada notis rayuan difailkan? Bolehkah saya dapat penjelasan, pandangan rakan saya dari Tanjong.

Tuan Lim Kit Siang: Memanglah tempat dan wajar dan patut disoalkan kuasa, budibicara Peguam Negara ialah di Dewan yang mulia dan kita patut berani untuk menyoalkan apa-apa penyalahgunaan kuasa apabila beliau ada merit, apabila ada bias khasnya selective prosecution terhadap sesiapa.

Tuan Yang di-Pertua, semasa memperkenalkan Rang Undang-undang Jenayah Komputer hari semalam, Yang Berhormat Menteri berkata bahawa Rang Undang-undang Siber adalah bertujuan.....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Parit Sulong bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Belum, saya masuk isu itu dululah.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Minta penjelasan sebelum itu.

Tuan Lim Kit Siang: Nanti, nanti. Saya masuk isu ini dulu. Bahawa Rang Undang-undang Siber adalah bertujuan untuk MSC yang merupakan satu test-bed bagi agenda IT kerajaan demi membolehkan negara kita berada di arus depan teknologi maklumat.

DAP menyokong konsep MSC, tetapi kita mahu melihat satu perkembangan yang lebih seimbang dan bukannya menghasilkan satu pembahagian yang baru di kalangan rakyat jelata menjadikan rakyat kita terbahagi kepada golongan kaya maklumat dan miskin maklumat ataupun dalam kes ini, mencipta satu 'oasis' kemakmuran maklumat di MSC berbanding dengan negara pada keseluruhannya

yang kurang malah miskin maklumat secara bandingan. Bagaimanapun, sekiranya kita mahu melihat MSC ini berjaya, kita bukan sahaja memerlukan undang-undang siber yang baik. lebih penting lagi, kita memerlukan populasi negara yang celik IT serta fasih IT.

Sehubungan ini, saya mengalu-alukan kenyataan Yang Berhormat Menteri Penerangan yang mengumumkan bahawa Kementerian Penerangan akan melancarkan satu kempen besar-besaran untuk memupuk teknologi maklumat. Ini merupakan kenyataan positif yang pertama yang pernah dikeluarkan oleh Yang Berhormat Menteri Penerangan kita dalam tempoh dua tahun kebelakangan ini di mana beliau nampaknya lebih berminat untuk menjadi *bete noire* Internet di Malaysia - menumpukan perhatiannya hanya ke atas aspek-aspek negatif Internet.

Bulan yang lepas, Yang Berhormat Menteri Penerangan pernah menjelaskan bahawa kementeriannya akan hanya mengawal selia maklumat dan bahan-bahan yang disalurkan ke MSC dan menafikan bahawa beliau pernah pada awal lagi menyatakan yang kementeriannya akan menapis bahan-bahan berkenaan.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin] *mempengerusikan Mesyuarat*]

Beliau berharap dengan penjelasan itu maka semua perasaan tidak jelas serta takut oleh mereka yang merancang untuk melabur di MSC dapat diredakan, boleh dikatakan juga Perdana Menteri pernah berjanji dengan para pelabur asing semasa mempromosikan projek MSC dulu yang kawasan berkenaan akan menikmati 'free flow of information'.

Yang Berhormat Menteri Penerangan hanya boleh menyalahkan dirinya sendiri sekiranya kenyataannya telah menyebabkan perasaan bingung dan salah interpretasi, khasnya memandangkan reputasinya yang lebih terkenal sebagai "Internet-phobia" dari kefahamannya atau sokongannya terhadap revolusi teknologi maklumat serta lebuhraya maklumat pada awal-awal lagi, ditambah pula dengan seruan-seruannya dahulu yang kononnya mahu menapis Internet.

Malah, penjelasannya bulan lepas tidak juga begitu menyenangkan kerana beliau masih belum menjelaskan apakah jenis mekanisme yang akan digunakan oleh kementeriannya untuk mengawal selia maklumat dan bahan-bahan yang disalurkan ke MSC, serta kekurangan penjelasan sama ada

Kementerian Penerangan akan tetap menjalankan penapisan di Internet untuk negara ini pada keseluruhannya sungguhpun MSC dikecualikan.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri nampaknya telah memikul tanggungjawab Menteri Penerangan dalam usahanya untuk mempopulisasikan MSC dan IT selama ini. Sebagai seorang Menteri Penerangan, salah satu cabaran utama beliau dalam dua tahun yang lepas sepatutnya adalah untuk mempopulisasikan mesej mengenai kemunculan era maklumat dan meningkatkan kesedaran rakyat jelata terhadap cara bagaimana masyarakat maklumat akan memberi kesan kepada kehidupan mereka dalam masa depan.

Sebaliknya, Yang Berhormat Menteri Penerangan bukan sahaja tidak memainkan peranan di atas dengan baik, tetapi memilih untuk menjadi *bete noire* Internet dan masyarakat maklumat. Saya berharap Yang Berhormat Menteri Penerangan akan balik ke arus utama, dengan izin, main stream, usaha kebangsaan ini untuk memupuk kesedaran IT serta penggunaan Internet dan bukannya memarginalisekan diri sehingga menjadi suara negatif mengenai kesangsian dan ketakutan terhadap IT.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat.....

Tuan Lim Kit Siang: Sebagai contohnya.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, masih panjang lagi?

Tuan Lim Kit Siang: Ya, panjang lagi. Ini satu isu yang sangat mustahak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Oleh kerana saya difahamkan ramai ahli yang ingin mengambil bahagian, Yang Berhormat telah berucap...

Tuan Lim Kit Siang: Boleh panjangkan debate malam ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Minta kalau boleh.....

Tuan Lim Kit Siang: Saya cepat sebab saya tengok begitu cepat. Saya tidak mahu beri jalan oleh kerana itulah. Sebagai contohnya, Kementerian Penerangan harus memainkan peranan memimpin dalam meningkatkan kecekapan IT dan kefasihan IT di kalangan rakyat Malaysia. [*Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional keluar Dewan beramai-ramai*]

Dua minggu lepas, semasa menjawab soalan saya di Parlimen, Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar berkata bahawa sehingga 1 Mac 1997, Malaysia mempunyai 80,927 pelanggan Internet, antaranya 55,472 pelanggan Jaring dan 25,455 pelanggan TMnet. Ini merupakan satu kekurangan besar dari ramalan awal mengenai pertumbuhan pelanggan Internet di Malaysia. Hanya pada bulan April tahun lepas, seorang pegawai kanan kerajaan pernah menganggarkan bahawa mengikut kadar pertumbuhan pelanggan Jaring, kita akan mempunyai 150,000 pelanggan Internet pada akhir tahun 1996 dan jumlah ini akan mencapai 500,000 pada akhir tahun 1997.

Bagaimanapun, pada akhir tahun 1996, jumlah pelanggan Internet tidak pula mencapai angka 150,000 sebagaimana yang diramalkan dalam bulan April tahun lepas, tetapi hanya mencapai angka 65,097. Jumlah besar yang sebenarnya untuk pelanggan Internet adalah kurang dari 65,097 kerana ada pelanggan Jaring yang juga menjadi pelanggan TMnet. Wujudnya beberapa sebab bagi kekurangan peningkatan pertumbuhan ini dan sebab utamanya adalah kenaikan kadar telefon. Dalam pertanyaan Parlimen saya, saya pernah bertanya sama ada kerajaan merancang untuk melancarkan satu kempen meluas di seluruh negara supaya mencapai satu kadar penggunaan Internet yang lebih tinggi di negara ini untuk menyediakan Malaysia menghadapi era maklumat dalam alaf baru. Dalam jawapannya, Yang Berhormat Menteri berkata bahawa satu kempen yang besar akan dilancarkan dalam bulan Mei untuk menggalakkan rakyat Malaysia menyambung ke Internet, iaitu sebaik sahaja pemasangan 'leaseline 45 mbps' di antara Malaysia dan Amerika Syarikat telah dimuktamadkan.

Saya mencadangkan supaya Menteri Penerangan menerajui kempen besar-besaran untuk mempopulisasikan Internet dan IT ini untuk mencapai matlamat penglibatan semua sektor negara ini untuk mencapai objektif 'IT for All' dan menyakinkan rakyat Malaysia semua umur bahawa komputer bukannya sesuatu yang menakutkan dan menghapuskan segala sekatan sosial, pendidikan dan psikologi bagi mereka yang ingin tahu lebih banyak lagi tentang penggunaan IT.

Kempen besar-besaran ini harus menerima motto 'Satu Keluarga Satu Komputer' sebagai penggeraknya supaya rakyat Malaysia sama ada yang tua atau yang muda semuanya boleh menikmati IT untuk membangunkan potensi mereka serta

memperbaiki lagi kehidupan mereka di mana perniagaan besar dan kecil semuanya berpeluang menikmati peluang yang ditawarkan oleh teknologi baru ini. Kempen besar-besaran ini harus menggalakkan penggunaan Internet yang lebih tinggi di kalangan rakyat Malaysia dan menetapkan sasaran mencapai pelanggan Internet seramai 300,000 pada akhir tahun 1997 yang sebenarnya masih jauh kurang dari ramalan awal seramai 500,000 pelanggan Internet dua belas bulan yang lepas.

MSC harus dilihat sebagai rancangan bercita-cita tinggi negara ini untuk melompat dari Second Wave ke Third Wave, tetapi setiap usaha harus dilakukan juga untuk memastikan bahawa dalam proses kemajuan ini, tidak ada mana-mana rakyat Malaysia yang ketinggalan dalam First Wave pula. Apabila kerajaan berkata bahawa MSC akan dijadikan test-bed untuk teknologi IT terbaru, adalah penting kita memastikan bahawa MSC merupakan satu test-bed untuk rakyat Malaysia dan bukannya untuk orang asing sahaja.

Sekiranya MSC hendak menjadi hub IT antarabangsa, kita mesti menumpukan ke atas apa yang menjadikan Silicon Valley berjaya. Kekuatan Silicon Valley yang paling besar dan yang membolehkannya dianggap dapat berjaya dalam abad 21 atau lebih lama dari itu adalah kekuatan, dengan izin, "awesome creative brainpower, the state-of-the-art research capability and its unrivalled high-tech know-how". Pertumbuhan teknologi komputer dan komunikasi telah membolehkan pembangunan dan pertumbuhan lebuhraya maklumat yang pantas.

Bagaimanapun, kesemua komputer, telefon, scanners, printers, switches, routers, wires, cables, networks dan satelit di dunia tidak dapat mencipta satu lebuhraya maklumat yang berjaya sekiranya tidak ada wujudnya kandungan (content). Apa yang menggerakkan lebuhraya maklumat adalah 'content' yang mengalir di atasnya. Adakah undang-undang siber yang akan diluluskan dalam mesyuarat Parlimen kali ini membantu mencapai pemupukan 'awesome creative brainpower' di kalangan rakyat Malaysia untuk menghasilkan kandungan yang bertaraf antarabangsa supaya kita dapat menghasilkan 'elite informatized' yang sama berjaya, kreatif dan inovatif komputer seperti rakan sejawat mereka di kebanyakan negara maju lain ataupun kita hanya akan menyekat kuasa kreativiti mereka melalui perundangan yang begitu punitif di dunia serta menjenayahkan majoriti pengguna komputer di negara ini? Di dalam ucapannya Yang Berhormat Menteri merujuk kepada tujuh aplikasi

laksamana di dalam MSC, salah satu di antaranya adalah Teleperubatan dan inilah sebab mengapa Rang Undang-undang Teleperubatan juga dibentangkan dalam Dewan kali ini.

Teleperubatan merujuk kepada penggunaan komunikasi elektronik dan teknologi maklumat untuk membekalkan serta menyokong penjagaan klinikal dari jarak jauh. Teleperubatan dalam satu bentuk atau bentuk yang lain telah diamalkan selama lebih tiga puluh tahun. Pada peringkat yang paling mudah seorang perunding yang memperolehi pandangan kedua melalui telefon merupakan teleperubatan. Kini, walau bagaimanapun, kita boleh menganggap bahawa aplikasi teleperubatan telah menggunakan imej yang canggih bersama dengan keupayaan audio. Jenis teknologi ini boleh mengemukakan daripada 'high resolution still images', misalnya, X-ray kepada sistem interaksi telepersidangan yang canggih.

Saya telah pun meneliti beberapa bahan mengenai teleperubatan di Amerika Syarikat. Ia telah disifatkan sebagai berpotensi untuk mengubah kehidupan ramai rakyat Amerika. Misalnya, teleperubatan dapat mempertingkatkan pelaksanaan penjagaan kesihatan di Amerika dengan memperkenalkan perkhidmatan yang meluas seperti radiologi, perkhidmatan kesihatan mental dan dermatologi kepada komuniti serta individu di kawasan bandar dan luar bandar yang kurang menerima perkhidmatan. Di kawasan luar bandar yang terpencil di mana jarak di antara pesakit dan profesional kesihatan boleh terpisah sehingga beratus-ratus batu, teleperubatan boleh dijadikan sebagai satu cara untuk akses kepada penjagaan kesihatan yang ternyata tidak didapati sebelumnya. Dalam kes-kes kecemasan pula, akses ini boleh memberi makna yang berbeza kepada hidup dan mati, khususnya dalam kes-kes yang memerlukan rawatan yang cepat serta kepakaran, kehadiran teleperubatan adalah kritikal.

Saya percaya bahawa perkara yang sama boleh turut berlaku di Malaysia. Walau bagaimanapun, adalah perlu untuk mengadakan satu perbincangan di seluruh negara untuk memperolehi pandangan sama ada teleperubatan boleh wujud sebagai satu pilihan penjagaan kesihatan yang berdaya maju dalam peringkat pembangunan Malaysia yang sedia ada iaitu sama ada viable option dan sama ada ia dapat menyediakan perkhidmatan perubatan yang kos efektif yang dapat ditanggung oleh rakyat biasa.

Selain daripada pelbagai isu teknikal, perundangan dan perubatan berkenaan teleperubatan, antara isu lain termasuk keselamatan pesakit, kualiti perkhidmatan yang ditawarkan serta liabiliti salah amal turut perlu ditangani oleh semua negara yang mengamalkan teleperubatan. Maka, Malaysia yang mempunyai masalah yang tersendiri

harus diberi perhatian terlebih dahulu. Misalnya, terdapat persoalan mengenai keseimbangan di antara potensi manfaat kesihatan dalam konteks akses, keberkesanan, kelajuan pemindahan maklumat dengan kos infrastruktur.

Peralatan ringkas 'simpan dan hantar' untuk menghantar imej yang dirakamkan untuk diperhatikan oleh seseorang pakar mungkin hanya memerlukan talian telefon yang bermutu pada kadar penghantaran yang biasa. Penghantaran Sinar-X dada yang menggunakan imej digital tanpa dipadatkan (2 filem baru bersama 2 filem lain bagi tujuan perbandingan) memerlukan kira-kira 7 jam melalui satu modem 14.4 kbps, 3.5 jam melalui satu modem 28.8 kbps, 40 minit melalui talian ISDN yang lebih mahal tetapi hanya 4 minit melalui satu talian T1 (pada 1.5 mbps). Tidak dapat dinafikan bahawa Asynchronous Transfer Mode (AS ATM) yang menggunakan penghantaran 155 mbps sememangnya dapat menyediakan satu resolusi imej yang tinggi di samping penghantaran maklumat yang pantas sesuai untuk aplikasi yang memerlukan kejituan dan imej yang terperinci.

Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan yang jelas di antara Amerika Syarikat dan Malaysia dalam membuat keputusan sama ada teleperubatan merupakan satu pilihan perkhidmatan penjagaan kesihatan. Di Amerika Syarikat terdapat infrastruktur telekomunikasi yang baik walaupun di kawasan yang paling terpencil, di mana perkhidmatan telefon adalah agak lazim. Keadaan ini walau bagaimanapun, tidak berlaku di Malaysia. Pada hakikatnya terdapat 1,273 sekolah di negara kita yang tidak mempunyai bekalan elektrik atau hanya dengan bekalan yang terhad. Tambahan pula, pembekalan kualiti elektrik oleh pihak Tenaga Nasional pula kurang mantap manakala pernah dilanda lebih 100,000 gangguan elektrik berdaftar untuk satu tahun, a good year dan a bad year lebih daripada 400,000 power breakdown.

Selain daripada itu, masalah penjagaan kesihatan yang terbesar di Malaysia masih tertumpu kepada persoalan permulaan, dengan izin, basic need, iaitu mengenai perkhidmatan perubatan dan kesihatan yang asas memandangkan kebanyakan hospital masih kekurangan bilangan katil, kakitangan, fasiliti hospital atau infrastruktur yang minimum termasuk infrastruktur telekomunikasi yang secara langsung mengecualikan kemungkinan teleperubatan sebagai satu pilihan yang berdaya maju.

Dalam yang sedemikian, adalah perlu untuk mengadakan satu perbincangan.....

Tuan Noh bin Omar: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, ada yang bangun. Tanjong Karang hendak minta jalan.

Tuan Noh bin Omar: 36(1).

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, apa Yang Berhormat?

Tuan Noh bin Omar: Duduklah. 36(1), seseorang ahli hendaklah menghadkan percakapannya kepada perkara yang dibincangkan sahaja. Jadi, ini sudah masuk Teleperubatan, ini sudah merapu, tunggulah Akta Teleperubatan, nanti cakaplah. Ini sudah bercakap dekat 4 jam. Tadi dia suruh sambung, tetapi kalau sambung waktu Dewan, DAP seorang pun tidak pernah tunggu sampai malam. Janganlah cakap sahaja, cakap panjang-panjang. Berilah kepada orang lain juga hendak bercakap. Jadi, saya minta Tuan Yang di-Pertua hadkanlah, Peraturan Mesyuarat 36(1) ini kena pegang betul-betul, kalau tidak, besok pun tidak habis. Dia ini macam 'kuching mati anak', mereka sedang berkabung, jadi dia geram, dia cakaplah panjang-panjang, yang bukan-bukan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, IT itu melibatkan juga perkara-perkara yang telah dibincangkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, kalau seorang begitu illiterate, bukan IT illiterate tetapi Standing Order illiterate, saya tidak fahamlah bagaimana kita boleh maju kepada satu masyarakat maklumat. Kita semua balik ke Tanjong Karang sahajalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat dari Tanjong, saya telah benarkan Yang Berhormat, teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Ya. Saya bukan bincang mengenai seksyen-seksyen Teleperubatan, tetapi dasar Teleperubatan di mana Yang Berhormat Menteri ada sebut mengenai MSC tujuh aplikasi, tidak faham. Itulah, balik Tanjong Karang bolehlah.

Dalam keadaan yang sedemikian adalah perlu untuk mengadakan satu perbincangan di seluruh negara.....

Tuan Noh bin Omar: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, hendak minta jalankah atau macam mana?

Tuan Noh bin Omar: Saya hendak minta penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Dia buang masa, tidak faham. Balik baca Peraturan Mesyuarat jadi computer literate, jadi Standing Order literate sebelum bangun!

Tuan Noh bin Omar: Tidak. Saya hendak minta penjelasan, boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat dari Tanjong.....

Tuan Lim Kit Siang: Kalau tidak ada computer literate, Standing Order literate, saya tidak beri jalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia tidak beri jalan.

Tuan Noh bin Omar: Bukan Standing Order, tetapi penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Kenapa beri jalan kepada seorang Standing Order illiterate?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, cukup, Yang Berhormat dari Tanjong, teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Ha, Standing Order illiterate, balik Tanjong Karang.

Tuan Noh bin Omar: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia tidak mahu beri jalan, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ha, balik Tanjong Karang.

Dalam keadaan yang sedemikian adalah perlu mengadakan satu perbahasan di seluruh negara berkenaan sama ada Malaysia harus mengambil Teleperubatan sebagai satu langkah yang penting atau negara ini harus memberi tumpuan dalam memastikan semua rakyat Malaysia, termasuk mereka yang berada di kawasan yang paling terpencil boleh menerima perkhidmatan kesihatan perubatan yang paling asas.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada memberi notis bahawa saya akan kemukakan enam pindaan kepada Computer Crimes Bill di peringkat Jawatankuasa. Saya ada sebut bahawa pihak pembangkang menyokong Computer Crimes Bill tetapi kita mahu satu computer crimes law yang terbaik dalam dunia, bukan sahaja untuk syarikat-syarikat software, bukan untuk pelabur orang asing tetapi apa yang lebih mustahak untuk rakyat jelata dan untuk generasi yang akan datang.

Tujuan, antara lain, pindaan-pindaan ini ialah untuk menunjukkan iklim dan suasana, dengan izin, produce awesome creativeness among Malaysians yang ialah prasyarat kalau Malaysia mahu menjadi

satu information super power dalam abad 21. Kalau kita mahu menjadi satu information super power dalam abad 21 kita mesti menunjukkan kreatif brain power di kalangan rakyat Malaysia.

Di dalam 6 pindaan ini, dari 1 ke-3 ialah untuk mengurangkan denda atau penalti ke satu tahap yang masih merupakan penalti yang paling berat di dunia. Cadangan ini dibuat oleh kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri semalam ada bertanya kenapa kita boleh setuju bahawa orang yang buat unauthorise access tetapi tanpa malice, tanpa kerosakan tidak dianggap sebagai criminal offence dan beliau beri analogy, orang datang ke rumah break into the house, sungguhpun tidak bawa atau tidak angkat apa-apa, ini trespass. Ya, itu trespass. Itu minor trespass daripada segi law property. Tetapi dalam satu keadaan kita perlu faham, dalam keadaan yang baru kita tidak boleh apply old laws atau old legal concepts kepada new technologies.

Di sini, seorang Ithiel de Sola Pool dalam bukunya, *'Technologies of Freedom'*, apa yang beliau tulis kita perlu ambil minat. Dengan izin, he states, the danger of applying old laws carelessly to new technologies. The book states:

"Each new advance in the technology of communication disturbs a status quo. It meets resistance from those who domain it threatens, but if usefull, it begins to be adopted. Initially, because it is new and a full scientific mastery of the options is not yet at hand, the invention comes into use in a rather clumsy form. Technical laymen, such as judges, perceive the new technology in that early, clumsy form, which then becomes their image of its nature, possibilities and use."

As soon as the possibilities of a new technology are dimly understood, entrepreneurs, interest groups, and political organizations begin fighting to control it, and courts and government agencies then act as arbiters. The arbiters, applying familiar analogies from the past to their lay image of the new technologies, create a partly old, partly new structure of rights and obligations. The telegraph was analogized to railroads, the telephone to the telegraph, and cable television to broadcasting. While sometimes the resulting rules are "a tour de force of political creativity", more often they are simply inappropriate to the new forms of the technology which gradually emerge".

Kita perlu ingat janganlah kita apply old laws atau old legal concepts kepada new technologies.

Mengenai seorang hacker, sebagai contohnya. Benar kalau seorang hacker, di sini saya mahu sebut, kita perlu buat satu penjelasan yang terang mengenai

hacking dan cracking. Hacking ialah saya sebut tanpa malice, niat jahat, tanpa kerugian dan sebenarnya hacking originally bukan dirujuk kepada seorang penjenayah komputer tetapi signify, dengan izin, the free-wheeling intellectual exploration of the highest and deepest potential of computer system. Hacking can involve the heart-felt conviction that beauty can be found in computers and that the find aesthetic in the perfect programme can liberate the mind and spirit. Dan orang yang jadi hacker dahulu, dalam masa menjadi pelajar ialah Steven Job dan Steve Wozniak, founders of Apple Computers. Pada masa mereka dalam universiti, mereka hackers, sebab itu kita perlu berbincang.

Kita di sini tidak mempertahankan jenayah komputer (computer criminal) yang dapat akses kepada komputer untuk dapat keuntungan sendiri atau apa-apa tujuan yang jahat. Tetapi kenapa saya kata, saya mahu jawab kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri bahawa unauthorise access tanpa niat jahat dan tanpa kerugian tidak boleh disamakan dengan seorang masuk ke rumah sebagai minor trespass sahaja.

Yang pertama, oleh kerana kita sekarang dalam dunia network computer, bukan sahaja kewangan (banking) tetapi semua intelligent melalui komputer. Oleh kerana keselamatan dalam sistem komputer tidak tinggi, boleh berlaku pencerobohan (intrusion) kepada komputer. Dan saya ada sebut dalam ucapan saya, lebih daripada 90% intrusion yang berlaku tidak didetected. Itu satu masalah besar.

Kita perlu memantapkan, mempertingkatkan keselamatan komputer di dalam negara kita atau di luar negara. Kalau kita ada whizz-kids yang boleh ujian computer security system dengan dua syarat tanpa niat jahat, tanpa kerugian, kita perlu ada satu sikap tidak samakan ini sebagai criminal trespass. Sebab itu, saya ada satu cadangan pindaan bahawa beri kuasa kepada mahkamah dalam keadaan semacam ini, bukan kata automatik, tetapi kita beri kuasa kepada mahkamah di mana kalau satu pencerobohan tanpa niat jahat, tanpa kerugian boleh dismiss prosecution oleh kerana kita tidak boleh beri kepercayaan kepada Peguam Negara atas sebab-sebab yang saya sudah sebut. Dan ini satu contribution mereka boleh buat kepada orang ramai, oleh kerana kalau tidak, kalau keselamatan komputer baikpun perniagaan, banking, electronic commerce dan lain-lain, skel yang lebih besar berlaku, ada penjenayah komputer boleh mencerobohi komputer-komputer, ramai orang akan jadi mangsa. Ini kita perlu lihat daripada segi yang baru. Orang yang trespass into satu rumah -

satu rumah sahaja, tidak ada wide ranging implication affecting damage lain-lain orang, tetapi computer network itu beza (different). Sebab itu, kita perlu satu pandangan yang lebih jauh, bukan sahaja mahu apply old laws and old legal concepts kepada new technologies.

Sebenarnya kita patut menitikberatkan kalau kita mahu satu keselamatan komputer, memberi tanggungjawab kepada semua orang yang ada melibatkan dalam electronic commerce supaya mereka ada tanggungjawab untuk mengadakan satu computer security yang tinggi. Oleh kerana ini bukan sahaja di Malaysia, di United States, di England, computer security system sangat-sangat lemah, letak dalam rang undang-undang. Kalau mereka tidak ada computer security system yang baik, semacam orang yang masuk ada warning tidak boleh masuk dan lain-lain, mereka pun patut bertanggungjawab.

Saya percaya Yang Berhormat Menteri pun tahu mengenai satu konsep downstream liability. Kalau satu computer system tidak ada computer security yang baik, membenarkan orang lain dengan senang boleh mencerobohi sistem itu dan akibat pencerobohan itu mereka boleh dapat akses kepada lain-lain computer system oleh kerana network society dan mengakibatkan kerugian yang begitu besar, syarikat asal itu yang tidak ada computer security system yang tinggi, yang membenarkan pencerobohan yang pertama, yang mengakibatkan kerugian kepada syarikat-syarikat yang lain, ada tanggungjawab untuk membayar ganti rugi dalam konsep downstream liability. Adakah ini boleh diterima oleh kerajaan?

Sebab itu apabila kita bincang mengenai bagaimana boleh memantapkan sistem computer security, kita bukan lihat daripada sistem bagaimana kita mahu memberi ruang kepada sesiapa yang mahu unauthorise access dengan senang, bukan, tetapi kita perlu lihat daripada segi itu. Sebab itu apa yang kita mahu ialah satu cyberlaw, satu computer crime law yang terbaik di dunia.

Saya percaya wakil daripada Peguam Negara pada Cyber Bill Forum ada memberi sebab kenapa mahu penalti yang begitu tinggi dan mungkin ini pun akan dijawab oleh Yang Berhormat Menteri, mesej mahu beri kepercayaan kepada investors. Satu mesej kita serius mengenai computer crime.

Kalau cadangan saya diterima, kita masih menjadi negara dengan penalti-penalti computer crime yang tertinggi sekali tetapi kita pun boleh

hantar mesej yang kedua. Bukan sahaja kita boleh hantar satu mesej yang pertama bahawa kita serius dalam computer crime, sama ada kita enforcing capability atau tidak, itu hal yang lain, tetapi kita pun boleh hantar mesej yang kedua kepada pemuda-pemudi kita untuk memupuk awesome creativity mereka bahawa kita faham budaya komputer, kita faham fikiran mereka untuk mencipta content yang terbesar dan terbaik di dunia. Itu pertama.

Ada lagi satu cadangan saya ada kemukakan ialah bahawa oleh kerana pencerobohan kepada komputer boleh mengakibatkan kerugian yang begitu besar, astronomical, ada satu seksyen baru mengenai order for payment of compensation supaya mahkamah ada kuasa untuk memerintah seorang pesalah yang disabitkan kesalahan supaya membayar pampasan kepada si mangsa terhadap sebarang kerosakan atau kerugian yang dilakukan ke atas komputer, aturcara ataupun datanya.

Kita memainkan sikap yang positif, sikap yang bertanggungjawab oleh kerana kita mahu usaha kita melangkah ke satu masyarakat maklumat yang berjaya. Kita bukan buat criticisms yang negatif. Pada keseluruhannya kita sokong bil itu, tetapi kita mahu pindaan supaya rang undang-undang ini boleh menjadi the best Cyber Law in the world.

Saya berharap di sini Yang Berhormat Menteri boleh bersetuju oleh kerana semua parti sokong Computer Crimes Bill, tetapi kita beri ruang kepada semua untuk memberi sumbangan, 'have a free vote withdraw the whip' mengenai the six amendments, apa yang menunjukkan kita boleh mendapat satu tahap yang lebih matang, lebih 'meteor' dalam menangani apa yang Malaysia perlu untuk mengadakan Rang undang-undang Jenayah Komputer. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tambun.

4.34 ptg.

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan Rang Undang-undang Jenayah Komputer 1997 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri. Saya menganggap bahawa pembentangan rang undang-undang ini satu perkara yang penting dan bersejarah kerana ia merupakan satu turning point kepada negara kita.

Kita sedia maklum bahawa negara kita sedang menuju ke arah era teknologi maklumat. Kalau kita ambil dari segi pendapatan per kapita, kita sedia maklum bahawa pendapatan per kapita kita

sekarang ialah pada tahap US\$5,000 dan melalui era perindustrian kita mampu untuk mengangkat pendapatan per kapita kita kepada US\$10,000. Tetapi dengan penglibatan kita dalam teknologi maklumat ia akan mampu mengangkat pendapatan per kapita negara kita pada US\$15,000.

Antara perkara penting dalam era teknologi maklumat ini adalah kerajaan berusaha untuk menarik pelabur asing. Di samping itu dari segi aplikasi, kita sedia maklum bahawa pihak kerajaan akan menubuhkan Kerajaan Elektronik dan electronic commerce akan menjadi perkembangan yang meluas pada abad ke-21 dengan penggunaan komputer dalam bidang banking, perdagangan, pengangkutan serta perkilangan dan kita pasti bahawa di rumah-rumah kediaman kita akan didapati banyak komputer.

Dengan penggunaan komputer dan teknologi maklumat ini, dalam bidang banking sahaja kita dapati bahawa hubungan antara ibu pejabat dengan ratusan cawangan-cawangan, jikalau pada masa yang lalu kita menggunakan telefon, tetapi sekarang ini kita menggunakan komputer. Melalui komputer bank akan menyimpan maklumat pelanggan-pelanggan dalam bentuk akaun simpanan, akaun semasa dan akaun pelaburan serta maklumat tentang pelanggan-pelanggan yang meminjam dengan syarat-syarat pinjaman serta jumlah pinjaman. Di samping itu komputer akan digunakan untuk menjalankan transaction bayaran kepada pelanggan, bayaran kepada bank serta hubungan dengan negara luar.

Rang Undang-undang Jenayah Komputer 1997 ini penting untuk menjaga integriti dan 'trust worthiness' komputer, kerana ia merupakan kunci kepada masa hadapan negara kita. Cuba kita bayangkan di dalam sistem banking sepertimana yang saya nyatakan tadi, jika berlaku jenayah komputer, apakah yang akan berlaku, yang boleh memadamkan maklumat ataupun maklumat boleh disalin dan digunakan untuk tujuan-tujuan yang jahat ataupun untuk kegunaan-kegunaan yang lain. Ia akan mendatangkan satu kerugian yang begitu besar serta merosakkan negara kita.

Dengan adanya rang undang-undang ini, kita dapati bahawa ia boleh mengawal penggunaan komputer, di mana kita sedia maklum sekarang akses kepada komputer lain begitu mudah. Bagi seorang yang memiliki komputer di rumah dengan menggunakan modem beliau boleh berhubung dengan komputer lain serta dengan penggunaan 'fiber optic' ia boleh menghubungi kepada network

antarabangsa dan begitu mudah bagi individu-individu untuk memasuki komputer pihak-pihak yang lain. Saya dapati bahawa rang undang-undang yang dibentangkan teratur.

Di dalam kajian saya Rang Undang-undang Jenayah Komputer yang dibentangkan di beberapa buah negara tidak terdapat definisi komputer kerana mengikut kepada penggubal undang-undang tersebut bahawa komputer berubah definisinya dari semasa ke semasa. Apa yang kita anggapkan sebagai definisi komputer sekarang ia tidak akan menjadi definisi lagi kepada generasi yang akan datang.

Saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana mempunyai satu definisi yang tepat. Tetapi saya berharap sepertimana Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengatakan bahawa kajian mesti dilakukan daripada masa ke semasa. Seperti yang saya nyatakan tadi definisi komputer akan berubah pada masa yang akan datang.

Di dalam rang undang-undang ini juga saya dapati bahawa terdapat jelas huraian mengenai jenayah komputer seperti apa yang dibangkitkan oleh pihak pembangkang yang merasa risau, orang yang tidak bersalah akan dibawa ke mahkamah - itu tidak betul, kerana di dalam fasal rang undang-undang tersebut, perkataan 'niat' menjadi perkara utama.

Di sini saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri bagaimanakah pihak mahkamah nanti hendak menterjemahkan 'niat' atau 'to establish the mental intent'. Jadi, bagaimanakah perkara ini dilakukan, tidakkah nanti mahkamah akan mendapati satu kesulitan untuk mengatakan dengan tepat bahawa ia mempunyai 'niat' atau tidak mempunyai 'niat' untuk melakukan jenayah komputer?

Saya bersetuju dengan denda yang dikenakan, walaupun pembangkang mengatakan 'berat'. Saya baca dalam akhbar mengenai apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Tanjong ia beberapa puluh kali lebih tinggi daripada denda yang dikenakan di United Kingdom dan dua kali lebih tinggi daripada di Singapura. Tetapi saya berpendapat bahawa kita mesti lihat dari segi kuantum kerugian dan kerosakan yang akan dilakukan. Kita mesti membawa sikap sebagai 'leader' dalam soal ini. Kalau kita ambil contoh dalam soal Akta Dadah Berbahaya, negara kita yang mula sekali mengenakan hukuman gantung. Pada peringkat awal dikritik termasuk oleh pihak pembangkang, tetapi sekarang ini banyak negara termasuk negara-negara maju telah mengikuti dan mencontohi negara

kita, mengapa tidak kita menjadikan negara kita sebagai contoh. Jumlah sebanyak RM150,000 adalah had yang maksimum boleh dikenakan. Denda yang kecil akan dikenakan jikalau jenayah itu tidak mendatangkan kerosakan.

Saya mengambil contoh apabila Yang Berhormat dari Tanjong mengatakan bahawa di United Kingdom dendanya begitu kecil, tetapi apa yang berlaku di United Kingdom, kerugian daripada jenayah komputer adalah lebih daripada £2 bilion setahun, bermakna bahawa Rang Undang-undang Jenayah Komputer di United Kingdom tidak mendatangkan kesan kepada negara tersebut, malahan ramai ahli Parlimen yang mula mempersoalkan, malahan ada yang mencadangkan supaya denda yang lebih tinggi lagi dikenakan.

Tuan Yang di-Pertua, mengapa saya mengatakan bahawa denda tersebut berpatutan? Saya percaya pada masa akan datang mungkin akan ditingkatkan lagi kerana sepertimana kita sedia maklum akan kerosakan dan kerugian yang boleh dilakukan oleh jenayah komputer. Kita mengambil contoh, kalau jenayah komputer berlaku di pejabat Attorney-General yang membuat bayaran seperti bayaran gaji dan sebagainya - maklumat dihilangkan atau maklumat dipinda, jadi apakah yang akan berlaku kepada negara ini? Misalnya di Kuala Lumpur pihak Bandaraya begitu bangga mengatakan mereka menggunakan komputer untuk menyelaraskan lalu lintas di Kuala Lumpur.

Semalam saya membaca akhbar negara yang paling serius menghadapi kesesakan jalan raya, kalau dahulu di Bangkok, tetapi sekarang di Kuala Lumpur. Kalau ada 'hackers' yang masuk ke komputer dan menyebabkan kerosakan dan sebagainya, apakah yang akan berlaku kepada kesesakan jalan raya di Kuala Lumpur ini. Begitu juga dari segi hospital, bila hospital kita keseluruhannya menggunakan komputer, rekod-rekod akan disimpan di dalam data base dan apakah yang akan terjadi apabila rekod-rekod ini dihilangkan ataupun daripada data base seorang penjenayah akan mengeluarkan satu data seorang pesakit yang menghadapi penyakit kanser atau AIDS dan ia menggunakan ini untuk 'black mail' pesakit tersebut. Apakah yang akan terjadi? RM150,000 bukan jumlah yang boleh membayar balik kerosakan.

Yang Berhormat dari Tanjong telah mengatakan tadi beliau mencadangkan supaya diadakan satu fasal untuk membuat compensation, tetapi jikalau orang yang melakukan jenayah, seorang yang tidak mempunyai wang yang banyak dengan hanya

melakukan amalan 'hackers' merosakkan komputer tersebut yang boleh sampai ratus juta, adakah ia mampu untuk membayar compensation tersebut?

Saya berharap bahawa.....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Parit Sulong.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, semalam pihak pembangkang membangkitkan persoalan mengapakah dendanya terlalu rendah apabila dibanding dengan beberapa negara Barat. Adakah Yang Berhormat dari Tambun sedar bahawa terdapat satu prinsip yang dipanggil principle of subsidiarity oleh beberapa negara maju bahawa mereka tidak menitik beratkan satu undang-undang criminal. Sekiranya kesalahan itu boleh diatasi menerusi cara-cara yang non-legal ataupun cara-cara sivil dan juga menerusi commercial dan administrative law - itu satu perkara.

Yang kedua, adakah Yang Berhormat dari Tambun sedar bahawa di negara-negara Barat juga diakui bahawa tradisi dan sovereignty sesuatu kerajaan itu menjadi latar belakang kepada penggubalan sesuatu undang-undang dan dalam hal ini tradisi kita adalah kita mahu muncul sebagai satu negara yang terbaik dan zon yang terbaik di dalam segi IT, dalam memajukan industry multimedia. Tidakkah ini boleh diterima sebagai satu alasan mengapakah Malaysia mempunyai satu undang-undang jenayah komputer yang diterima sebagai paling rigid dan paling tinggi dendanya kalau dibandingkan dengan mana-mana negara. Terima kasih.

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:

Tuan Yang di-Pertua, di peringkat awal tadi saya menyatakan bahawa kita tidak boleh menjadi 'follower' di dalam bidang IT ini. Kita harus menjadi 'leader' sepertimana saya katakan di dalam Akta Dadah Berbahaya kita yang pertama sekali meletakkan hukuman mati sebagai hukuman maksimum kita. Kita dikritik termasuk oleh pembangkang, tetapi sekarang banyak negara termasuk negara maju yang mencontohi negara kita.

Saya bersetuju dengan pendapat rakan saya dari Parit Sulong dan saya juga ingin menyatakan bahawa di negara-negara maju umpamanya, sesuatu akta itu tidak tersendiri, ia mempunyai akta-akta lain untuk melindungi sesuatu jenayah tersebut. Jadi, apabila Yang Berhormat dari Tanjong menyatakan bahawa ia melihat dari segi denda yang begitu tinggi dan membuat perbandingan dengan negara lain, saya melihat bahawa perbandingan itu tidak tepat, perbandingan mesti dibuat secara menyeluruh dengan sistem yang ada di negara-

negara lain. Ada kemungkinan di negara kita, kita tidak mempunyai akta lain untuk melindungi masalah ini, tetapi di negara lain dia mempunyai akta-akta lain untuk melindungi kes-kes jenayah komputer tersebut, dia boleh menggunakan akta-akta lain.

Jadi, kalau kita ingin merasakan diri kita seorang yang matang, yang hebat dan sebagainya, perbandingan mesti dibuat dalam bentuk yang betul, perbandingan antara apa yang ada di negara kita mesti dibuat dengan negara maju, dengan cara yang menyeluruh secara detail baru kita boleh mengeluarkan idea, mengelar kita 'hebat' dan orang lain semua tidak hebat. Itulah sebabnya apabila saya tengok pihak Pembangkang menyampaikan hujah-hujah saya tidak mengambil tahu, kerana saya dapati bahawa banyak kenyataan adalah 'bodoh' dan tidak berasas. Jikalau saya mengambil bahagian untuk menegur mereka membuatkan saya juga menjadi 'bodoh'. Jadi, saya berharap bahawa soal denda ini bukan isu utama. Saya tidak bersetuju dengan Yang Berhormat dari Parit Sulong yang mengatakan 'rigid'. Saya rasa denda RM150,000 bukan jumlah besar, jikalau kita mengambil perbandingan di UK lebih £2 bilion yang hilang setahun disebabkan jenayah komputer, apakah RM150,000 satu jumlah yang besar?

Satu perkara yang saya ingin sentuh, Tuan Yang di-Pertua, adalah mengenai dengan satu suasana yang mungkin wujud apabila kita mempunyai satu Rang Undang-undang Jenayah Komputer ini. Saya bimbang pengguna-pengguna serta mereka yang mengeluarkan komputer akan merasa complacent, seolah-olah bahawa rang undang-undang ini telah melindungi komputer. Jadi, saya berharap pihak kementerian harus mempertingkatkan usaha untuk meningkatkan sistem keselamatan komputer tersebut.

Pengguna harus dimaklumkan bahawa mereka mempunyai tanggungjawab untuk mempunyai sistem keselamatan untuk menjaga komputer mereka. Begitu juga syarikat-syarikat yang mengeluarkan komputer mesti berusaha untuk mengadakan alat-alat untuk memperkukuhkan sistem keselamatan. Kita boleh berfikir bahawa oleh kerana ada satu rang undang-undang, kita sekarang sudah terselamat dan tidak perlu untuk menjaga komputer kita. Kita mesti mempunyai satu sistem keselamatan yang maksimum.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Parit Sulong bangun Yang Berhormat.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, pandangan Yang Berhormat dari Tambun amat menarik. Adakah maksud Yang Berhormat bahawa kita harus menyedarkan pihak pengguna sama ada organisasi ataupun kerajaan ataupun perniagaan atau individu bahawa sistem perlindungan atau fire wall dan juga software-software perlindungan yang lain tidak menjamin sepenuhnya keselamatan data. Sebaliknya, perkara ini mesti digandingi dengan 'mental alertness' ataupun kesediaan mental supaya tidak jadi 'complacent' apabila rang undang-undang ini dilaksanakan kelak.

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Saya bersetuju dengan sahabat saya, Yang Berhormat dari Parit Sulong bahawa kesedaran mesti diberi kepada semua pihak. Saya berharap bahawa oleh kerana kerajaan bermula daripada Jabatan Perdana Menteri pada tahun 2000 akan melaksanakan elektronik government, dan kita tahu bagaimana banyaknya fakta-fakta di dalamnya bahawa kerajaan sendiri akan berusaha untuk mendapatkan keselamatan serta perlindungan yang maksimum ke atas sistemnya nanti.

Satu perkara yang saya ingin sentuh mengenai dengan penjenayah yang bawah umur ataupun juvana. Bagaimanakah rang undang-undang ini diaplikasikan kepada mereka? Mereka yang berumur 9-10 tahun, sekarang sudah begitu bijak menggunakan komputer dan kerana kenakalan mereka, mungkin mereka akan melakukan jenayah hackers ini ke atas komputer lain, dan bagaimanakah rang undang-undang ini diaplikasikan kepada mereka? Adakah mereka juga akan dikenakan denda yang begitu, sama dengan yang lain dan juga mereka akan dibawa ke mahkamah yang sama ataupun ada akta lain yang akan mengambil kes juvana tersebut?

Satu lagi perkara yang saya ingin sentuh tentang masalah virus. Di dalam kajian saya sekarang di beberapa negara terdapat AIDS disket. AIDS disket ini dihantar melalui mail kepada individu-individu di atas nama AIDS Introductory Disket. Apabila pengguna hendak menggunakan disket ini, apabila dimasukkan ke dalam komputer, ia akan memadamkan simpanan maklumat-maklumat di dalam data base. Jadi, penjenayah tersebut bukan penjenayah yang memasuki komputer kita secara hackers, tetapi penjenayah yang menghantar disket kepada individu-individu. Bagaimanakah rang undang-undang ini melindungi pengguna-pengguna daripada orang-orang begini? Sekarang didapati bukan sahaja AIDS disket, tetapi ada juga Trojan Horses, Lojic Bomb, Worms, Bacteria, Rabbits dan sebagainya. Saya percaya bahawa disket-disket ini akan membanjiri negara kita pada masa yang akan datang.

Satu lagi perkara tentang 'cross border'. Saya bersetuju di dalam akta ini ada terdapat peruntukan di bawah bahagian 3(9)(i) di mana kerakyatan atau warganegara yang mempunyai kuatkuasa di luar dan juga dalam Malaysia dan jika satu kesalahan di bawah akta yang dilakukan oleh mana-mana orang di mana-mana tempat di Malaysia, dia boleh diuruskan berkenaan dengan kesalahan sedemikian, seolah-olah kesalahan itu telah dilakukan di mana-mana tempat dalam Malaysia. Saya bersetuju bahawa dengan fasal ini, malahan bila saya buat kajian dengan rang undang-undang di negara lain, fasal ini tidak dimasukkan di dalam rang undang-undang tersebut.

Tetapi perkara yang ingin saya sentuh di sini bahawa jenayah komputer ini telah menjadi satu jenayah antarabangsa, satu networking yang begitu besar, terutama apabila melibatkan isu 'espionage' negara-negara mahu mengambil maklumat daripada negara lain supaya mendapat 'competitive advantage' dalam banyak bidang. Umpamanya, Red Army telah mencerobohi NASA berpuluh ribu kali. Jika jenayah antarabangsa berlaku ke atas negara kita, bagaimanakah rang undang-undang ini hendak melindungi mereka? Di samping itu juga, kita dapati bahawa kita sedang dalam proses untuk menubuhkan Asean Common Market. Kita akan mempunyai satu networking dengan negara-negara jiran dalam Asean. Hubungan negara kita dengan negara lain akan dilakukan melalui komputer. Saya berpendapat bahawa usaha untuk meningkatkan hubungan ini mesti dijalankan daripada sekarang, termasuk untuk mengadakan rang undang-undang yang agak boleh lindung-melindungi antara satu negara dengan satu negara yang lain supaya pada masa akan datang kita tidak menghadapi masalah.

Ada dua perkara lagi yang ingin saya sentuh, Tuan Yang di-Pertua. Satu mengenai penguatkuasaan. Saya bersetuju dalam akta ini ada fasal memberi kuasa kepada polis di bawah seksyen 10(i) untuk mendapatkan warrant daripada majistret serta untuk memasuki premis untuk menggeledah, menyita serta menahan apa-apa keterangan sedemikian dan dia berhak untuk melakukannya. Ini memang sesuai, kerana dalam soal jenayah komputer ia begitu complicated kadangkala. Ada berlaku kes di mana sebuah kedai yang mempunyai beberapa orang pekerja menyimpan maklumat di dalam komputer. Salah seorang pekerja merasa begitu kecewa kerana tidak dinaikkan gaji, beliau balik dan mengeluarkan programming dan datang ke kedainya dan seterusnya menggunakan programming untuk merosakkan program yang ada

di dalam komputer syarikat tersebut. Jikalau polis tidak mempunyai kuasa untuk memasuki premis-premis tersebut, maka amat susah untuk pihak polis menjalankan penguatkuasaan.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri apakah persediaan-persediaan yang telah dilakukan ke arah untuk meningkatkan taraf profesionalisme polis kita dalam isu menjalankan penguatkuasaan ke atas Rang Undang-undang Jenayah Komputer ini. Adakah mereka telah dihantar untuk kursus-kursus komputer. Jangan kita mengambil contoh ada beberapa negara, oleh kerana negara telah berpindah ke era komputer, mereka hantar beberapa orang polis pergi kursus setakat tiga minggu dan merasakan sudah tiba kepada tahap yang profesional, sudah mengetahui tentang komputer dengan begitu competence sekali. Tetapi sebenarnya tidak sampai kepada peringkat itu, kerana rang undang-undang ini tidak akan menjadi berguna jikalau pesalah-pesalah tidak boleh dibawa ke mahkamah dan dikenakan hukuman-hukuman.

Untuk kita mengenal pasti penjenayah komputer bukan satu perkara yang mudah. Di samping itu, saya berpendapat kita mesti mengadakan satu mekanisme seperti mengadakan satu unit khas yang specialise dalam bidang tersebut supaya dari masa ke semasa kepakaran mereka akan meningkat. Dengan peningkatan kepakaran tersebut kita juga boleh membantu, terutama negara-negara jiran kita. Begitu juga dari segi mahkamah, mereka yang terlibat di mahkamah saya percaya mesti diberikan orientasi baru dengan menjadikan mereka mengenali komputer.

Akhir sekali, saya dapati bahawa rang undang-undang ini banyak menyentuh orang perseorangan, pihak rakyat dan sebagainya. Bagaimana pula jikalau jenayah tersebut dilakukan oleh kerajaan. Umpamanya, Kerajaan Kelantan mencuri maklumat daripada Kerajaan Persekutuan dan sebagainya, bagaimanakah perlindungan yang akan diberi oleh rang undang-undang ini, ataupun kerajaan, jiran kita yang dalam dunia espionage sekarang untuk tujuan keselamatan dan sebagainya mungkin memasuki komputer di Kementerian Pertahanan kita. Jadi, bagaimanakah perlindungan yang akan diberikan oleh rang undang-undang tersebut? Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kubang Kerian.

4.56 ptg.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kubang Kerian]: Tuan Yang di-Pertua, teknologi komputer sekarang memang sedang melanda kita. Teknologi-teknologi moden sekarang ini memang mencabar kita setiap hari sama ada kita akan ketinggalan dalam bidang ini ataupun kita terus maju dalam bidang ini. Bagi orang Islam yang percayakan Allah, dan lain-lain agama, teknologi-teknologi terbaru ini boleh mencabar sama ada mereka tambah beriman dengan agama yang mereka pegang ataupun mereka terus menjadi atheist, tidak percaya lagi kepada kuasa Allah S.W.T.

Bagi kita, kita yakin dengan teknologi perkembangan mutakhir ini, Insya-Allah, menambahkan keimanan kita kepada Allah S.W.T., terutama sekali penemuan-penemuan baru yang dibuat oleh manusia yang kita lihat dahulunya manusia menjadi ragu terhadap satu perkara, sekarang ini mereka mulai yakin. Misalnya, dalam Islam mempercayai Nabi Muhamad di Isra' Miraj ke langit dalam masa satu malam. Bolehkah ianya berlaku? Barangkali dalam 10 tahun, 20 tahun dahulu orang menganggap ianya tidak mungkin berlaku. Tetapi sekarang dengan teknologi baru, kita lihat manusia dalam masa lima-enam jam telah terlepas ke angkasa lepas dan boleh pulang semula dalam masa beberapa hari. Itu teknologi yang ada sekarang. Sudah tentulah kalau Allah yang membawa Nabi Muhamad S.A.W., maka dalam masa semalam boleh pergi ke Masjidil-Aqsa dan seterusnya ke Sidratul-Muntaha dan pulang semula ke Mekah. Oleh itu, penemuan teknologi-teknologi baru, komputer dan sebagainya menambahkan kita yakin kepada Allah S.W.T., iaitu Allah mampu buat kalau hambanya mampu berfikir sekarang ini dan membuat perkara-perkara yang pelik, sudah tentulah Allah mampu buat lebih daripada itu.

Begitu juga menjadi kehairanan kepada kita Malaikat boleh bertukar shift, boleh naik melaporkan segala kegiatan kita yang kita lakukan di dunia ini dalam masa yang begitu singkat. Sekarang ini kita tidak hairan lagi dengan teknologi komputer kita lihat peninju yang menumbuk seorang lawannya di New York, boleh kita lihat dalam masa itu juga, dan bendanya sampai kepada kita dengan begitu cepat. Oleh itu, apa yang menghairankan kita yang diberitahu dalam Al-Quran 1400 tahun dahulu sekarang ia tidak menjadi hairan, manusia boleh membuat, sudah tentulah kuasa Allah lebih-lebih lagi.

Begitulah juga Allah mengetahui segalanya apa yang kita buat, betulkah begitu kadangkalanya orang atheis berfikiran demikian, tetapi dengan teknologi

angkasa lepas kita lihat satelit yang ada di angkasa lepas itu boleh mengetahui gerakan tentera ataupun movement manusia di atas muka bumi, lagi lama semakin canggih sehingga satelit yang dicipta oleh manusia itu sekarang mampu melihat pergerakan manusia, inikan pula Allah yang mencipta manusia yang membuat satelit itu sendiri.

Oleh itu, kecanggihan teknologi ini boleh dibahas untuk menambahkan keimanan ataupun orang yang tidak percaya maka ia terus menjadi atheis. Begitulah perkembangan dalam bidang sains yang menakjubkan iaitu sekarang klon-klon baru yang dicipta iaitu kambing biri-biri Dolly boleh melahirkan Dolly semula. Ada ahli sains yang sanggup pula untuk menjadikan semula Lenien iaitu daripada R&A dan D&A yang ada pada Lenien itu boleh dilahirkan Lenien semula. Begitulah juga mayat-mayat Firaun yang sudah 3,000 tahun, ada saintis mengeluarkan pandangan bahawa Firaun mungkin boleh dihidupkan semula.

Ini cabaran kepada ulama untuk mereka berfikir dan mengeluarkan fatwa-fatwa baru tentang perkembangan yang berlaku di atas muka bumi ini. Sebab, tak lama lagi kalau kita sayang kepada Perdana Menteri, kita boleh klonkan dia untuk dia terus hidup, yang orang tunggu timbalan itu jenuh menunggu sampai bila-bila. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, jadi, perkara-perkara ini perlu 'research' ataupun kajian yang ilmiah oleh para ulama untuk memberi pandangan yang segera terhadap perkembangan teknologi yang berlaku khususnya teknologi komputer dan teknologi lain yang berkembang sekarang ini.

Parti Islam Se Malaysia tidak menentang sebarang perkembangan teknologi baru yang ianya memberi faedah kepada manusia, PAS telah ada homepage lebih daripada setahun setengah yang dahulu dan homepage PAS dalam komputer ini dimulakan oleh Dewan Ulama itu sendiri. Oleh itu, dalam homepage di Malaysia ini, kami di antara kumpulan yang awal terlibat dalam Internet dan juga membuka homepage. Perkara positif tentang

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Yan minta jalan.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Ya.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan ucapan Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian ini. Cuma saya hendak bertanya ucapan Yang Amat Berhormat

Datuk Nik Abdul Aziz tentang tindakan penceramah PAS yang keterlaluan itu, adakah dimasukkan di dalam homepage atau tidak? *[Ketawa]*

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Itu laporan akhbar dan termasuk dalam akta komputer ini.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Machang bangun, Yang Berhormat!

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Ohh! *[Ketawa]*

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tadi Ahli Yang Berhormat dari Yan sebut mengenai ucapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan, Yang Berhormat kata itu ucapan dalam akhbar, bermakna adakah Yang Berhormat mengatakan bahawa akhbar itu melaporkan sesuatu yang tidak betul? Maknanya Yang Amat Berhormat Menteri Besar tak kata begitu? Atau kalau Yang Amat Berhormat Menteri Besar mengatakan begitu, apakah pendirian Pemuda PAS berhubung dengan perkara yang sama dan kalau perkara itu dia tak kata, katalah akhbar yang melaporkan itu tidak betul, dia mengakui bahawa ceramah-ceramah PAS jauh lari daripada landasan Islam.

Kalau dia tidak berkata demikian dan akhbar melaporkan, mengapakah Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan sampai hari ini tidak pernah membuat penafian bahawa dia tidak pernah berkata demikian? Terima kasih.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Terima kasih kawan lama! *[Ketawa]* Dahulu masuk dok belah ini pun tahu juga bagaimana akhbar 'quote' ucapan kita, dia ambil tak habis! Dia ambil tengah-tengah, 'sudah tahu bertanya pula'.

Dan dalam perkara itu, memang sesuatu ucapan itu kalau diambil ditengah-tengah, tidak diambil di hulu dan di hadapan, maka akan jadilah seperti itu. Jadi, berkenaan dengan akhbar ini, saya tak mahu komen banyaklah, sebab kita sebagai Pembangkang, kita tahu, sebab itu S.46 pun dahulu bakar surat khabar. *[Ketawa]* Sekarang sudah jadi UMNO, amboi lupa sangat! Ingat-ingatlah sedikit! *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, perkara positif yang ditimbulkan

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: *[Bangun]*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Machang bangun lagi.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Hai, jangan banyak sangatlah. *[Ketawa]*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Dia tidak ada had masa ini, boleh bercakap!

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Hai, janganlah! Saya hendak bercakap pendek sahaja!

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya memang masih tak lupa perkara-perkara lama, malah semasa saya membela Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian pun saya tidak lupa, sampai ke hari ini masih ada dalam ingatan saya. *[Tepuk][Ketawa]* Saya tak lupa! Cuma saya ingin tahu pendirian, fasal saya nampak sekarang pendirian antara Pemuda PAS

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: memang kawan - saya tidak pernah berkelahi dengan Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian, Tuan Yang di-Pertua, tetapi malah saya bela! Tuan Yang di-Pertua, sehinggakan parutnya pun masih ada tinggal sehingga sekarang, ini masih ada lagi. *[Sambil menunjukkannya]*

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan, saya nampak sekarang ini di antara Pemuda PAS dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan selaku Ketua Mursyidul Am PAS, misalnya dalam soal rusuhan hari itu, Dewan Pemuda PAS mempertahankan bahawa ini adalah salah satu penyeksaan dan penganiayaan yang dibuat oleh Polis Malaysia. Tetapi, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan menyatakan bahawa tindakan itu salah, bercanggah di situ.

Dan baru-baru ini pula, hari Ahad lepas, Yang Amat Berhormat Menteri Besar mengakui sendiri mengatakan bahawa kempen-kempen yang dibuat oleh pemimpin PAS dalam ceramah-ceramah mereka selama ini lari daripada perjuangan Islam yang sebenar. Bukan hendak mengambil orang, tetapi orang semakin lari. Tiba-tiba Dewan Pemuda PAS mengatakan bahawa akhbar itu tidak betul. Kalau akhbar tak betul, perbetulkan keadaan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri, kalau yang tak betul, walaupun saya dalam Barisan Nasional, dalam UMNO, *Berita Harian* saya saman, Tuan Yang di-Pertua. Misalnya dahulu, para pemimpin PAS pernah berucap bahawa bekas Ahli S.46 masuk

PAS, cerita tak betul, saya saman sampai hari ini kes itu ada lagi dalam mahkamah di Kota Bharu. Tak kira sama ada berada di sini, itu tidak berbeza. Tuan Yang di-Pertua. Minta penjelasan!

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, kami tak ada masalah dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Kelantan. Tidak ada masalah apa-apa dan kalaulah ceramah-ceramah kami menyakitkan hati, untunglah UMNO, tak boleh ambil alih Kelantan balik, senanglah mereka ambil alih Kelantan.

Jadi, mereka pun tak berupaya mengambil alih balik Kelantan, jadi, mengapa ditimbulkan perkara itu kalau ceramah kami 'melarikan orang' - untunglah. Untunglah parti lawan kami.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Satu sahaja sudahlah. Saya hendak berucap ini Multimedia Super Corridor. Yan bukan ada berita seperti ini.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Hai, ada, ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat minta penjelasan, minta balik kepada tajuk ya.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, ya, ini balik kepada tajuk. Fasal Ahli Yang Berhormat itu keluar dari tajuk, jadi saya hendak masuk balik ini. *[Ketawa]*

Jadi, minta penjelasan Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat katakan dari segi nasihat Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan sebagainya, saya bertanya itu sama ada hak baik-baik yang macam Dewan Ulama kata masuk buat homepage, jadi, sama ada nasihat pemimpin PAS tentang ajaran agama ini patut dimasukkan ke dalam homepage supaya seluruh dunia tahu tentang perjuangan PAS yang sebenarnya dan seluruh dunia nampak apa yang dok buat di bawah ini.

Jadi, adakah pihak Pemuda PAS patut bersyukur dan berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan kerana beliau ingin membawa balik kumpulan-kumpulan muda dalam PAS ke jalan yang diredai oleh Allah S.W.T. kerana kadang-kadang maklumlah Yang Berhormat pun, 'teras' sangat. Jadi, macam mana pandangan Yang Berhormat?

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Ha, cukuplah, terima kasihlah. Kami pun tak 'published'kan apa Dr. Mahathir kata dalam Mesyuarat MKT kepada pemimpin UMNO, saya tahu lebih dahsyat lagi termasuk kepada Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan, termasuk kepada bekas Naib Presiden dan bekas Menteri Besar Selangor, cuma kita tak siarlah dalam surat khabar berita itu. Dahsyat lagi!

Sekarang balik semula kepada tajuklah!
[Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sila.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara positif Multimedia Super Corridor dan teknologi komputer ini telah diterangkan secara panjang oleh Parit Sulong dan Tanjong dan saya memang bersetuju dengan kedua-dua pandangan yang mereka beri terhadap perkara-perkara positif yang diterangkan oleh kedua-dua Ahli Parlimen yang saya lihat mereka ini membuat 'homework' dan membuat kajian terhadap Multimedia Super Corridor, teknologi komputer dan sebagainya yang kita bincangkan sekarang ini dan saya menyokong kedua-dua pandangan yang diberi oleh Parit Sulong dan Tanjong.

Tuan Yang di-Pertua, cuma perkara yang agak membimbangkan kita iaitu kawasan MSC ini yang dikatakan 10 x 50 kilometer, apakah ia akan menjadi kawasan autonomi tidak lama lagi kerana kita bimbang kawasan itu akan wujud undang-undang yang berlainan daripada kawasan yang lain, ia lebih berautonomi daripada kawasan free trade zone kerana di situ akan diberi pelbagai intensif kepada mereka untuk menjayakan projek-projek mereka.

Oleh itu, kita bimbang kawasan ini akan menjadi seperti kawasan autonomi di tengah-tengah negeri Malaysia ini. Kita bimbang kepada bentuk penjajah baru, sebab dahulunya British datang ke negeri kita dimulakan dengan mengambil Dinding, selepas itu kita lihat Melaka dan Pulau Pinang menjadi negeri Selat, tidak berapa lama kemudian kita lihat seluruh Malaya ini jatuh ke tangan mereka.

Walaupun penjajahan bentuk kedua seperti itu mungkin tidak berlaku, tetapi kita bimbang penjajahan dalam bentuk fikiran, kebudayaan akan dimulakan dalam MSC 10 x 50 kilometer persegi ini, selepas itu ia akan melarat dan seterusnya akan menguasai pemikiran rakyat Malaysia dengan budaya yang kotor, yang tidak baik, yang daripada Barat dari ada yang baik. Tetapi budaya tidak

beragama, pergaulan bebas dan sebagainya, budaya itu mungkin dimasukkan melalui kawasan istimewa yang diberi kepada mereka. Apakah langkah-langkah kerajaan untuk menghalang walaupun ianya tidak berlaku lagi, kalau ada perkara-perkara seperti ini akan berlaku pada masa yang akan datang.

Kemudian kita lihat sendiri bagaimana selepas Perang Dunia II, tokoh-tokoh Yahudi yang lari daripada Eropah akhirnya mereka ini bertapak di Amerika Syarikat dan membuka Hollywood dan memainkan peranan di Hollywood, akhirnya melalui Hollywood itu mereka menjalankan propaganda mereka seperti kita lihat dalam filem Perang Combat bagaimana digambarkan setiap kali bahawa tentera Jermanlah yang kalah dan tentera Jerman bodoh berperang, walaupun kita lihat tentera Jerman ini tentera yang agak handal, yang boleh menakluk sehingga Russia tetapi digambarkan begitu bodoh kerana Yahudi membalas dendam dan amat benci kepada Jerman terutama sekali di zaman Hitler, mereka gunakan propaganda mereka melalui Hollywood yang mereka kuasai.

Begitulah juga kita lihat Marlon Brando yang cuba mengkritik Hollywood kerana Hollywood dikuasai oleh Yahudi, akhirnya bagaimana pengusaha-pengusaha Yahudi di Hollywood berjaya memaksa Marlon Brando meminta maaf secara terus-menerus melalui program Larry King meminta maaf, kalau dia tidak meminta maaf, semua filemnya akan diblok untuk ditayangkan di Amerika dan di seluruh dunia.

Yang saya hendak tekankan di sini iaitu Yahudi yang bertapak di Hollywood itu menggunakan pengaruhnya untuk melancarkan propaganda anti Barat dan anti Timur dan di situlah juga kita hendak membawa kepakaran itu dimasukkan ke dalam MSC.

Oleh itu, perkara-perkara seperti itu perlu kita jaga dari sekarang supaya ianya tidak menjadikan kawasan MSC itu kawasan autonomi yang akan menjadi pusat gerakan Yahudi antarabangsa untuk melancarkan propaganda mereka.

Tuan Yang di-Pertua, banyak juga kita melihat dalam syarikat-syarikat komputer yang terkenal seperti Charles Weng, kita lihat pusat-pusat R&D mereka diadakan di Israel, mereka menjalankan perniagaan di mana-mana tempat tetapi pusat kajian atau pusat R&D mereka adalah di Israel. Kita bimbang juga syarikat-syarikat seperti itu kalau tidak ditapis datang ke sini, mereka akan menjadikan operasi mereka di Malaysia tetapi R&D mereka di

Israel. Oleh itu, tekanan akan diberi kepada Kerajaan Malaysia untuk memudahkan mereka travel iaitu mereka yang terlibat dalam R&D ini maka mereka memberi tekanan kepada Kerajaan Malaysia supaya mengadakan hubungan diplomatik dengan Israel.

Ini juga mesti diambil precaution daripada sekarang, tekanan-tekanan syarikat yang R&Dnya berpusat di Tel Aviv atau Haipha, Israel supaya syarikat itu kalau boleh tidak didatangkan di Malaysia memandangkan begitu banyak syarikat yang memohon untuk membuka operasinya di Kuala Lumpur.

Kita juga mahu kawasan ini menjadi kawasan teknologi tinggi dan juga transfer teknologi berlaku kepada kita. Kita tidak mahu ia menjadi tempat transit teknologi, bukan menjadi tempat transfer teknologi. Ini sudah tentu kita kena ambil perkara ini secara bersungguh-sungguh untuk memindahkan segala teknologi moden itu kepada rakyat kita di Malaysia ini.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Dalam perbincangan Perdana Menteri semasa melawat Amerika Syarikat, di antaranya, tauke-tauke syarikat-syarikat besar komputer ini, mereka mahu supaya diadakan penuh kebebasan di kawasan ini tanpa censorship, tanpa ada sekatan, tanpa ada censor. Oleh itu kita hendaklah berhati-hati sebab budaya kita dengan budaya di sebelah Barat adalah terlalu berlainan.

Tuan Yang di-Pertua, begitulah juga pertemuan dengan Perdana Menteri termasuklah syarikat yang terkenal, Bill Gate yang kita tahu menjadi raja komputer di dunia ini dan sepatutnya selepas Dr. Mahathir melawat Amerika Syarikat, Bill Gate sepatutnya melawat Malaysia, tetapi Bill Gate tidak melawat Malaysia, dia melawat India dan ada rancangannya untuk membuka seolah-olah seperti MSC ini di India. Kita tidaklah boleh menghalang orang lain untuk membuka benda yang serupa di tempat kita. Ini adalah business, perniagaan, ia adalah satu competition tetapi barangkali pada pandangan Bill Gate, dia melihat dari sudut kepakaran. India, Pakistan sebuah negeri yang agak miskin tetapi mereka begitu banyak pakar-pakar. Di Amerika Syarikat lebih 7,500 orang-orang Pakistan yang menjadi doktor bertaraf pakar perubatan, begitulah juga orang-orang India yang berada di Amerika Syarikat, mereka ini bertaraf pakar begitu banyak sama ada dalam bidang komputer, dalam bidang perubatan atau lain-lain bidang. Begitulah juga pakar-pakar yang berada di

Nasar, di antaranya ialah rakyat Iran, rakyat Pakistan dan juga rakyat India dan mereka berasal daripada situ, pakar-pakar ini ada di Amerika Syarikat di mana-mana tempat.

Oleh itu barangkali di sudut kepakaran dalam jangka panjang Bill Gate ataupun rakan-rakan yang sewaktu dengannya melihat bahawa di India dan Pakistan lebih mudah mereka beroperasi kerana untuk mendapatkan tenaga-tenaga pakar yang sedia ada di Eropah untuk pulang berkhidmat di negeri mereka sedangkan di Malaysia berapa tenaga pakar yang ada luar daripada Malaysia, kalau di kalangan bumiputera barangkali ada seorang dua ataupun tidak sampai pun 10 orang yang disifatkan sebagai pakar yang berada di luar negeri. Sebaliknya India dan Pakistan mempunyai pakar yang banyak dalam bidang angkasa lepas dan bidang komputer, dalam bidang kedokteran yang dianggapkan sebagai pakar dalam dunia ini. Oleh itu kita lihat rancangan Bill Gate ini kita hendaklah berhati-hati memandangkan beliau yang menjadi raja komputer ini boleh memindahkan satu pusat perniagaan yang kita rancang di sini boleh dipindahkan ke tempat lain.

Tuan Yang di-Pertua, begitulah juga kita lihat perkembangan-perkembangan ekonomi mutakhir ini maka kita dapati dalam masa jangka yang panjang negeri-negeri sebelah Asia inilah yang akan menjadi juara dalam bidang ekonomi sebab tamadun itu ianya berpusing. Kalau kita lihat pusingan itu akan tiba di abad ke-21 nanti bagi giliran orang di sebelah Asia ini untuk maju. Kalau kita lihat di abad yang ke-11 hingga abad ke-16, kemajuan dunia pada waktu itu kebanyakannya dipelopori oleh orang-orang Islam atau negara-negara Islam. Abad ke-16 sehingga abad ke-20 ia dipelopori oleh orang-orang Eropah Barat, revolusi Perancis dan sebagainya, merekalah yang mendapat kemajuan dan waktu itulah mereka menguasai negeri-negeri Timur. Abad ke-20 kita lihat yang menguasainya ialah Amerika Syarikat dan juga Kanada yang menguasai teknologi dan kemajuan sekarang ini dan abad yang akan datang ia akan kembali kepada Asia Rim ataupun di kawasan Asia Pasifik sebab itu kita lihat berlakunya perpindahan teknologi sebelah sini kerana ia berlaku beberapa faktor. Faktor yang utama sekali ialah di Barat sudah sampai ke peringkat tepu iaitu rakyat mereka sudah mula malas bekerja, sudah mula tidak berinovasi dan sebagainya tetapi ia telah bertukar di sebelah Asia sekarang ini.

Oleh itu dijangka pada tahun 2020, negeri sebelah Timur inilah yang akan muncul untuk maju pada masa yang akan datang, dan 10 negara tertinggi

yang dijangka akan mengeluarkan production yang paling tinggi 10 negara pada masa akan datang. Sekarang ini 10 buah negara - 3 daripada Asia. 7 ialah daripada negara Barat. Tetapi tahun 2020 daripada 10 negara maju yang mengeluarkan berbagai-bagai produk dijangka Asia akan menguasai 7 buah, iaitu pada tahun 2020 dijangka China akan menjadi negara industri dan pengeluar utama dunia, Amerika jatuh ke tempat kedua, Jepun tempat ketiga, India akan jatuh tempat keempat, Indonesia akan menjadi tempat kelima, Jerman tempat keenam, South Korea tempat ketujuh, Thailand tempat kelapan, Perancis tempat kesembilan dan Taiwan tempat kesepuluh. Masih lagi Malaysia dijangka tidak ada nombor yang sepuluh ini, barangkali dalam nombor 11 atau 12.

Kita lihat dahulunya masalah penduduk yang ramai dianggap beban kepada negara tetapi mutakhir ini dengan teknologi baru dan sebagainya penduduk yang ramai menjadi aset kepada negara dan kita sekarang menghadapi masalah, masalah utama kita sekarang ini ialah tidak cukup penduduk untuk bekerja sehingga kita terpaksa membawa lebih daripada 3 juta orang asing ke negeri kita sekarang. Begitu juga Indonesia yang berlebihan penduduk buat masa sekarang tetapi menjelang tahun 2020 Indonesia akan cukup gunapakai bagi negeri mereka. Ini teknologi-teknologi moden yang kita lihat sekarang ini yang kita lihat penduduk bukan lagi menjadi masalah tetapi penduduk menjadi aset kepada sesebuah kerajaan. Barangkali inilah yang kita lihat Perdana Menteri kita mahu penduduk 70 juta pada tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan untuk menjayakan MSC sudah tentulah ianya terlalu besar Multimedia Super Corridor. Datuk Seri Sanusi Junid mengatakan 'Multi Super Channel' iaitu ia akan menjadikan negeri Kedah barangkali seperti Venice Timur ataupun seperti Sungai Nil di Kaherah. Waktu malam orang belayar di terusan-terusan itu untuk menghirupkan udara bersih, 'Multi Super Channel' ini akan dibuat oleh Menteri Besar Kedah.

Bagi kita di sini kita lihat peruntukan sudah tentulah begitu besar bagi Multimedia Super Corridor. Sekarang ini fikiran orang tiap-tiap hari bercakap hal ini, di kedai kopi di kampung walaupun dia berkaki ayam dia naik basikal, dia bercakap pasal Multimedia Super Corridor. Dia tahu tidak tahu dia bercakap pasal itu kerana TV, radio dan surat khabar di fokuskan ke arah itu. Semua orang bercakap, nelayan yang pergi menjala ikan, dapat ikan sekati dua pun bercakap sekarang Multimedia Super

Corridor. Ini ertinya pengaruh media, pengaruh kerajaan yang memerintah sama sekali, memanglah begitu kuat, dia boleh mencorakkan pemikiran rakyat ke arah mana. Ini yang kita hendak tekankan di sini iaitu kita bercakap hal Multimedia Super Corridor apa manfaatnya kepada rakyat jelata selain daripada kawasan ini. Ini yang perlu kita kena tanya manfaat-manfaat jangka pendek dan jangka panjang supaya kita dapat mengetahui lebih daripada Menteri.

Begitulah juga yang diutarakan di sini iaitu Smart School dan kita tak tahulah tak tengok lagi. Yang kita jadi masalah sekarang masih lagi ada sekolah yang tidak ada elektrik, masih lagi ada pelajar-pelajar sekolah di kawasan Padang Terap yang didedahkan oleh akhbar Utusan, pergi sekolah tak pakai kasut. Begitulah juga sekolah yang tidak ada berbumbung, sekolah tidak ada dinding. Di Sarawak dan Sabah seperti yang diucap oleh Yang Berhormat Akbarkhan bagaimana kawasannya itu pelajar-pelajar sekolah masih lagi bersekolah kadangkalanya berbumbungkan langit berlantaikan bumi.

Semua ini menjadi pertanyaan kepada kita sebab kita Multimedia Super Corridor kita lupa pelajar sekolah yang pergi ke sekolah masih tak makan pagi kerana mereka ini masih lagi berada dalam kemiskinan. Yang membimbangkan kita ialah paradigm shift, kita ajak orang berfikir ke arah Multimedia Super Corridor kita lupa kemiskinan mereka, kita lupa keadaan mereka, ini yang perlu kita sebut. Yang selalu sebut keadaan kampung dia begitulah juga keadaan orang kita yang mampu memiliki komputer. Semuanya ini hendaklah menjadi tumpuan utama kerajaan untuk menyediakan peralatan seperti ini terlebih dahulu sebelum kita bercakap soal Multimedia Super Corridor.

Kita tidak mahulah seperti setengah-setengah penduduk Langkawi dia tahu kemajuan Langkawi bila dia tengok televisyen, dia baca akhbar sedangkan dia sendiri tidak mampu untuk naik kapal terbang sebab kerjanya hanyalah menjual manisan lebah, dia dapat lihat sahaja kemajuan Langkawi tetapi dia menjadi penonton, dia menjadi penonton kepada kemajuan yang ada di Langkawi itu dan juga kita tidak mahu rungutan seperti Sultan Selangor sebut iaitu kalau lantik Menteri Besar macam dulu akhirnya beliau sendiripun kena duduk di Pulau Ketam kerana tanah-tanah dijual ataupun digadai oleh Menteri Besar dan Exco-Exco yang sewaktu dengannya.

Semuanya ini hendaklah diambil perhatian tentang infrastruktur yang kita lihat keadaan di sini

begitu maju tetapi di luar-luar bandar begitu teruk sekali termasuklah di negeri Kelantan dan di mana-mana tempat Kelantan keseluruhannya, masih berada di kawasan luar bandar Sabah, Sarawak, Kedah dan sebagainya. Sedangkan kita julang Multimedia Super Corridor ini seolah-olah tidak ada lain dah rakyat hendak fikir ini melainkan fikir Multimedia Super Corridor, tukang panjat kelapa pun bercakap soal Multimedia Super Corridor.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak menentang sebarang teknologi baru tetapi yang membawa keburukan kepada kita mesti kita tapis, mesti kita fikir habis-habisan. Timbalan Perdana Menteri dalam perasmian seminar yang dianjurkan antara parti-parti di Parlimen ini di antaranya beliau menyatakan kita perlu ada self-censorship iaitu kita sensor sendiri. Saya rasa ucapan ini ucapan yang berbentuk hipokrit. Mana boleh ada censorship sendiri sebab manusia ini ada yang patuh dengan self-discipline, ada yang tunduk kepada undang-undang. Sebab itu dalam Islam kita tahu Nabi Muhammad s.a.w. berdakwah di Mekah 13 tahun yang ikut dia hanya sedikit tetapi bila ada kuasa di Mekah, dengan kuasa, dengan undang-undang, dengan dakwah dan sebagainya maka barulah semua dapat ikut. Nabi Muhammad pendakwah yang paling baik sekali, dia menyeru supaya jangan sembah berhala, jangan buat ratu cantik, jangan buat itu, jangan buat ini, siapa dengar tetapi hanya didengari bila ada kuasa dan diimposekan undang-undang kepada masyarakat dan diterangkan kebaikan undang-undang itu.

Jadi self-censorship ini kita hairan kenapa ia boleh keluar daripada seorang yang berwatak tinggilah - Timbalan Perdana Menteri, sebab kita tahu bukan semua orang boleh buat hal censorship sendiri ini. Kita lihat misalnya hal dadah, kempen dalam televisyen, sekolah, surat khabar, dadah merbahaya, dadah jijik tetapi Menteri Pertahanan baru ini berucap di Negeri Sembilan beliau mengatakan bahawa penagih dadah di Malaysia sama banyak dengan penduduk Negeri Sembilan. Itu dengan adanya undang-undang, dengan adanya undang-undang yang begitu keras Seksyen 39B "siapa yang terlibat membawa dadah boleh hukum digantung sampai mati", tetapi kita lihat walaupun ada undang-undang yang sedemikian rupa siviknya dan keadaannya tidak digabungkan semuanya sekali, kita lihat masalah dadah makin berkembang. Katalah dadah ini kita bebaskan terus biar orang boleh beli, biar orang boleh hisap hendak mati, matilah kita hanya terangkan buruk dan baiknya tak perlu ada

undang-undang 'self-censorship' terhadap dadah, sudah tentu kita tidak mahu perkara ini. Oleh itu kenapa dalam bahan-bahan lucah sahaja kita nak adakan self-censorship tetapi dalam perkara-perkara yang lain kita letakkan undang-undang begitu keras.

Begitu juga Yang Berhormat dari Kota Melaka kalau sikap censorship, dia sebarlah apa nak sebarpun, biar orang baca sama ada dia fitnah atau tidak, kena dakwa dia di mahkamah sehingga sekarang dia terpelanting dari Parlimen. Kenapa dalam hal ini tidak self-censorship tapi yang ada self-censorship hanyalah untuk perkara-perkara lucah. Ini satu perkara yang apologetic yang diutarakan, bukan satu perkara yang kita lihat benar-benar datang daripada hati.

Tuan Yang di-Pertua, begitulah juga kita lihat baru-baru ini melalui Internet, Internet dilancarkan program cepat kaya. Pihak kerajaan boleh batalkan Internet itu kerana ia telah menipu begitu banyak orang yang terlibat dalam skim cepat kaya, kenapa kerajaan tidak berkuasa untuk membatalkan Internet yang melanggan di web-web lucah pada masa yang akan datang. Oleh itu self-censorship ini adalah satu perkara yang kita boleh sebut tetapi sebenarnya di atas muka bumi ini tetap ada 'do and don't' bila-bila masa kerana Allah menjadikan manusia dengan sifatnya Al-Rahman Al-Rahim ada juga sifatNya itu, ini perkara boleh buat, ini perkara tidak boleh buat.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga dalam penyediaan kemahiran dalam komputer kita lihat Asia Pacific Institute of Information Technology yang di privatisasikan, yang diswastakan, di Kuala Lumpur yang dahulunya di bawah Kementerian Teknologi dan Alam Sekitar bila dia jadi swasta kita lihat walaupun bumiputera dapat tempat itu untuk mengendalikan sekolah itu tetapi yurannya RM10,000 setahun. Cuba kita lihat di sekolah tersebut berapa kerat bumiputera yang mampu masuk ke sekolah seperti itu dengan yuran RM10,000 setahun untuk menyediakan pengetahuan komputer kepada pelajar-pelajar.

Jadi ini kita nampak bahawa dalam kita hendak mengejar pengetahuan komputer ini kita lihat tempat-tempat sekolah, tempat-tempat seperti itu terlalu mahal untuk kita pelajari. Hari ini dalam akhbar *Utusan*, Singapura menyediakan S\$2 bilion menjelang tahun 2000 untuk komputer di sekolah-sekolah. Sekarang sekolah-sekolah kita terpaksa meminta derma pergi ke pejabat-pejabat, pergi ke pejabat Sime Darby, Sime Darby pun berilah komputer second-hand kepada sekolah yang boleh beroperasi 5/6 bulan kemudian lingkup.

Pihak kerajaan tidak menyediakan sistem mempelajari komputer itu di sekolah-sekolah secara menyeluruh. Singapura menyediakan S\$2 bilion menjelang tahun 2000 untuk mengajar anak-anak sekolah mereka tentang komputer. Kita yang di umur sekarang ini barangkali kita belajar komputer secara sendiri, secara kita belajar sendiri atau belajar kepada orang yang lebih muda daripada kita. Tetapi generasi anak-anak kita mestilah mereka ini dilengkapi komputer di sekolah-sekolah sebelum kita ini melaung-laungkan masalah MSC Multimedia Super Corridor yang mengangkat martabat Malaysia di seluruh dunia.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menjalankan segala bentuk undang-undang, sudah tentulah masalah yang paling pokok sekali ialah masalah rasuah. Rasuah mesti dibanteras hingga ke akar umbi. Dalam hendak menjalankan undang-undang yang terdapat di dalam rang undang-undang ini mesti rasuah itu ibu segala-galanya. Kalau kita boleh membanteras rasuah hingga ke akar umbi ataupun indeks rasuah negeri kita diisytiharkan sepuluh markah, paling kurang 9.5 tetapi SI International meletakkan indeks rasuah negeri kita antara yang tinggi dalam dunia ini. Paling malu kita mesti akui perkara ini. Rasuah yang tinggi berlaku di dunia ketiga, nombor satu yang diisytiharkan paling tinggi rasuah ialah Nigeria, nombor dua jatuh kepada Pakistan dan kita jatuh nombor 23. Perkara ini mesti dibanteras sebab sekarang ini kita lihat rasuah berlaku daripada bawah hingga ke atas.

Selalu kita lihat polis buat penangkapan. Penangkapan terhadap artis, penyanyi, pemain muzik untuk test air kencing. Tetapi, diberitahu kepada kita sekarang air kencing boleh dibeli antara RM300 hingga RM500 iaitu kencing lain ditest air kencing yang lain menyebabkan selalu bila test adalah negatif, bukan positif. Boleh bayar kepada orang-orang tertentu RM300 hingga RM500. Kalau artis barangkali RM1000, maka dikencing yang lain, air kencing yang ditest yang lain. Ini rasuah di peringkat bawah sampailah yang kita lihat yang atas-atas, yang berlaku begitu berleluasa sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah rasuah ini pula kita lihat, di Malaysia bila seseorang itu berhenti atau letak jawatan, ia adalah satu hukuman. Sebenarnya di luar negara kita lihat kadangkala pihak BPR atau pihak polis menyiasat dan mereka susah untuk menyiasat ketika orang itu memegang jawatan, mereka tunggu orang itu pencen atau berhenti. Mereka bertindak seperti bekas Perdana Menteri India Simha Rao, bekas Ketua Menteri

Tamil Nadu Jayalalita, begitulah juga bekas dua Presiden Korea Rao Tae Wu dan Jo Do Kuan iaitu dengan mereka berhenti daripada jawatan mereka memudahkan BPR dan polis menyiasat. Di Malaysia, setelah kaut kekayaan begitu banyak, berhenti. Bila berhenti, keluar pula dalam surat khabar "Tiru macam saya". Ini dia copyright lagi Saloma pada tahun 50-an - Tiru Macam Saya. Bekas Menteri Besar Selangor pun dia sebut tiru macam saya, ambil duit banyak-banyak kemudian berhenti.

Sepatutnya bila orang itu sudah berhenti pegawai kerajaan, BPR, polis lebih mudah untuk menyiasat kerana dia telah menjadi orang biasa. Bukan berhenti itu menjadi hukuman kepada seseorang. Kalau ini menjadi trend di Malaysia, masa kita pegang jawatan - menteri ataupun timbalan menteri ataupun pemimpin-pemimpin politik - kita kaut sebanyak mana wang, kemudian kita berhenti. Kalau kita berhenti itu menjadi satu hukuman, maka pihak polis dan BPR tidak siasat lagi selepas orang itu tidak ada jawatan.

Tuan Yang di-Pertua, begitulah juga kita lihat dengan undang-undang yang keras di kawasan MSC dan undang-undang yang lembut iaitu kebebasan di mana daripada komputer kita boleh dapat pelbagai maklumat. Maka, undang-undang Akta Cetak yang selama ini begitu keras akan mula diragukan sebab MSC di kawasan ini atau melalui komputer kita boleh mengeluarkan pelbagai rahsia, sudah tentulah Akta Cetak ataupun Akta OSA (Akta Rahsia Rasmi) boleh dikaji semula oleh kerajaan sama ada ianya relevan atau tidak ataupun akta ini sesuai dengan kawasan MSC ataupun dengan Akta Penyalahgunaan Komputer ini dengan Akta OSA dengan Akta Mesin Cetak yang sedia ada sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, komputer ini seperti yang didedahkan oleh Parit Sulong - begitu mudah orang mencuri daripada mencuri wang di bank daripada sistem yang ada sekarang ini. Kita juga mendengar bagaimana Sistem Pertahanan Amerika yang berpusat di Pentagon diceroboh oleh komputer dengan mengetahui pelbagai perkara sistem pertahanan Amerika dan kita lihat pula bagaimana dalam filem James Bond "Golden Eye" kita tengok bagaimana ianya berlaku iaitu seorang pekerja biasa, bila defect ke negara musuh, ia boleh bermain komputer sehingga boleh meletupkan satelit ataupun kapal angkasa dan juga memusnahkan tempat melancarkan peluru berpandu itu hanya dengan memetik beberapa butang yang kita lihat dia ada tahu kod rahsia sesuatu komputer itu.

Jadi, perkara ini terutama dalam Kementerian Pertahanan, Polis DiRaja Malaysia mestilah ada satu sistem yang berlainan daripada tempat-tempat perniagaan ataupun syarikat-syarikat yang menjalankan perniagaan. Pihak polis dan tentera hendaklah berhati-hati tentang perkara ini sebab kalaulah Sistem Pentagon Amerika Syarikat itu berjaya dicerobohi, lihat pula apa akan berlaku kepada negara kita.

Internet Hisbullah iaitu pasukan gerila di Lubnan yang menentang Israel, kata mereka, "sekarang ini kami dapat menyerang dan juga menghadapi tentera Israel yang hebat itu kerana kami boleh dapat maklumat daripada Internet Israel itu sendiri ataupun sistem maklumat yang dibekalkan oleh Israel itu ataupun kami dapat menceroboh komputer Kementerian Pertahanan mereka, maka kami tahu operasi-operasi tentera Israel". Kalau Gerila Hisbullah yang kecil itu dapat menembusi teknologi canggih Israel itu, bayangkan kita di Malaysia nanti sistem pertahanan di Kementerian Pertahanan ataupun sistem pertahanan di Polis DiRaja Malaysia dapat ditembusi oleh musuh-musuh negara pada masa yang akan datang. Musuh daripada negara ataupun kumpulan-kumpulan yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itu perkara ini hendaklah betul-betul serius. Mereka yang memberi teknologi kepada kita khususnya Amerika Syarikat dan syarikat-syarikat Yahudi yang mempelopori komputer ini sudah tentu bila mereka beri, sudah tentu mereka akan dapat maklumat-maklumat balas daripada kita. Oleh itu berhati-hati di Kementerian Pertahanan dan Kementerian Dalam Negeri adalah amat diperlukan dalam sistem komputer yang ada sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kita lihat sekarang ini satelit yang digunakan boleh digunakan untuk mengintip dan di'transfer'kan kepada komputer-komputer, kita bimbang kalau Dunia Ketiga iaitu dunia di sebelah Asia, suatu hari mencapai teknologi dan boleh juga menghantar roket-roket ke angkasa lepas. Apa yang dibayangkan di tahun 60-an iaitu akan berlaku Star Wars, perang di bintang-bintang di angkasa lepas, mungkin ia boleh berlaku pada abad yang akan datang terutama sekali bila banyaknya satelit-satelit pengintip yang digunakan terhadap sesuatu negara, sebab itulah kita lihat negeri-negeri tertentu amat bimbang jikalau teknologi angkasa lepas ini terlepas kepada negara seperti Libya, Iran atau lain-lain negara seperti itu dianggap oleh Barat sebagai negeri yang mereka tidak boleh control. Oleh itu mereka bimbang kalau teknologi canggih ini sampai kepada mereka, mereka bimbang satu hari apa yang digambarkan oleh Hollywood - iaitu akan berlaku Star War - mungkin menjadi kenyataan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu segala teknologi moden ini, ianya baik kalau diuruskan dengan baik tetapi kalau kita lalai, kita akan menghadapi masalah yang besar. Negara kita sekarang menghadapi masalah keruntuhan akhlak, masalah kemurtadan yang menimpa orang Islam sekarang, masalah murtad dan juga masalah gejala sosial yang begitu dahsyat. Oleh itu kita tanyailah kemajuan ini untuk faedah manusia dan kita butlah apa yang patut untuk menjaga generasi kita pada masa yang akan datang. Sebarang teknologi baru melalui komputer ini, PAS menyokong. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Bukit Bendera.

5.38 ptg.

Tuan Chia Kwang Chye [Bukit Bendera]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas dalam Rang Undang-undang Jenayah Komputer ini.

Tuan Yang di-Pertua, perbahasan Rang Undang-undang Jenayah Komputer merupakan permulaan perjalanan kita ke arah satu dunia digital atau ekonomi digital di mana kehidupan kita akan berubah dengan 'quantum leap' era komputer yang akan membawa makna hidup dan cara hidup yang tidak sama dengan zaman dahulu. Apa yang dimimpi oleh cerita-cerita fiction atau science fiction sudah dan sedang menjadi kenyataan.

Dengan komputer mikro yang lebih kecil daripada buku kuning telekom, ada yang lebih kecil daripada calculator yang lama tetapi yang begitu lebih cerdik daripada komputer pertama, yang lebih besar daripada bilik atau pejabat kita. Banyak perubahan dalam kadar geometric progression atau quantum leap telah pun berlaku. Apa pula jika komputer mikro ini dirangkai dalam satu network atau jaringan yang boleh berfungsi sebagai Internet di suasana pejabat atau sebagai Internet jika disambung dengan rangkaian telefon atau fiber optic dengan wabsite tempatan dan antarabangsa. Rangkaian Internet ini telah menjadikan dunia kita betul-betul tanpa sempadan. Walaupun komputer khususnya Internet telah mewujudkan satu dunia tanpa sempadan, banyak undang-undang, sistem perundangan, nilai-nilai sosial dan kebudayaan yang masih mempunyai landasan dan sempadan.

Kadang-kadang apa yang diharamkan di Malaysia mungkin dibenarkan di Amerika Syarikat di mana nilai-nilai dan pandangan-pandangan mereka agaknya berbeza. Jadi, masalah yang kita hadapi ialah bagaimana undang-undang seperti yang dicadangkan di bawah Rang Undang-undang Jenayah Komputer 1997 boleh dilaksanakan di

negara yang tidak mempunyai perhubungan diplomatik, atau extradition treaty dengan Malaysia. Mungkin satu persidangan sedunia mengenai penyalahgunaan komputer khususnya Internet patutlah dimulakan. Mungkin negara Malaysia boleh mencadangkan di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu melalui Presiden PBB supaya satu persidangan sedunia dianjurkan untuk menyelesaikan masalah yang timbul daripada Internet atau komputer yang tidak mempunyai sempadan. Mulai satu persidangan Sedunia ini barulah apa jua konvensyen atau perjanjian boleh dipersetujui sebelum masalah yang lebih serius timbul.

Badan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ini pun boleh menubuhkan satu Suruhanjaya Maklumat Teknologi - United Nation (United Nation Information Technology Commission) untuk menyelesaikan masalah yang timbul daripada penyalahgunaan komputer dalam Internet ini. Satu fungsi yang mustahak untuk badan dunia ini adalah untuk mendapat satu kesedaran tentang isi kandungan di beberapa website atau homepage dalam Internet dan badan ini juga boleh mendapat kerjasama daripada kerajaan untuk menghentikan isi kandungan yang sensitif atau lucah daripada dicetak di dalam Internet. Memang ini adalah satu tugas yang amat sukar tetapi permulaannya adalah mustahak untuk jangka panjang. Walaupun Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu tidak mempunyai rekod yang baik dalam penyelesaian masalah politik di antara negara dan di antara kaum dan puak agama, saya yakin bahawa PBB boleh memainkan peranan sewajarnya dengan tarafnya dalam hal ini khususnya dalam penyalahgunaan komputer dalam dunia tanpa sempadan.

Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya Maklumat Teknologi PBB ini boleh juga menjadi satu pusat penyelarasan untuk standard atau kualiti pembangunan elektronik dengan kerjasama badan-badan komputer yang bukan kerajaan atau yang berkaitan dengan kerajaan seperti IEEE atau konsortium-konsortium swasta dan badan teknologi maklumat PBB ini pun boleh memupuk kesedaran komputer dan teknologi maklumat di kalangan pemuda-pemudi khususnya di negara yang sedang membangun dan juga boleh menggalakkan penggunaan komputer dalam urusan kerajaan dan perniagaan serta pendidikan di negara-negara membangun.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Jenayah Komputer ini adalah permulaan untuk Rang Undang-undang Siber lain yang akan dibahaskan

tidak lama lagi. Pada pendapat saya rang undang-undang ini dan perbahasannya adalah satu peluang untuk kita mengawal isi kandungan yang sensitif dan lucah di dalam Internet. Setakat ini saya hendak bertanya kepada pihak kerajaan, di manakah hal ini terletak di dalam rang undang-undang ini? Walaupun bahan-bahan lucah dan pornografi atau isi kandungan yang sensitif mungkin menjejaskan keselamatan negara telah pun dikawal di bawah akta-akta yang lain, saya berpendapat bahawa bahan-bahan digital atau elektronik yang sensitif itu patutlah di bawah Akta Jenayah Komputer ini jika rang undang-undang dinamakan sedemikian dan bukan sebagai satu rang undang-undang penyalahgunaan komputer. Dengan perkembangan teknologi komputer yang begitu maju dan murah tetapi yang lebih canggih itu gambar-gambar digital pun boleh diubah.

Jadi, jika seorang yang menggunakan komputer untuk mengubahkan gambar seorang pemimpin negara dari Internet atau mana-mana sumber pula, digantikan dengan muka orang lain dan kemudian dicetak di dalam majalah. Saya ingin bertanya sama ada ini akan menganggap sebagai satu jenayah di bawah akta komputer ini?

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 3, 4, 5, 6 dan 7 tidak membezakan di antara seorang yang melakukan penyalahgunaan komputer pada kali yang pertama dengan penjenayah yang melakukan jenayah berkali-kali. Jika tidak fasal-fasal yang diberi 'benefit of doubt' kepada first time offenders terpulanglah kepada keputusan mahkamah.

Saya berharap dalam pelaksanaan Akta Jenayah Komputer ini 'benefit of doubt' perlu diberi kepada first time offenders jika kesalahan yang dilakukan ini adalah kecil. Satu perkara yang mustahak dalam aktiviti 'hacking' ialah 'intend'. Memang ada segolongan pengguna komputer yang muda, yang tidak mempunyai criminal intention dan mungkin menjadi kes di mana seorang pengguna komputer dengan modem melalui Internet atau secara langsung boleh cuba berhubung dengan pusat komputer dalam kategori keselamatan negara dengan tidak sengaja. Kemungkinan kesilapan ini boleh berlaku kerana cross line dalam perkhidmatan telefon sering berlaku di Malaysia dan peristiwa ini boleh menganiayai seorang yang tidak berdosa dikenakan hukuman yang berat kalau mengikut fasal-fasal yang tersebut. Jadi, saya ingin merayu kepada pihak berkuasa khususnya polis supaya memastikan ciri 'intend' dan keseriusan kesalahan itu sebelum seseorang first timer didakwa di mahkamah.

Apa pula taraf seorang budak yang berumur di bawah 18 tahun yang dianggap sebagai juvana jika dia melakukan kesalahan di bawah Akta Jenayah Komputer ini. Adakah seorang juvana ini dikecualikan daripada Akta Jenayah Komputer ini? Oleh kerana bidang komputer adalah bidang yang baru, yang diminati oleh ramai pemuda-pemudi di bawah umur 18 tahun, saya ingin bertanya sama ada seorang juvana akan dihukum dan didenda atau dipenjarakan di bawah Akta Jenayah Komputer ini? Kalau tidak bagaimana kerajaan ingin mengurangkan penyalahgunaan komputer di kalangan juvana ini.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, masih ada banyak definisi di bawah Rang Undang-undang Jenayah Komputer yang tidak jelas dan terlalu luas. Definisi data-data dan program yang sedia ada di rang undang-undang, walaupun betul akan membawa banyak masalah jika seksyen 8 digunakan. Ada banyak data dan program yang tidak sensitif tanpa sebarang kegunaan boleh didapati melalui Internet sama ada sah atau tidak. Mungkin satu langkah untuk mengatasi masalah ini adalah mengadakan satu senarai yang boleh mengecualikan beberapa program atau data daripada seksyen 8 supaya kekeliruan yang timbul boleh dijelaskan dan selepas lulusnya Rang Undang-undang Jenayah Komputer ini serta lain rang undang-undang mengenai teknologi maklumat ini saya berharap lebih banyak maklum balas dan alasan dapat dikumpul supaya satu kelompok undang-undang siber dapat diwujudkan, sehingga satu multimedia computers act yang lebih sempurna dapat diluluskan. Dengan ini saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Mentakab.

5.53 ptg.

Tuan Fu Ah Kiow [Mentakab]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih atas peluang yang diberi untuk turut mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang Jenayah Komputer 1997.

Tuan Yang di-Pertua, jenayah komputer walaupun tidak merupakan satu kesalahan yang baru di bidang teknologi maklumat, tetapi apa yang mengkhawatirkan masyarakat dunia pada beberapa tahun ke belakangan ini ialah kadar pertumbuhan jenayah yang tersebut. Misalannya di Amerika kadar jenayah komputer telah meningkat sebanyak 400% daripada tahun 1992 hingga 1993 dan setiap hari lebih kurang 4 kes serius mengenai pencerobohan sekuriti komputer telah dilaporkan. Nilai kerugian yang terbabit menjangkau US\$5 bilion setahun.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu sebab utama yang mengakibatkan fenomena tersebut ialah peningkatan bilangan pengguna Internet yang begitu pesat di seluruh dunia khususnya apabila Internet menjadi satu jaringan untuk bidang perniagaan dan rekreasi. Beribu-ribu orang telah berlumba menjadi pengguna Internet dan dalam prosesnya sepertimana kita sedia maklum semua orang boleh dengan mudahnya mendaftar menjadi pengguna Internet tanpa apa-apa syarat atau sekatan. Ini termasuk mereka yang bertanggungjawab dan juga mereka yang bakal menjadi penjenayah komputer.

Tuan Yang di-Pertua, jaringan seperti Internet dan lain-lain jaringan komersial yang membolehkan kita menghubungi berjuta-juta komputer dan pengguna di semua pelosok dunia telah menjadikan komuniti global satu kenyataan di cyberspace. Ia telah banyak membawa manfaat kepada penggunanya, tetapi malangnya pada masa yang sama pengguna dan sistem komputernya juga telah terdedah kepada berbagai risiko penyalahgunaan dan jenayah komputer.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia telah menyediakan satu agenda untuk mempertingkatkan penggunaan dan pembangunan teknologi maklumat di semua bidang sama ada di sektor swasta mahupun di pejabat kerajaan. Salah satu projek terbesar ialah projek MSC. Untuk menjayakan projek MSC kita memerlukan pelaburan dan penyertaan daripada syarikat-syarikat telekomunikasi komputer dan teknologi maklumat yang bertaraf antarabangsa untuk sama-sama menerokai bidang terbaru dan berteknologi tinggi ini. Maka untuk menarik pelaburan-pelaburan daripada syarikat-syarikat tersebut adalah menjadi tanggungjawab kerajaan untuk mewujudkan satu iklim yang meyakinkan pelabur-pelabur bahawa kerajaan memang serius dalam penguatkuasaan undang-undang siber bahawa kerajaan akan menjaga dan melindungi kepentingan pelaburan mereka khususnya berkaitan dengan perkara-perkara seperti hak intelektual, hakcipta dan jenayah komputer.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan syabas kepada Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos atas usaha mereka membentangkan beberapa rang undang-undang siber termasuk Rang Undang-undang Jenayah Komputer 1997 yang bertujuan mengadakan peruntukan bagi kesalahan berhubungan dengan penyalahgunaan komputer.

Tuan Yang di-Pertua, penggubalan undang-undang siber adalah satu tugas yang sukar kalau berbanding dengan lain-lain undang-undang untuk lain bidang atas beberapa sebab:

Yang pertama, jenayah komputer adalah satu perkara yang baru khususnya di negara kita, maka pengalaman dan kes rujukan adalah sangat terhad, tambahan pula semua pihak termasuk Dewan yang mulia ini, kementerian, jabatan Attorney-General, mahkamah, lawyer, pihak penguatkuasaan dan masyarakat umum masih dalam proses meneliti kesan dan implikasi dunia siber, maka saya percaya Rang Undang-undang Jenayah Komputer yang dibahas sekarang adalah merupakan satu langkah pertama dan kemungkinan besar ia perlu dipindasuaikan selepas kita memperoleh pengalaman dan proses penguatkuasaannya.

Yang kedua, dalam jaringan komputer yang boleh mewujudkan persekitaran virtual banyak jenayah atau kesalahan boleh dilakukan oleh mana-mana pihak daripada jarak jauh, daripada luar negeri melalui berbagai kaedah yang amat sophisticated, dengan izin, dan ia memang amat sukar dikesani. Tugas menangkap penjenayah dan kutipan bukti menjadi sangat rumit, apatah lagi jika penjenayah adalah daripada luar negeri di mana kita memerlukan kerjasama dan perjanjian ekstradisi antara kedua-dua negara.

Faktor yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, yang saya anggap teramat penting dan perlu diambil kira ialah supaya kita dalam proses penggubalan rang undang-undang, kita mesti memastikan ada satu keseimbangan antara tujuan mengawal berlakunya kesalahan jenayah komputer dan keperluan untuk memastikan kebebasan pandangan dan kebebasan penyebaran maklumat dan peluang pelajaran pengetahuan komputer tidak terbatas atau stiffer, dengan izin. Pendek kata kita perlu undang-undang yang berkesan untuk membanteras penjenayah komputer, tetapi undang-undang itu tidak harus overprovided atau over-regulated sehingga ia membataskan pelajaran pembangunan, penggunaan dan kebebasan yang diharapkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sentuh beberapa fasal yang terkandung dalam rang undang-undang ini. Di bawah Fasal 3(1)(b) berbunyi:

"3(1) Seseorang adalah melakukan suatu kesalahan jika -

(b) capaian yang dia berniat untuk didapati adalah tanpa kuasa;"

Keadaan yang meragukan saya ialah 'berniat' or 'intend'. Saya ingin penjelasan dari Yang Berhormat Menteri apakah sesuatu 'niat' atau percubaan yang tidak berjaya juga merupakan satu kesalahan di bawah rang undang-undang ini dan bagaimana kita ingin membuktikan sesuatu 'niat'

supaya ia boleh didakwa di bawah mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga dapati peruntukan di fasal ini tidak melindungi mereka yang tidak sengaja mendapat akses pada mana-mana program atau data. Ini boleh berlaku jika program atau data yang diakses tidak memberi sebarang amaran pada peringkat awal bahawa kebenaran atau kuasa adalah perlu diperolehi sebelum segala percubaan untuk mengaksesnya. Pada hemat saya jika sesuatu program atau data tidak memberi amaran pada peringkat awal maka kuasa atau kebenaran untuk mengaksesnya adalah tidak perlu dan ia tidak menjadi satu kesalahan jika diakses. Saya minta Yang Berhormat Menteri menjelaskan hari ini juga.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang ada kaitan dengan Fasal 3 ialah Fasal 2 dan Fasal 8. Fasal 8 memang ada implikasi yang meluas dan serius. Mengikut fahaman saya, kalau salah saya minta Yang Berhormat Menteri betulkan, iaitu jika seseorang mempunyai apa-apa atur cara, data atau maklumat yang didapatkan semula atau 'retrieve' dengan izin, dalam apa-apa bentuk termasuk seperti 'print out' atau disket adalah dianggap telah melakukan satu kesalahan memperoleh akses tanpa kuasa. Misalnya, mendapat semula maklumat daripada 'website' atau homepage telah melakukan satu kesalahan tanpa mengira tujuan, penggunaan dan bilangan salinan maklumat yang telah didapati semula. Pada pandangan saya jika fasal ini dikuatkuasakan sepertimana dimaksudkan ramai orang akan didakwa sebab kita memang sentiasa mendapatkan semula atau retrieve maklumat daripada Internet sebagai satu sumber pengetahuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat fasal ini perlu mengecualikan maklumat yang didapatkan semula untuk tujuan 'fair use', dengan izin. 'Fair use' yang dimaksudkan ialah untuk tujuan seperti pelajaran dan penyebaran terhad dan kegunaan peribadi. Untuk mengelakkan segala kontroversi terhadap takrifan 'fair use', saya berpendapat kita perlu menyatakan dengan spesifik apa yang disifatkan sebagai 'fair use'. Maka saya juga ingin meminta penjelasan terhadap peruntukan ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada kesalahan akses tanpa kuasa seperti hacking dan cracking yang bertujuan fraud, melakukan kecederaan, pengubahan atur cara dan kesalahan berkomunikasi, surat, nombor, kod, laluan, saya dapati lain-lain kesalahan yang kian menjadi kerap di masyarakat siber tidak disentuh langsung. Antaranya spend, iaitu mengenai dengan unsolicited E-Mail, dengan izin, dan cyber stocking atau ganggu-gugat dan lain-lain penyalahgunaan yang telah dihuraikan oleh Yang

Berhormat dari Parit Sulong. Saya harap rang undang-undang ini apabila dipinda pada masa depan, akan menambah peruntukan-peruntukan untuk menangani jenayah yang tersebut di atas.

Tuan Yang di-Pertua, teknologi komputer sama ada software atau hardware atau networking, dengan izin, berkembang dengan begitu pesat. Keselamatan sesuatu sistem tidak boleh bergantung kepada alat-alat seperti firewall gate-way atau perundangan sahaja. Mengikut satu laporan hampir 90% kes-kes jenayah komputer yang berlaku di negara maju seperti Amerika adalah berpunca daripada faktor dalaman. Maka saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat dari Tambun bahawa untuk membanteras jenayah komputer selain daripada mengguna teknologi semasa, sama penting ialah kesedaran pentadbir sistem dan kawalan yang sesuai oleh pihak pengurusan terhadap akses atau orang-orang yang dibenarkan mengguna sumber-sumber komputer.

Dengan kata-kata tersebut, saya pohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kepong akan memakan masa berapa lama?

Dr. Tan Seng Giaw: Saya akan pendekkan kerana Yang Berhormat dari Tanjong telah memanjanglebarakan.

Tuan Yang di-Pertua: Mintalah supaya kita boleh gulung pada hari ini, ya. Selepas itu, Sepang. Yang Berhormat dari Sepang, saya harap jangan makan masa yang panjang. Ya, sila Kepong.

6.03 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengambil masa yang pendek.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang ini dengan perasaan yang berat, kerana dunia IT berkembang dengan pesat dan dunia ini adalah penuh dengan cabaran. Saya berharap ketujuh-tujuh aplikasi yang akan dikenal pasti di MSC ini dapat dijayakan dengan sempurna. Tetapi kalau kita hendak menjayakan dengan sempurna, kita mestilah meminda dan mempertingkatkan undang-undang dari masa ke semasa, dan kaedah perlulah diadakan untuk kita berbuat demikian.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Tanjong telah pun dengan panjang lebar menghujah mengenai kelima-lima perkara yang dibangkitkan di dalam rang undang-undang ini. Saya akan

menghuraikan beberapa perkara sahaja dari segi dasarnya. Pada tahun 1948, Norbet Weiner mewujudkan perkataan 'cybernetics', satu cabang sains yang menangani mekanisme kontrol dan pengedaran penyiaran maklumat. Lebih 30 tahun kemudian, dunia siber telah timbul dengan corak yang sangat berbeza daripada apa yang dimulakan oleh Weiner.

Tuan Yang di-Pertua, jika Weiner mengetahui teknologi maklumat termasuk Internet dan lain-lain yang belum lagi muncul di dunia ini telah mengubah dengan pesat bumi manusia. Besar kemungkinan beliau akan tersenyum. Lebih 20 tahun yang lalu para pakar ketenteraan Amerika Syarikat telah mencipta Internet untuk menghadapi cabaran-cabaran perang nuklear. Mereka mengharapkan setelah kemusnahan yang dahsyat, komunikasi ketenteraan masih boleh dilakukan melalui Internet.

Tuan Yang di-Pertua, para penyelidik yang terkemuka telah menggunakan Internet beberapa tahun kebelakangan ini untuk berkomunikasi akan penemuan-penemuan mereka dengan mudah. Tetapi dalam beberapa tahun kebelakangan ini, penggunaan oleh orang awam bukan sahaja di Amerika Syarikat, bahkan juga di seluruh dunia telah mendatangkan kesesakan lalu lintas di Internet yang berhubung kait dengan lebih seratus juta buah komputer di dunia, dan bilangan komputer telah meningkat dan akan terus meningkat. Pelbagai penggunaan telah diamalkan dalam lalu lintas Internet ini sehingga pihak tentera Amerika Syarikat dan para saintis mencari sistem komunikasi yang lain seperti Very High Speed Back Bone Network System (VBNS) untuk kerja yang canggih. VBNS ini seperti sistem-sistem yang lain adalah sangat pesat beberapa ratus kali ataupun beribu kali, beratus ribu kali lebih pesat daripada komputer yang kita ada sekarang.

Sementara itu, dari tadika ke universiti dan dari universiti ke masyarakat umum, berjuta-juta orang telah menggunakan Internet dan lain-lain IT untuk bermacam-macam maksud. Semakin hari bilangan pengguna IT semakin meningkat, ada yang baik dan ada yang buruk. Apa yang kuat untuk mendatangkan kebaikan adalah juga kuat bagi membawa keburukan, "what is powerful for good is also powerful for evil", dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Menurut Profesor Derrick De Kerckhove dari Universiti Toronto, Kanada, beliau berkata, 'cuba satu perkara sahaja yang pasti, iaitu apa yang kita sudah mempelajari setakat ini ialah masa

hadapan bukan seperti masa yang lampau.' Peringkat yang terkemudiannya adalah untuk menginsafi bahawa kita adalah orang-orang yang kurang maju di dalam kebudayaan global baru bagi memajukan dari status di mana kita menjadikan hanya mangsa-mangsa krisis kita sahaja kepada pelopor-pelopor, kita terpaksa mewujudkan fikiran yang kritikal dalam masa-masa yang kritikal ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, Profesor Derrick De Kerckhove sudah mengatakan, 'the only sure things that we have learnt so far is the future is what used to be. The next stage is to realize that we are premisses in a new global culture to grow from the status of near victims about crisis to that of explorers we must develop a sense of critical judgement in critical times.'

Tuan Yang di-Pertua, mahu tidak mahu kita mestilah menerima hakikat dan kenyataan bumi dan kebudayaan global yang baru ini sambil memelihara nilai-nilai dan sektor-sektor yang tradisional, 'ambil yang jernih dan buang yang kotor'. Kita mestilah wujudkan dunia IT ini sebagai dunia yang mempunyai nilai-nilai dan dunia yang memperolehi keadilan kerana dunia tanpa nilai-nilai dan keadilan dan dunia yang tidak sesuai untuk manusia.

Tuan Yang di-Pertua, Koridor Raya Multimedia (MSC) merupakan salah satu bidang IT, ia adalah satu cara yang penting bagi rakyat Malaysia untuk menghayati IT sebagai cara hidup yang baru secocok dengan arus aliran sejagat, secocok dengan aliran universal.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya akan petikkan beberapa perkara sahaja sebelum saya mengakhiri ucapan saya. Saya hendak menekankan bahawa begitu perlunya semasa kita menghayati teknologi baru ini, kita jangan lupakan nilai-nilai tradisional. Saya akan petik dua paragraph sahaja daripada Pak Sako, pujangga negara, sebab beliau menulis dengan bahasa yang indah dan penuh dengan erti. Beliau berkata:

"Sungguhpun pada masa dahulu tidak ada bas atau kereta sekolah, tidak ada kantin, dewan sekolah, khutub khanah dan lain-lain kemudahan seperti yang ada sekarang, tetapi percampuran kami, persaudaraan kami semasa sekolah adalah lebih baik, lebih rapat, lebih mesra.

Dengan mengeluh panjang, saya sedar bahawa selama beberapa tahun lampau ini, macam-macam telah berlaku, kawan jadi lawan, dahulu muda sekarang tua, yang sudah mati ramai."

Negeri Pahang dia sebut, negeri asalnya. Masih disebut-sebut juga sebagai negeri yang paling besar

dan yang paling kaya, tetapi di sebalik Darul Makmur itu, rakyatnya yang ramai tidaklah lagi semakmur pada masa yang lalu, tidak lagi kuat semangat dan pakatnya seperti dalam masa yang lampau.

Tuan Yang di-Pertua, saya petikkan perkataan-perkataan ini kerana saya mahu menyaksikan dengan kita memeluk IT yang baru, dengan kita menghayati MSC, kita perlu mengingati bahawa di dalam dunia manusia, di dalam bumi manusia di Malaysia ini kita hendak menyaksikan rakyatnya lebih selesa, lebih silaturahmi, lebih baik, lebih rapat dan lebih mesra. Itulah yang diharapkannya.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam kelima-lima perkara yang penting untuk rang undang-undang ini, misalnya seksyen 8 yang pada ringkasnya, 'seseorang yang tidak berkuasa yang ada dalam jagaan kawalannya apa-apa program, data atau maklumat lain yang disimpan kepada komputer hendaklah diumumkan, disifatkan telah mendapat capaian tanpa kuasa, melainkan jika dibuktikan sebaliknya.' Pepatah keadilan ialah 'a person is proved innocent until is proved guilty.' Kalau itulah amalan kita, seseorang itu adalah tidak bersalah sehingga dia disahkan bersalah. Di seksyen 8 ini, 'di sebaliknya', jadi pepatah keadilan biasa itu tidak boleh dipakai lagi. Adakah ini bermakna kerajaan hendak mengubah amalan atau norma keadilan di negara ini?

Saya faham susahlah hendak kita mengesan penjenayah ataupun penyalahgunaan komputer. Kadang-kadang kita tangkap satu, ada 95 lagi yang terbiar, yang tidak dapat dikesan, saya faham. Tetapi adakah pihak kerajaan hendak menukarkan norma keadilan di negara ini sepertimana yang termaktub di dalam seksyen 8?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada undang-undang lain lagi yang serupa, umpamanya simpan barang curi, jika seseorang itu didapati menyimpan barang curi, maka dianggap dia telah mencurinya, melainkan dia prove kata dia tidak mencuri. Ada saving clausenya dia boleh prove mengatakan dia dapat benda itu dengan sah. Perkataan dalam seksyen 8 itu, 'jika dibuktikan sebaliknya.'

Tuan Yunus bin Rahmat: Kepong, jangan merapu.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja merapu, kita ada norma keadilan. The normal justice di negara ini tetapi interpretasi Tuan Yang di-Pertua itu ada berbeza sedikit. [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah, adakah point yang lain?

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, ada Tuan Yang di-Pertua!

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, bolehkah Yang Berhormat gulung ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya akan gulung, Tuan Yang di-Pertua.

Seorang Ahli: Gulunglah, gulung.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya! Tuan Yang di-Pertua, kami mencadangkan supaya Malaysia menjadikan pengasas kepada perjanjian antarabangsa (international treaty) untuk memastikan keberkesanan penguatkuasaan undang-undang penyalahgunaan komputer dan teknologi maklumat yang lain. Mungkin perkataan jenayah di sini boleh diubah atau digantikan dengan perkataan yang lain, kerana bukan semua aktiviti yang dimaksudkan itu adalah aktiviti jenayah, mungkin tujuannya itu bukan jenayah - mungkin.

Walaupun saya lihat di sini, norma keadilan itu ada berubah sedikit dan untuk kita memastikan keberkesanan penguatkuasaan undang-undang, penyalahgunaan komputer dan teknologi maklumat yang lain. Itulah sahaja Tuan Yang di-Pertua, saya berharap pihak kerajaan dapat mengadakan kaedah yang mudah untuk meminda rang undang-undang ini dari semasa ke semasa cocok dengan perkembangan arus aliran teknologi maklumat. Sekian, terima kasih.

Seorang Ahli: Apa itu 'cocok'?

Dr. Tan Seng Giaw: Tak payah kacau saya, kata singkat - singkatlah. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Sepang.

6.17 ptg.

Puan Seripah Noli binti Syed Hussin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta dalam membahaskan Rang Undang-undang Jenayah Komputer 1997.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun cuma ada 12 seksyen, tetapi fungsinya sangat penting dalam membanteras sebarang niat atau usaha sesiapa yang berhajat untuk membuat akses atau capaian tidak sah kepada mana-mana sistem komputer yang terkawal. Ini jelas boleh kita lihat dari jumlah hukuman monitorinya yang tinggi dan hukuman penjaranya yang agak panjang.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa aspek dalam akta ini yang mesti kita beri perhatian khusus dan pertimbangan sewajarnya. Beberapa Ahli Yang Berhormat telah menyentuhnya terutama mengenai sistem keselamatan komputer dan hukuman

maksimum yang disediakan, yang agak menjadi isu hangat kerana terlalu tinggi jumlah denda serta hukuman penjara. Saya ingin menyentuh serba sedikit mengenai pelaksanaan akta ini dan memberi beberapa pandangan terhadap akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali mengenai rigidity, dengan izin, yang ada di dalam akta ini hendaklah tidak terlalu ketat dan keterlaluan. Pendrafan peruntukan yang ada, mesti ada sedikit kelonggaran dan flexibility, dengan izin, supaya ia dapat berkembang sesuai dengan waktu dan keadaan semasa perkembangan teknologi maklumat itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, yang perlu ialah penyelarasan dan pengukuhan akta itu dari semasa ke semasa, seiring dengan kemajuan dan perubahan pantas teknologi maklumat itu. Ini bertujuan untuk memastikan keadilan yang sewajarnya kepada mereka yang terlibat dan tertuduh di bawah akta ini. Saya percaya fakta tadi penting bagi membangunkan golongan 'netizen' seperti yang disuarakan oleh Presiden MIMOS tempoh hari.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai aspek pelaksanaan iaitu enforcement pula, dengan izin, ia merupakan fakta terpenting bagi menjayakan sesuatu peruntukan undang-undang itu. Kita semua sedia maklum, bahawa pelaksanaan sesuatu undang-undang adalah sukar, misalnya pelaksanaan undang-undang trafik atau rasuah yang mana ia memerlukan kakitangan dan penggunaan wang rakyat yang banyak bagi melaksanakannya.

Apatah lagi dengan Rang Undang-undang Jenayah Komputer ini, sudah pasti kesukaran pelaksanaannya berlipat kali ganda kerana ini ialah bidang yang baru. Umum mengetahui bahawa bidang teknologi maklumat ini sentiasa berkembang maju setiap hari pada kadar yang sangat pantas, misalnya tahun lepas kita masih boleh membeli komputer 486 CPU dengan izin, di kedai-kedai komputer, tetapi hari ini komputer jenis ini telah lupus, yang ada dijual hanya komputer Pentium dan Pentium pula ada pelbagai tahap dan yang terbaharu. Saya dengar ialah Pentium 200 MMX. Harganya pula berubah-ubah dengan pantas. Jika tahun lepas komputer Pentium harganya yang paling murah ialah dalam lingkungan RM3,000, sekarang kita boleh dapat dalam lingkungan RM2,000 lebih sahaja. Begitulah hebatnya perubahan era komputer ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, dengan keadaan yang sebegini, kakitangan yang terlibat dalam pelaksanaan undang-undang ini mestilah datang dari kalangan mereka yang tahu

menggunakan komputer dan seluk beluk penggunaan komputer, bukan setakat pengguna sahaja atau end user, dengan izin.

Oleh itu, kita perlukan pegawai-pegawai yang berpengalaman untuk mendakwa orang yang disyaki dengan berkesan, kita juga memerlukan badan kehakiman yang berpengetahuan dalam bidang teknologi maklumat ini iaitu adanya hakim-hakim yang berpengetahuan kerana mereka berfungsi dalam mentafsir dan memberi hukuman terhadap pertuduhan di bawah akta ini khususnya dan undang-undang siber lain amnya.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan mungkin akan menjadi kritikal sekiranya badan kehakiman tidak dapat memenuhi tanggungjawab ini sepenuhnya. Begitu juga, kita perlu ada peguam-peguam yang pakar dalam bidang ini, baik peguam di Jabatan Peguam Negara, mahupun peguam yang beramal di sektor swasta, saya difahamkan tidak ramai peguam dalam negara ini yang mahir dalam bidang teknologi maklumat terutama sekali peguam-peguam senior. Dari itu, kelompok ini perlu memberi tumpuan kepada perkembangan terbaru ini. Seruan ini saya tujukan khas kepada peguam-peguam muda agar segala implikasi yang dijangkakan hari ini yang akan berlaku di masa depan dapat ditampung melalui adanya peguam-peguam mahir yang berkebolehan di dalam bidang ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu, pembuktian mungkin sukar dijalankan terutama sekali sekiranya kesalahan dilakukan oleh orang yang mengawal dari luar negeri ataupun capaian tanpa kuasa dilakukan oleh hacker, dengan izin, yang profesional. Masalah penyiasatan dan teknik-teknik penyiasatan mungkin akan menjadi sesuatu isu yang penting. Oleh itu, orang atau pegawai yang terlibat dalam perkara ini memainkan peranan yang penting.

Disingkatkan kata, fakta kemanusiaan adalah terlalu mustahak diberi penumpuan dalam menangani masalah yang melibatkan mesin atau bahan elektronik seperti teknologi maklumat ini, kerana pihak berkuasa berurusan dengan kelompok manusia yang berfikiran sofistikated dan apa yang akan diselesaikan ialah percurian atau pencerobohan atau penipuan yang menggunakan cara-cara yang canggih yang mana di semua keadaan, bahan yang dicuri atau dicerobohi ini tidak hilang dari premis yang dicerobohi. Cuma ia disalin atau dimusnahkan atau dirosakkan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, dari itu saya berharap sistem pelaksanaan dan orang yang terlibat dalam pelaksanaan undang-undang ini mesti cekap,

berpengetahuan dan mahir dalam segala hal dan seluk beluk penggunaan komputer kerana saya percaya bagi seseorang yang tidak pernah menggunakan komputer atau hanya tahu penggunaan asas sahaja tentu tidak dapat berfikir sebagaimana orang komputer berfikir.

Untuk tujuan ini, ingin saya mencadangkan agar satu badan khas ditubuhkan yang seumpama Badan Pencegah Rasuah atau cawangan khas Polis yang mana anggota-anggotanya memang diberikan latihan khusus mengenai bidang yang akan mereka awasi. Maka, elok sekali sekiranya bagi undang-undang siber ini khasnya, Rang Undang-undang Jenayah Komputer ini, satu badan khas diwujudkan untuk memperlicinkan pelaksanaan undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekian, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Menteri menjawab.

6.25 ptg.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Datuk Leo Moggie anak Irok]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya suka mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah bercakap, kalau tidak silap saya lapan orang Ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian dalam perbahasan berkaitan dengan Computer Crime Act ini.

Saya suka mengambil jaminan dari awal-awal lagi bahawa semua pandangan yang diberi oleh Ahli Yang Berhormat sekalian akan dikaji dengan sebaik-baiknya dan sekiranya ianya perlu dipertimbangkan, kerajaan bersedia untuk mempertimbangkan walaupun tidak masa sekarang, ianya boleh dipertimbangkan dalam masa yang akan datang.

Pada permulaannya juga, suka saya menegaskan bahawa benda ini ialah benda baru dan kita mengakui bahawa dalam negara kita ini juga di serata dunia komputer dan sebagainya atau cyberspace dan kerja-kerja berkaitan dengannya memang juga baru dan sebenarnya dunia belum lagi mempunyai pengalaman yang cukup untuk menentukan bagaimana kita dapat menjamin kesemuanya dalam hal ini.

Walaupun demikian, kita dalam kerajaan sekarang berpendapat, wajar sekali kita mengambil pendirian yang tegas untuk menggalakkan perkembangan IT di negara kita ini dan dengan sikap itu kita mengambil langkah untuk bukan sahaja melaksanakan Multimedia Super Corridor tetapi juga untuk meneruskan membenteng beberapa undang-undang yang difikirkan perlu.

Satu dari undang-undang yang kita bentang ialah Computer Crime Act, ianya sebagai suatu rang undang-undang yang disebutkan *societo law* ataupun untuk kegunaan awam dalam hal ini.

Beberapa Ahli Yang Berhormat telah menyentuh dalam beberapa perkara dalam rang undang-undang ini, saya cuma akan memberi penerangan dalam jawapan ini, mungkin pada petang ini, Tuan Yang di-Pertua, masa ini tidak mencukupi dan saya akan menyambung pada hari esok. Tetapi, walaupun demikian, suka saya menyentuh dan memberi terima kasih khususnya pada pertamanya kepada Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong yang telah memulakan debat dalam hal ini semalam dan beliau pun telah memberi hujah-hujah yang terang sekali, yang mendukung pendirian kerajaan dan saya memberi terima kasih.

Keduanya juga, saya memberi terima kasih kepada semua penyokong-penyokong yang memberi sokongan yang penuh, walaupun ada beberapa Ahli Yang Berhormat yang menyampaikan pendirian yang perlu dijelaskan nanti atau esok harinya, saya suka mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat sekalian, termasuklah Ahli Yang Berhormat dari Pembangkang, walaupun Ahli Yang Berhormat dari Tanjong mengatakan diri beliau menyokong tetapi apabila saya mendengar hujah-hujah beliau, seolah-olah dia tidak menyokong dengan hati yang penuh. *[Tepuk]*

Tetapi saya faham pendirian Ahli Yang Berhormat dari Tanjong ini kerana semalam dan hari ini apabila beliau menyambungkan ucapan tadi, saya pun sedar Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, I appreciate the position he is in, because yesterday dia pun ada terlibat very directly, even personally

in the decision of court which must disturb his emotion. Kita faham itu! Itu sebabnya kita biarkan sahaja dia berucap semalam, kita biarkan dia berucap hari ini. Kita tidak jawab, kita tidak minta alasan, ini kita faham.

Beberapa Ahli: Ya.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, walaupun demikian, kita juga faham dalam beliau menjawab itu tadi, dia melibatkan contradiction sedikit. Contradiction apabila pendirian mahkamah atau pendakwa raya tidak setentang dengan pendirian beliau sendiri, dia mengatakan itu double-standard. Apabila bersama dengan pendiriannya, dia mengatakan itu baik, itu bagus. Bagi kita dari kerajaan, kita percaya dengan independence of the judiciary, kita percaya kita tidak terlibat dari mengotorkan apa cara pendakwa raya mendakwa atau tidak, itu bebas dari segi pendirian mereka sendiri, kita menerima kebijaksanaan Attorney-General, kita menerima kebijaksanaan skim undang-undang di negara kita ini dan kita menerima keputusan mahkamah. Itu pendirian kerajaan, kita tidak mengamalkan double-standard bahkan saya melihat dari segi emosi yang dikeluarkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, mungkin beliau sendiri ada juga mengamalkan double-standard ini, walaupun beliau *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta sambung besok ya.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan hingga 2.30 petang besok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.